

Jilid III
Bil. 29



Hari Khamis
19hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5569]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) [Ruangan 5629]

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan) [Ruangan 5657]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinahalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.U., P.N.B.S., P.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MCHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.L.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.p. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSU BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
 „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
 „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
 „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
 „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., **J.P.** (Semporna).
 „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hutu Selangor).
 „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang
 Lupar).
 „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon,

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 19hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *rnem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TANAH TERBIAR

1. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan takrif bagi "tanah terbiar". Adakah tanah Kerajaan yang diusahakan oleh peladang individu secara haram juga dikira sebagai tanah terbiar.

- (a) berapa luasnya tanah seperti ini yang terdapat di seluruh negara; dan
- (b) adakah pihak berkuasa bercadang menghalalkan kependudukan tanah tersebut memandangkan usaha peladang-peladang itu telah banyak membuahkan hasil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, tanah terbiar dikategorikan kepada 2 jenis iaitu tanah terbiar bukan sawah dan tanah terbiar sawah. Tanah terbiar bukan sawah yang dimajukan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensinya FELCRA secara amnya ialah kawasan

tanah yang telah diberi hakmilik (sama ada secara individu, berkongsi atau berkelompok), tetapi tidak diusahakan sepenuhnya. Tanah terbiar juga meliputi kawasan-kawasan tanah milik yang diusahakan hanya untuk beberapa waktu sahaja dan kemudiannya ditinggal terbiar yang menyebabkan hasilnya tidak diperolehi dan jika diperolehi sekalipun, hasilnya tidak separas atau setimpal dengan keluasan tanah yang ada.

Tanah terbiar sawah yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian ialah tanah yang mempunyai hakmilik tetapi tidak diusahakan lebih daripada 3 tahun berturut-turut dan adalah dianggap tanah terbiar yang berpanjangan. Tanah-tanah sawah yang berpotensi untuk dilaksanakan tanaman 2 musim bagi satu tahun tetapi hanya digunakan satu musim sahaja selama 3 tahun berturut-turut juga dianggap sebagai tanah terbiar di luar musim. Tanah-tanah Kerajaan yang diusahakan oleh peladang-peladang individu secara haram tidak ditakrifkan sebagai tanah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan mengenai luas tanah Kerajaan yang diusahakan oleh peladang individu secara haram di seluruh negara belum lagi dapat dikumpulkan dengan tepat kerana ianya sukar didapati.

Soal sama ada tanah Kerajaan yang diusahakan oleh peladang secara haram ini hendak dihalalkan tidak langsung ada kaitan dengan tanah

terbiar. Tambahan lagi, tanah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di bawah tanah terbiar bukan sawah, berapa banyakkah keluasan yang masih lagi belum dimajukan dan juga termasuk tanah-tanah terbiar yang berbentuk sawah?

Dalam hal tanah sawah terbiar, usaha-usaha mempercepatkan pembangunan tanah sawah terbiar, ini mempunyai halangan yang banyak dan apakah halangan-halangnya dan juga apakah salah kalau sekiranya Kerajaan dapat memperuntukkan peruntukan kewangan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang untuk mempercepatkan proses mengurangkan tanah-tanah terbiar?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, tanah terbiar yang belum dimajukan bagi sawah ialah 14,669.7 hektar dan tanah-tanah bukan sawah yang belum dimajukan ialah 38,440 hektar. Angka ini ialah sehingga Disember 1987 dan juga sehingga Disember 1988.

Bagi soalan yang kedua iaitu Kerajaan dikehendaki memberikan peruntukan yang lebih untuk LPP mengusahakan tanah yang terbiar, soalan itu adalah luar daripada Kementerian saya kerana agensi yang melaksanakan tanah terbiar di bawah Kementerian saya ialah FELCRA, bukan LPP.

PENGUNDI MENGGUNAKAN KAD PENGENALAN PALSU

2. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang terdapatnya beberapa pengundi yang telah mendaftar sebagai pengundi dengan menggunakan Kad Pengenalan palsu di negara ini terutama sekali di Sabah; kalau tidak,

adakah Kerajaan akan membuat penyiasaan dalam hal ini. Kalau sedar, adakah Kerajaan mengambil tindakan agar senarai pengundi-pengundi berkenaan dihapuskan dalam buku daftar pengundi sebelum pilihanraya yang akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua Suruhanjaya Pilihanraya tidak sedar tentang adanya pengundi-pengundi yang telah mendaftar sebagai pengundi dengan menggunakan Kad Pengenalan palsu seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak-pihak yang mendakwa dapat memberi bukti yang kongkrit bahawa ada di kalangan pemilih-pemilih ataupun ada nama-nama di dalam daftar pemilih menggunakan Kad Pengenalan palsu, Suruhanjaya Pilihanraya sedia untuk mengambil tindakan memotong nama-nama pemilih yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membangkitkan isu seperti ini, saya ingin mengesyorkan supaya kita berhati-hati sedikit iaitu supaya memberi bukti-bukti yang kongkrit. Kalau tidak, ianya boleh menjejaskan kepercayaan awam terhadap satu badan bebas seperti Suruhanjaya Pilihanraya yang menjalankan urusannya mengikut undang-undang dan peraturan yang ada secara adil. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat atau sesiapa jua pun mempunyai bukti-bukti yang cukup untuk dikemukakan, mereka boleh berbuat demikian dan Suruhanjaya Pilihanraya akan memberi layanan dan mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang dan peraturan yang ada pada masa ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak menyedari tentang wujudnya nama-nama yang menggunakan Kad

Pengenalan palsu di dalam daftar pemilih, manakala baru-baru ini Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya ada membuat kenyataan, terdapat lebih kurang 400,000 nama yang dikatakan tidak seharusnya ada di dalam daftar, sama ada meninggal dunia ataupun sebab-sebab perkara yang lain, sehingga Suruhanjaya membelanjakan sebanyak \$3 juta. Maka, saya ingin mengetahui apakah bentuk sistem yang digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, komputer bagaimanakah yang dipakai dalam menentukan nama-nama daftar pengundi kerana sebagai bukti kita juga sedang menyemak list daftar mengundi.

Di sini saya ingin membuktikan kepada Yang Berhormat Menteri sebagaimana contoh, ada lebih kurang 300 nama di sini yang kad pengenalannya sama. Saya ingin menyebut di sini sebagai contoh.

No. Kad Pengenalan	— 000478
Nama	— Chandassuami s/o Murugasu
Alamat	— No. 160, Jalan Ngin Heng, Air Molek
No. Kad Pengenalan	— 000478
Nama	— Abdul Razak bin Abdul Ghani
Alamat	— Berek DSN, Jalan Salim, Air Molek
No. Kad Pengenalan	— 000481
Nama	— Tan Meng Que
Alamat	— Jalan Turus, Kampung Pas

Semua ada bukti-bukti dengan saya, yang menunjukkan bahawa ada seorang pengundi serupa no. kad pengenalan, dua dan tiga sehingga

empat, kad pengenalan yang sama dalam daftar pengundi. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri jaminan Kerajaan, apakah perkara ini akan diperbetulkan jika Pilihanraya Umum diadakan pada tahun ini. Kerana jika Pilihanraya di adakan pada tahun ini maka digunakan daftar yang lama dan kalau sekarang ini penyemakan baru dibuat maka pendaftaran baru akan digunakan pada tahun hadapan. Pokoknya apakah tindakan Kerajaan mempastikan supaya daftar pemilih bersih dan betul sebagaimana yang sepatutnya.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu keliru sedikit. Soalan ini ialah mengguna kad pengenalan yang palsu. Kalau kad pengenalan itu palsu tentu sekali kita tidak dapat mendaftarkannya. Kalau kita mengatakan kad pengenalan itu palsu, buktikan bahawa kad pengenalan yang disebut itu palsu. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu ialah soalan pendaftaran bertindih. Itu memang kita mengakui ada. (*Tepuk*) Bahkan umpamanya di Sabah, mengikut angka yang ada pada saya lebih kurang 21,000 dan usaha memang sentiasa dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk membersihkan senarai ataupun roll of voters, senarai pengundi-pengundi sepanjang tahun. Apa yang perlu ialah bagi menyenangkan semua pihak, termasuklah kita sendiri, supaya sewaktu senarai ini dipamirkan pada tiap-tiap tahun, selama lebih kurang dua minggu, kita harus datang mengkaji dan melihat sama ada betul atau tidak senarai-senarai yang dipamirkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau sekiranya senarai yang dipamerkan itu tidak betul maka haruslah kita menarik perhatian pihak Suruhanjaya Pilihanraya supaya ianya dapat diperbetulkan.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pengerusi

Suruhanjaya Pilihanraya yang sebenarnya telah mengaku terdapat beberapa pengundi yang telah didaftarkan yang menggunakan kad pengenalan palsu kerana ini terbukti dengan pendaftaran kad-kad pengenalan bertindih.

Saya ingin bertanya adakah benar bahawa pengundi-pengundi yang memegang kad palsu ini telahpun diatur pendaftarannya melalui atau secara langsung oleh pihak-pihak parti politik kerana kita tahu kalau sekiranya pendaftaran pengundi dibuat oleh seseorang maka kita ketahui pertindihan pendaftaran ini tidak berlaku. Adakah pendaftaran sebegini rupa kalau benar adalah salah dalam segi undang-undang kepada pihak-pihak tertentu yang membuatnya.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa kalau kita mempunyai bukti yang konkrit, bukti yang jelas, bahawa seorang pengundi itu atau nama yang disenaraikan dalam senarai pengundi dapat kita buktikan bahawa kad pengenalan yang digunakannya itu kad pengenalan palsu maka seharusnya kita melaporkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan apabila perkara ini terbukti palsu maka pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan mengeluarkan nama daripada senarai itu.

Tentang sama ada ini dibuat oleh parti politik ataupun tidak, wallahualam, saya tidak pasti dalam halini.

**MAJLIS PERUNDINGAN
EKONOMI NEGARA (MPEN)—
LAPORAN**

3. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sejak Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang diwujudkan awal Januari 1989 yang

lalu, sejauh manakah kajian dan rumusan sera cadangan yang telah dibuat oleh Majlis yang berkenaan kerana buat masa ini masih kedengaran ahli-ahlinya menghadapi berbagai-bagai masalah untuk mendapatkan data-data dan juga maklumat-maklumat yang diperlukan.

1-11-89

15. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya beberapa ahli dan badan telah menarik diri daripada penyertaan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dan adakah MPEN ingin mengubahsuai cara perbincangan dan perjalanan MPEN yang dihadapi oleh mereka.

8-11-89

3. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang dicapai oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dalam usaha mengemukakan cadangan berkenaan dengan Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 dan bilakah tugas MPEN dijangka selesai.

10-11-89

14. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah MPEN sudah membuat perancangan-perancangan bagi menentukan corak ekonomi negara di masa hadapan dan bagaimana pula terdapat bahawa ada anggota-anggota MPEN tidak mahu bersama di dalam majlis tersebut dan adakah ini terjejas tujuan MPEN ditubuhkan.

28-11-89

27. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah wakil-wakil N.E.C.C. menjalan dan/atau membuktikan dan memberi pandangan terhadap polisi-polisi untuk meneruskan Dasar Ekonomi Baru apabila mereka

menafikan dan juga tidak menerima data-data daripada pihak Kerajaan. Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr SiU Zaharah binti Haji Sulaiman); Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, Kota Setar, Larut dan Batu Gajah yang masing-masing diadualkan mendapat jawapan pada 1, 8, 10 dan 28 November 1989, memandangkan bahawa soalan-soalan mereka pada asasnya adalah sama, iaitu mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN).

Sehingga ini, MPEN telah mengadakan persidangan pleno sebanyak sembilan kali. Ini telah memberi peluang kepada setiap kali mengeluarkan pendapat dan hujah masing-masing mengenai prestasi DEB dan isu-isu masa depannya, serta membincangkan laporan daripada beberapa Jawatankuasa. Laporan-laporan yang telah dibincangkan adalah:

- (i) Laporan Jawatankuasa Pengetahuan, Metodologi dan Analisa Data dan Maklumat;
- (ii) Laporan Jawatankuasa Ekonomi Negara dan Perkembangan Antarabangsa Jilid I & II; dan
- (iii) Laporan Awal Jawatankuasa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia.

Laporan daripada Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Oasar Pembasmian Kemiskinan dan Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Penyusunan Semula dijangka akan dibincangkan pada sidang pleno awal November ini. Sementara itu Jawatankuasa Mengenai

Perpaduan Negara sedang menyiapkan laporannya untuk dikemukakan kepada Majlis.

Berdasarkan perkembangan dan kemajuan setakat ini. MPEN dijangka akan mengemukakan lapparan lengkap kepada Kerajaan pada penghujung tahun ini.

Berkaitan dengan data dan maklumat yang diperlukan oleh ahli-ahli, saya difahamkan kebanyakan daripada data-data dan maklumat yang berkenaan telah pun diberikan kepada mereka setakat yang ada, sama ada melalui sidang pleno atau melalui Jawatankuasa masing-masing. Data dan maklumat ini telah digunakan dalam menyediakan laporan-laporan Jawatankuasa dan juga laporan ahli-ahli secara individu.

Soal sama ada ahli-ahli Majlis menerima data atau tidak daripada pihak Kerajaan, ini tidak sepatutnya menimbulkan masalah kerana adalah menjadi hasrat Kerajaan agar ahli MPEN tidak bergantung semata-mata kepada data dan maklumat Kerajaan tetapi mereka sendiri seharusnya membantu dan berusaha mendapatkan bahan-bahan lain di luar Kerajaan.

Berhubung dengan isu penarikan diri beberapa orang ahli daripada MPEN, saya difahamkan hanya sebilangan kecil ahli-ahli individu dan yang mewakili pertubuhan tertentu yang terlibat. Mereka pada asasnya tidak bersetuju dengan kandungan draf laporan Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia, yang telah dibentangkan dalam sidang pleno Majlis. Pengerusi MPEN telah mengeluarkan ulasan MPEN mengenai perkara ini dan mereka yang menarik diri telah diminta menimbang semula keputusan mereka. Sebenarnya tujuan perabentangan draf laporan itu adalah hanya untuk mendapatkan komen, pandangan dan teguran daripada semua

ahli MPEN supaya Jawatankuasa berkenaan dapat memperbaiki laporan tersebut. Adalah dijangka laporan Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia itu akan dibentangkan semula di sidang pleno pada awal November ini.

Ingin ditegaskan bahawa masalah penarikan diri ahli adalah menjadi tanggungjawab MPEN sendiri menyelesaikannya dan terpujulah kepada MPEN menimbangkan sama ada masalah ini menjejaskan perjalanannya. Bagi pihak Kerajaan, adalah diharapkan cara perbincangan dan perjalanan Majlis dijalankan seperti biasa iaitu mengikut peraturan mesyuarat yang telah dipersetujui dan ditetapkan oleh ahli-ahli Majlis sendiri. Oleh itu, pihak Kerajaan tidak akan bercampur tangan dalam hal ini.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa setengah daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang ditubuhkan tidak mengiktiraf kesahihan data-data dari sumber Kerajaan. Kalau inilah betul, apakah data-data yang mereka pakai pada masa ini dan saya juga dapat tahu bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa ini cuba mengutip data-datanya sendiri dengan hanya kurang daripada setahun. Saya ingin tahu apakah pendapat ataupun pendirian Kementerian ataupun Timbalan Menteri di dalam hal ini. Adakah data yang dikutip kurang dari setahun ini valid dan apakah akan diterima segala conclusionnya, dengan izin.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah adil hanya disebabkan oleh pihak yang tidak bersetuju dengan data-data Kerajaan disediakan, harus mereka membuat satu kenyataan yang boleh meninggalkan suatu implikasi kepada MPEN. Bagi Kerajaan

dokumentasi kita ada, seperti RIML dan lain-lain, setakat yang ada yang boleh dirujuk. Mana punya Kerajaan yang tidak mengaku data kita yang boleh diterima, malah memang menjadi satu kebiasaan bahawa ada pihak-pihak, terutamanya pihak Pembangkang yang memang tidak mahu terima data daripada Kerajaan. (*Disampuk*) Tetapi itu adalah data yang telah disediakan. Oleh yang demikian, bagi masalah berkenaan dengan kesahihan data ini ataupun sama ada boleh diterima atau tidak adalah urusan MPEN untuk menilaikannya dan bukan urusan Kerajaan. Kerajaan menunggu persiapan laporan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar jawapan, terutamanya mengenai data dan maklumat itu membayangkan Yang Berhormat yang tidak begitu mendalami masalah-masalah yang terdapat dalam MPEN, terutamanya memandangkan Kerajaan menggunakan wang rakyat yang begitu banyak untuk menubuhkan EPU dan sebagainya untuk mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat ini. Mengapakah Kerajaan tidak boleh membekalkan maklumat-maklumat yang penting seperti saya tanya di dalam Dewan yang mulia ini banyak kali masalah biasiswa dan sebagainya tidak dibekalkan dalam MPEN. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa saya sendiri ada mengemukakan lebih daripada 60 soalan dan minta maklumat tetapi diberikan bahawa Jawatankuasa itu telah menerima data-data tersebut, saya tidak payah bimbang. Itu sama ada Yang Berhormat hendak menyemak semula sikap yang begitu tidak adil daripada Kerajaan untuk memberi maklumat kepada ahli-ahli MPEN supaya dapat itu membuat rumusan yang adil dan saksama untuk dasar selepas 1990. (*Tepuk*)

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan bahawa pada maklumat kami bahawa data-data yang diminta telah diberi setakat yang ada. Kalau Yang Berhormat ada data-data lain, silalah kemukakan kepada pihak MPEN. Jadi, tidaklah adil bagi Yang Berhormat mengatakan bahawa data-data yang diminta itu tidak diberi. Kalau Kerajaan tidak mahu.

Seorang Ahli: Tidak faham.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:... kalau saya tidak faham saya tidak akan berdiri di sini, Yang Berhormat, sebab Kerajaan kita liberallah maka kita menubuhkan satu forum rakyat seperti MPEN. Kalau tidak setuju, itu terpulang pada sendirilah.

RANCANGAN PERUMAHAN KOS RENDAH—BILANGAN

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan unit-unit kos rendah yang siap dibina oleh setiap negeri di bawah rancangan perumahan kos rendah khas tiga tahun dari 1986-1989 berbanding dengan sasaran yang ditetapkan bagi setiap tahun; dan sama ada Kerajaan-kerajaan negeri diberi subsidi galakan sebanyak \$6,500.00 bagi setiap unit yang siap dibina di bawah tempoh tiga tahun itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, di bawah program khas perumahan kos rendah PKR setakat 3hb Jun, 1989, sejumlah 341,255 unit telah dikenalpasti untuk pelaksanaan walaupun sasaran asal yang ditetapkan ialah 240,000 unit bagi tiga tahun mulai Julai 1986 hingga Jun 1989. Setakat tempoh yang sama, sejumlah 23,134 unit atau 9.6% daripada sasaran 240,000 unit telah siap dibina untuk seluruh negara. Pecahan bilangan unit yang siap dibina

bagi tiga tahun pelaksanaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Unit Telah Siap Dibina
Kedah ..	5,778
Pulau Pinang	120
Perak ..	773
Kelantan ..	387
Pahang ..	106
Wilayah Persekutuan	4,706
Selangor ..	1,492
Negeri Sembilan	1,345
Melaka ..	634
Johor ..	7,104
Sabah ..	492
Sarawak ..	197

Bagi soalan kedua, menyentuh tentang bahagian kedua soalan Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan Persekutuan tidak pernah berjanji untuk memberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri subsidi galakan sebanyak \$6,500 bagi setiap unit yang dibina di bawah PKR.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan dalam tempoh tiga tahun ini program khas ini, baru 23,000 unit disiapkan, tidak sampai 10%. Nampaknya Kerajaan Barisan Nasional "10 percenter" banyak bidang. (*Tepuk*) Bolehkah Kerajaan memberi kenyataan bagaimana Kerajaan akan menjalankan tugas untuk memberi rumah kepada mereka yang berpendapatan rendah dengan cekap dan berkesan, dan semacam angka yang telah diberi untuk negeri Pulau Pinang, 120 unit, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu bita 120 buah unit ini disiapkan? Adakah dalam dua tiga minggu ini oleh kerana baru-baru ini di Persidangan Perundangan Negeri Kerajaan Pulau Pinang mengakui satu

unit pun belum disiapkan. Adakah ini dibina dalam mimpi Yang Berhormat Menteri? (*Ketawa*)

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang pertama itu dikatakan kurang 10% rumah-rumah untuk rancangan program khas telah siap, itu memang benar. Tetapi yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, yang bakinya masih dalam berbagai-bagai peringkat pelaksanaan.

Yang kedua itu berkenaan dengan perbincangan yang telah dijalankan di Dewan Perundangan Pulau Pinang yang menyatakan belum ada satu unit telah disiapkan, itu mengikut maklumat Dewan Perundangan Pulau Pinang, (*Disampuk*) tetapi untuk maklumat Dewan ini, angka yang diberikan kepada pejabat Menteri menyatakan 120 itu telah siap. Jadi, kalau Yang Berhormat yang berkenaan hendak mengesahkan bahawa mana angka yang betul, saya berpegang angka yang saya berikan itu betul.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah atas harapan Yang Berhormat Menteri Perumahan dalam perancangan ini. Satu perkara yang selama ini menjadi masalah yang tidak boleh dan belum lagi diselesaikan di antara kawasan-kawasan negeri-negeri ialah ternyata wujud perbezaan yang besar dari segi harga rumah-rumah kos rendah, di Semenanjung, misal kata, harganya 40% lebih rendah daripada yang di Sarawak dan Sabah. Tidak tahulah Sabah mungkin tinggi lagi, jadi adakah pihak Kementerian mengkaji akan perbezaan ini dari segi harga kos kerana saya tengok kalau ditanya harga simen sama, harga kayu pun sama, gaji orang pun sama, jadi, mereka katakan kos tinggi. Jadi, apakah faktor-faktor yang sebenarnya menyebabkan perbezaan wujud di antara Sarawak dengan Semenanjung Mataysia dari segi harga rumah ini.

Keduanya, tadi Yang Berhormat kata di Sarawak ada 179 buah rumah sudah siap, jadi, boleh Yang Berhormat sebutkan bukti di mana yang sudah siap itu, sama ada di Simunjakah ataupun di manakah, sudah pergikah atau tidak.

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya pada keseluruhannya kos untuk membina rumah, sama ada rumah kos rendah ataupun kos sederhana memang lebih tinggi di Sarawak dan Sabah daripada di Semenanjung Malaysia. Tetapi berapa beza kos sesuatu rancangan atau projek yang berkenaan di antara negeri Sarawak dan Semenanjung ataupun projek-projek lain di negeri Sarawak pun berbeza-beza adalah berdasarkan kepada locality ataupun harga-harga barangan yang digunakan untuk sesuatu projek itu.

Kedua, berkenaan dengan 179 buah rumah yang telah siap di Sarawak, saya minta notis kerana tidak dapat.

Berapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lee Kim Sai: Yang menjerit-jerit itu saya berani cabar dan kalau sesiapa ingat boleh sebutkan berapa ribu itu, di mana dan berapa unit yang siap, saya berani cabar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan angka itu saya minta notis.

Tuan Haji Bujang Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

LATIHAN PENGURUSAN PERNIAGAAN KEPADA BELIA

5. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (i) Memohon Kementerian menubuhkan sebuah Pusat Latihan Belia, khususnya di Negeh

Perak untuk memberi latihan secukupnya kepada Belia-belia lebih-lebih lagi belia-belia di luar bandar kerana pusat yang sedia ada tidak mencukupi dan ini juga dapat mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia-belia.

- (ii) Pemohon diwujudkan bantuan yang lebih dalam aspek pembangunan belia setanding dengan Pembangunan Sukan yang telah diperolehi, semoga belia-belia dapat menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dengan lebih pesat dan sempurna lagi dari segi berniaga, bertani dan sebagainya, dengan ini penghijrahan belia-belia luar bandar ke bandar dapat dikurangkan.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sudah ada sebuah Pusat Latihan yang bernama Institut Belia Usahawan (!BU) di Negeri Perak yang memberi latihan pengurusan perniagaan untuk belia-belia yang ingin menjadi usahawan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan mengambil perhatian untuk menubuhkan Pusat Latihan Belia dalam bidang kemahiran pada masa akan datang kelak.

Kementerian Belia dan Sukan amat sedar bahawa bidang belia perlu menerima peruntukan yang lebih bagi menambahkan program-program yang sedang dilaksanakan seperti dalam bidang latihan keusahawan, latihan kemahiran, bantuan modal perniagaan, latihan sambil bekerja dan Bengkel Teknologi Desa. Permohonan untuk menambahkan peruntukan bagi pembangunan belia sedang dipertimbangkan oleh agensi-agensinya pusat.

Untuk mengalakkan lebih ramai belia mencebur diri dalam sektor pembinaan dan perindustrian, satu gerakan kesedaran akan dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan Kementerian Buruh. Tujuan gerakan ini ialah bukan sahaja memberi maklumat mengenai peluang pekerjaan tetapi juga untuk mengubah sikap dan sistem penilaian para belia memilih pekerjaan yang berpotensi menolong mereka menjadi usahawan atau pekerja yang berjaya dan tidak pandang rendah kepada setengah pekerjaan.

SUIL PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA— PENGIKTIRAFAN

6. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan keputusan "General Medical Council of Britain" tidak memberikan pengiktirafan mereka terdapat sijil Perubatan Universiti Malaysia mulai tahun depan. Sama ada rayuan telah dibuat terhadap keputusan "council" untuk memikirkkan semula keputusan mereka. Sekiranya ada, untuk memberitahu jawapan tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun meneliti teguran-teguran yang diutarakan oleh General Medical Council, United Kingdom terhadap Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan tindakan-tindakan telah dan sedang diambil untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Fakulti berkenaan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Universiti Malaya telah diberi kelonggaran oleh JPA untuk melantik dan mendapatkan

perkhidmatan pensyarah-pensyarah yang berkelayakan dan bertauliah dari luar negeri secara kontrak. Setakat ini Fakulti Perubatan Universiti Malaya mempunyai 343 orang pensyarah dan terdapat 102 jawatan yang masih kosong.

- (ii) Memberi peruntukan tambahan sebanyak \$64 juta untuk mempertingkatkan kemudahan di Hospital Universiti.
- (iii) Kerajaan telah membenarkan Fakulti Perubatan, Universiti Malaya menggunakan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Kelang sebagai Hospital Pengajar (Teaching Hospital).
- (iv) Meneliti kembali program-program perubatan untuk disesuaikan dengan keperluan dan kehendak-kehendak semasa.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa langkah-langkah ini tidak diambil lebih awal lagi, terutama sekali apabila General Medical Council melawat Malaysia pada tahun 1984. "GMC" telah membuat beberapa cadangan seperti nisbah antara tenaga pengajar dan penuntut patut ditingkatkan iaitu pada masa itu ada 1:5, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada tahun 1989 apabila pengiktirafan ditarik balik nisbah antara tenaga pengajar dan penuntut adalah 1:4. Itu bukan satu peningkatan yang baik, seolah-olah tidak ada satu langkah yang telah diambil oleh pihak berkenaan supaya mengambil kira cadangan-cadangan yang dibuat oleh "GMC" dan saya ingin bertanya di sini mengapakah pihak Kerajaan atau pihak yang berkenaan tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya.

Kedua, saya hendak bertanya, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap "GMC" ini bukan dengan langkah-langkah menerusi Universiti Malaya tetapi seterusnya dengan "GMC". Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap General Medical Council, United Kingdom sebab ini adalah satu badan luar negeri dan kita mendapat nasihat daripada mereka dan doktor-doktor yang sudah dilatih di Universiti Malaya itu boleh menjalankan praktis di negara kita sendiri dan saya belum faham lagi sebab apa tindakan-tindakan tidak diambil lebih dahulu dan perkara ini sedang disiasat dan selepas kita dapat laporan yang lebih lanjut maka saya akan memberi satu jawapan yang lebih lengkap.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu, setakat ini selain daripada General Medical Council, Britain ini berapakah badan-badan iktisas asing yang telah menarik balik pengiktirafannya terhadap sijil perubatan Universiti Malaya. Jika ada, apakah asasnyanya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum tahu lagi mana-mana badan yang menarik balik pengiktirafan terhadap UM. Pada masa ini kita mendapati hanya "GMC" sahaja yang menarik balik pengiktirafannya dan saya minta notis dahulu sebelum saya menjawab.

LESEN PUKAT TUNDA

7. Tuan Ghazali Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa lesen pukut tunda kecil di bawah 25 tan yang dikeluarkan kepada nelayan-nelayan di Kedah sehingga Jun, 1989;

- (b) berapa buah bot nelayan kecil pukat tunda bawah 25 tan yang telah ditangkap mencero bohi kawasan-kawasan pantai di Kedah bagi tahun 1988/1989;
- (c) apakah tanda-tanda yang menunjukkan jarak yang telah dibuat di dalam laut bagi memahami nelayan tentang kawasan tangkapannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian:

- (a) Jumlah lesen pukat tunda di bawah 25 GRT yang telah dikeluarkan pada tahun 1988 adalah sebanyak 216 unit dan pecahannya adalah seperti berikut:

Bumiputera .. 164 unit.

Bukan

Bumiputera .. 52 unit.

Sehingga 30hb Jun, 1989 jumlah lesen pukat tunda di bawah 25 GTR bagi negeri Kedah yang telah dibaharui adalah seperti berikut:

Bumiputera .. 156

Bukan

Bumiputera .. 51

Jumlah .. 207

Bagi menjawab bahagian:

- (b) pada tahun 1988 terdapat sebanyak 79 buah bot nelayan kecil pukat tunda di bawah 25 GTR yang telah ditangkap mencero bohi kawasan-kawasan pantai di Kedah, sementara sehingga 16-10-1989 terdapat sebanyak 19 kes tangkapan bot bermuatan sedemikian di kawasan sama.

Bagi menjawab bahagian:

- (c) Adalah dipercayai bahawa seseorang nelayan mempunyai

pengalaman dan berkemampuan untuk menentukan sendiri secara kasar tentang jarak jauhnya sesuatu kawasan laut itu dari pantai. Sekiranya pihak Kementerian Pertanian meletakkan tanda-tanda sempadan seperti boya atau sebagainya ianya hanya akan menjadi penghalang kepada laluan kapal dan juga bot-bot menangkap ikan. Pihak Kementerian Pertanian sudah menyediakan peta-peta menandakan zon-zon menangkap ikan tersebut dan sekiranya perlu satu taklimat boleh diatur tentang perkara ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada masa sekarang terdapat dua badan penguatkuasa untuk menangkap bot-bot nelayan ini iaitu pihak perikanan dan juga pihak marine. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi penguatkuasa bagi menangkap lebih banyak bot nelayan bagi menyusahkan mereka.

Yang kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan pengeluaran lesen-lesen baru kepada nelayan-nelayan di Negeri Perlis, oleh kerana kawasan laut Perlis tidak bertambah malah akan berkurangan kalau sekiranya berlaku usaha Kerajaan Negeri untuk menambahkan laut, jadi adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan pengeluaran lesen dan juga tidak mengiktiraf sebahagian daripada nelayan yang ada sekarang ini sebagai nelayan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, saya suka nyatakan di sini bahawa anggota penguatkuasaan terdiri dari navy,

polis marin, marin Jabatan Perikanan dan juga TUDM. Ini bermakna bahawa anggota inilah yang akan menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan dan lain-lain lagi sama ada pencerobohan dari kalangan nelayan asing ataupun nelayan kita sendiri. Pencerobohan nelayan kita sendiri bermakna pencerobohan dari segi zon-zon, dan penguatkuasaan ini sebenarnya tidak boleh diabaikan sekiranya kita benar-benar ingin menjaga atau memelihara sumber ikan. Kita bimbang satu hari bila sumber ikan tidak mencukupi maka rakyat juga akan melaung. Jadi, sekarang satu undang-undang yang khusus telah diperuntukkan bagi memberi kekesanan kepada penguatkuasaan ini.

Berhubung dengan soalan yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, setakat ini dari segi lesen kita merabeku lesen baru bermula pada tahun 1982 lagi. Soal lesen baru ini memang kita tidak akan keluarkan, dan berhubung dengan soal lesen penangkapan ikan laut dalam di kawasan Semenanjung, pada masa ini, kita juga tidak akan mengeluarkan, kerana kita membekunya sehingga suatu masa yang kita fikir perlu.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sekarang Kementerian Pertanian telah pun membekukan bagi mendapat lesen-lesen nelayan-nelayan bagi pukat tunda ini. Saya rasa dalam penangkapan yang dibuat oleh Kementerian kepada nelayan kecil yang baru-baru ini kebanyakan nelayan ini memang telah mengubah cara hidup mereka daripada nelayan tradisi kepada nelayan yang lebih baik sedikit yang menggunakan jenis pukat tunda kecil di kawasan-kawasan pantai. Inilah yang selalunya menjadi mangsa kepada tindakan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa ini. Sepatutnya

Kementerian juga harus membuka semula dan jangan dibekukan, kalau ini juga dibekukan kemungkinan akan lebih ramai lagi nelayan pantai menjadi mangsa bagi ditangkap oleh pegawai-pegawai ini kerana mereka juga telah mengubah cara hidup mereka daripada nelayan tradisi yang hanya kais pagi makan pagi yang sekarang telah mengubah cara hidup mereka dengan lebih baik.

Dan yang keduanya soalan saya dengan zon kawasan tangkapan ikan. Kalau orang Perlis tangkap ikan di Pulau Langkawi, mereka akan kena tangkap oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, dan juga orang Pulau Pinang akan datang ke Kedah, Kedah ke Pulau Pinang, inilah yang saya sebutkan kawasan-kawasan tangkapan ikan ini dengan zon-zon yang tertentu ini menyebabkan nelayan kita yang selalunya diumbang ambing oleh ombak yang boleh hanyut di mana-mana kawasan yang tidak ada batasan yang dapat disekatkan. Apakah ini juga menjadi satu masalah yang boleh menjadikan nelayan kita sengsara dengan tindakan-tindakan oleh Kementerian ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi bahawa kita, sebenarnya sebagaimana yang saya nyatakan sekejap tadi, ingin memelihara sumber ikan, dan oleh sebab itulah kita benar-benar berhati-hati dari segi zon-zon ini, sebab itu kita ada zon A umpamanya, daripada kawasan pantai sampai ke kawasan lima batu dan bagi zon ini kita khususkan kepada nelayan tradisi. Tetapi nelayan tradisi ini sebenarnya boleh pergi ke mana-mana ceruk sampai kepada zon 30 batu yakni tidak ada halangan bagi mereka. Tetapi kalau nelayan yang dikhususkan bagi zon-zon di antara 5 hingga 12 batu, mencerobohi kawasan pantai, nelayan, ini akan ditangkap sebagai

penceroboh. Mereka ini, sepatutnya, kalau benar-benar ingin menjalankan tugas yang lebih kuat, lebih handal, lebih baik, meneruskan usaha mereka ke kawasan yang lebih jauh lagi, bukannya mengacau kawasan yang mana sumber itu perlu diawasi.

Yang kedua, di antara itu kita menggalakkan nelayan kita sama mencebur diri dalam usaha pertanian. Banyak bidang pertanian yang boleh mereka ceburi dan setakat ini kalau tidak silap saya, tidak kurang dari 150 orang yang telah pun mencebur dalam bidang pertanian. Mereka menjadi peneroka FELDA dan perkara ini memang digalakkan jikalau mereka ingin.

Dan soalan yang kedua, sama ada menyusahkan atau tidak, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa ini tidak menyusahkan. Jadi yang perlu pada hari ini, ialah bahawa setiap nelayan menyedari, yang pertama, kita ingin menjaga sumber ikan untuk mereka juga, yang kedua mereka pasti faham zon-zon tertentu yang mana mereka terpaksa menjalankan kegiatan mereka, janganlah mereka mencerobohi. Dan saya suka beri ingatan kepada mereka bahawa pegawai penguatkuasa yang ada pada hari ini tidak akan berdiam diri terhadap mereka yang mencerobohi.

BAHASA MALAYSIA— PENGUSAHAAN MURID DI SRJK (C) DAN SRJK (T)

8. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan, memandangkan taraf pencapaian dan penguasaan murid-murid SRJK Cina dan SRJK Tamil dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia bagitu rendah sepertimana dicerminkan dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima di antara 1972 hingga 1985 dan juga dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 1988 di mana antara

64% hingga 89% murid gagal dalam mata pelajaran tersebut, apa langkah Kementerian beliau telah, sedang dan akan mengambil untuk memastikan pencapaian dan penguasaan Bahasa Malaysia murid-murid SRJK Cina dan SRJK Tamil tinggi dan mengapa langkah-langkah "remedial leaching" tidak membawa sebarang hasil.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika mengikut jumlah jadual waktu yang diperuntukan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, pencapaian dan penguasaan Bahasa Malaysia murid-muridnya adalah memuaskan. Langkah-langkah yang sedang dijalankan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil untuk mempertingkatkan dan memajukan penggunaan Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

- (1) Menempatkan lebih ramai guru terlatih pendidikan Sekolah Rendah dalam pengajian Melayu di sekolah-sekolah berkenaan untuk mengajar Bahasa Malaysia. Di samping itu memberi galakan kepada pihak guru menggunakan Bahasa Malaysia dalam berinteraksi dengan murid-murid di luar bilik darjah.
- (2) Meminta pihak sekolah menggalakkan murid-murid membaca buku di dalam Bahasa Malaysia, selaras dengan hasrat negara dalam kempen "Cintailah Bahasa Malaysia".
- (3) Sekolah-sekolah tersebut di-galakkan untuk mengadakan kelas-kelas tambahan Bahasa Malaysia, selain daripada apa yang terdapat di dalam Jadual waktu.

- (4) Mengadakan aktiviti-aktiviti berikut, supaya murid-murid dapat berlatih menggunakan Bahasa Malaysia dengan lebih banyak lagi:

Hari Bahasa Malaysia—iaitu di mana semua murid dan guru akan bertutur dalam Bahasa Malaysia sahaja. Aktiviti ini kemudiannya boleh dilanjutkan kepada Minggu Bahasa Malaysia dan Pertandingan Pidato, Syarahan dan Perbahasan dalam Bahasa Malaysia.

Sebenarnya langkah-langkah pengajaran pemulihan yang dijalankan di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil telah banyak menunjukkan hasil yang positif. Ini dapat dilihat daripada ujian dan penilaian yang dijalankan di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau berkata bahawa berasaskan kepada masa yang diperuntukkan bagi pengajaran Bahasa Malaysia dalam kedua-dua aliran sekolah maka pencapaian murid-murid dalam matapelajaran Bahasa Malaysia adalah memuaskan. Saya sungguh terperanjat dengan jawapan itu oleh kerana daripada jawapan-jawapan yang diberi kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam Dewan ini juga oleh Menteri Pendidikan sendiri didapati bahawa yang gagal 64% hingga 89%, jadi yang lulus cuma dalam lingkungan 11% hingga 36% dan apakah itu sudah boleh memuaskan Kementerian Pendidikan? Saya sungguh hairan dengan jawapan itu.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu mengenai langkah-langkah pengajaran pemulihan atau "remedial teaching" yang harus dijalankan sejak darjah-darjah yang bukan Darjah 5 tetapi Darjah 4 dan 3 supaya apabila mereka meningkat kepada Darjah 5 dan 6, pencapaiannya bukanlah sepertimana

yang dicerminkan dalam jawapan-jawapan yang diberi oleh Kementerian itu sendiri. Jadi, tidakkah itu satu pengakuan bahawa "remedial teaching" yang dibuat oleh Kementerian itu sudah gagal dalam tempoh hampir 15 tahun yanglalu itu?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kepada Yang Berhormat, "remedial teaching" atau pemulihan itu dijalankan untuk murid-murid yang lemah di dalam satu atau dua bidang matapelajaran sahaja seperti Matematik, Sains dan sebagainya, bukan dijalankan dengan keseluruhannya untuk Bahasa Malaysia untuk semua murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Apa yang saya sudah jawab tadi bahawa mengikut jumlah jadual waktu yang sudah diberikan kita berpuas hati prestasi yang sudah dicapai oleh murid-murid itu dan sebab itu jadual waktu pelajar itu adalah dibanding dengan sekolah kebangsaan atau sekolah rendah kebangsaan yang mengajar dua matapelajaran bahasa sahaja dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, mereka perlu mempelajari 3 matapelajaran bahasa dan sebab itu kita tidak dapatlah memberi mereka menguasai 3 bahasa-bahasa itu.

Selain dari langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, apabila murid-murid masuk ke sekolah menengah, mereka diberi satu peluang untuk menguasai Bahasa Malaysia melalui kelas peralihan tambahan satu tahun untuk mempelajari Bahasa Malaysia dengan belanjawan dan dengan tenaga yang disumbang oleh Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kelas dan matapelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina mengikut program 3M termasuk masa-masa yang diperuntukkan, adakah ini bererti

dengan keputusan-keputusan yang didapati begitu tinggi peratus yang gagal dalam matapelajaran ini bahawa program 3M khususnya untuk matapelajaran ini sudah gagal. Kalau begitu, adakah Kerajaan sekarang berfikir untuk memansuhkan 3M?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sistem 3M itu tidak gagal dan mengikut prestasi dan laporan yang kita dapat murid-muridnya lebih menguasai kemahiran 3M itu dan kelemahan dalam Bahasa Malaysia ialah sebab jadual waktu yang diberikan itu adalah lebih terhad. Seperti saya sudah jawab tadi, kita ada memberikan peralihan dan pada masa sekarang kita menjalankan satu rancangan baru di sekolah menengah, iaitu kelas peralihan dan kita menjalankan satu program baru, iaitu Amalan Bahasa Malaysia. Itu satu program baru untuk murid-murid itu menguasai Bahasa Malaysia. Kita yakin bahawa mengikut praktis atau program Amalan Bahasa Malaysia ini murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil akan dapat menguasai lebih penuhnya Bahasa Malaysia apabila mereka dihantar masuk ke Tingkatan 1 di sekolah menengah biasa.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

9. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan hutang negara dalam dan luar negeri sehingga 30hb September, 1989. Berapakah jumlah faedah yang dibayar oleh Kerajaan setiap tahun daripada jumlah hutang tersebut.

20-10-89

22. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan negara-negara mana yang Malaysia masih berhutang dan berapa banyakkah bagi sesebuah negara itu dan setakat mana pula kita

mampu membayarnya pada tiap tahun termasuk faedah.

26. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara sekarang dengan memberi angka-angka bagi hutang negara tempatan dan luar negeri; dan berapakah bayaran faedah tahunan dan bayaran balik pokok terhadap hutang tersebut.

23-10-89

20. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan untuk tahun 1988 dan setakat bulan September, 1989:

- (a) jumlah hutang negara yang masih belum dijelaskan;
- (b) nisbah penservisan hutang;
- (c) pinjaman-pinjaman tambahan jika ada; dan
- (d) jumlah faedah yang dibayar dalam tempoh berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, di samping menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Larut pada 20-10-89 dan Yang Berhormat dari Sandakan pada 23-10-89 kerana soalan-soalan berkenaan adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada 30hb September, 1989 ialah \$89.1 billion meliputi \$66.1 billion sebagai hutang dalam negeri dan \$23.6 billion adalah hutang luar negeri.

Jumlah faedah tahunan yang perlu dibayar atas pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah lebih kurang \$6.2 billion iaitu \$4.2 billion untuk faedah pinjaman dalam negeri dan \$2.0 billion untuk pinjaman luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, "debt servicing ratio", dengan izin, negara kita ini adalah pada tahap 13.5% pada tahun 1988 dan ini dijangka berkurangan menjadi 11.8% sahaja pada tahun 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperolehi pinjaman dari beberapa negara. Negara-negara teriibat dan pinjaman yang diperolehi adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah Hutang</i>
Amerika Syarikat ..	\$8,165 juta
Jepun	\$6,815 juta
Jerman Barat .. -.	\$2,504 juta
Switzerland	\$1,211 juta
United Kingdom -. .	\$ 432juta
Peranchis	\$ 412juta

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya, segala bayaran faedah dan pinjainan telah dilakukan mengikut tarikh yang ditetapkan. Dengan sukacita dimaklumkan bahawa keupayaan negara kita membayar balik hutang tidak pernah diragui dan dipersoalkan oleh pihak-pihak pemberipinjam, bahkan institusi-institusi kewangan antarabangsa terus menawarkan pinjaman kepada negara kita ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi tahap hutang dan melaksanakan dasar pengurusan pinjaman yang teliti supaya negara kita ini tidak menghadapi beban hutang pada masa yang akan datang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Membandingkan hutang negara yang paling tinggi ini iaitu sejumlah \$89 billion,

ianya merupakan satu beban pada keupayaan negara kita untuk memperuntukkan wang bagi tujuan-tujuan lain seperti pembangunan sosio-ekonomi. Maka apa yang saya memohon tahu ialah sejauh manakah sudah pinjaman yang didapati oleh OBA ataupun Non-Financial Public Enterprises (NF PEs) itu sudah mempertingkatkan beban hutang negara ini khasnya sebab pinjaman yang didapati oleh badan-badan seperti HICOM, Kedah Cement, Sabah Gas dan SESCO di Sarawak yang terus diberi pinjaman langsung ataupun dijamin oleh Kerajaan dan apakah langkah yang akan diambil pihak Kerajaan untuk menghadkan kegiatan pinjaman oleh NF PE itu? Itu sahaja.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Sebenarnya saya tidak ada angka-angka dalam tangan saya sekarang ini. Jadi, saya tidak dapat memberi komen atas apa-apa yang ditanya tadi. Sebenarnya tentang hutang \$89.1 billion ini, Kerajaan tidak menganggap hutang ini sebagai beban yang besar kepada Kerajaan oleh kerana negara kita ini berkemampuan menjamin pinjaman sebanyak seperti saya katakan tadi dan debt servicing ratio yang saya sebutkan tadi hanya pada tahap 13.5% sahaja dan ini adalah satu tahap yang munasabah, yang sihat, jika-lau debt servicing ratio itu di bawah 20% pada satu negara.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan mampu membayar hutang mengikut jadual, tetapi apakah pihak Kerajaan sedar bayaran yang telah dibuat itu menanggung bebannya ialah rakyat. Rakyatlah yang menanggung beban akibat daripada hutang yang begitu besar terutamanya daripada Amerika Syarikat dan daripada Jepun.

Mengenai hutang Jepun, Yen Jepun terus meningkat dan ringgit kita terus jatuh. Maka oleh itu kita dapati hutang negara kita walaupun dikatakan di tahap yang tidak bahaya dengan debt servicing ratio pada 13% itu, tetapi kalau dibanding dengan hutang negara Filipina yang saya baca dalam akhbar iaitu lebih kurang \$40 billion sahaja, manakala negara kita sudah mencapai angka \$89 billion yang sebenarnya pada pandangan kita dalam keadaan yang begitu mencemaskan, sebab walaupun dibayar mengikut jadual tetapi yang tanggungannya ialah rakyat. Maka sebab itu bila ada tuntutan kenaikan gaji terpaksa dilengahkan seperti dua skim gaji guru yang diheboh-hebohkan baru-baru ini kononnya kenaikan gaji, tetapi ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tetapi ini contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanyakah

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tetapi yang naik hanya \$5.00 sahaja. Pokoknya iaitu atas penderitaan rakyat seluruhnya akibat daripada hutang yang begitu banyak.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, beberapa banyak pinjaman yang dibuat oleh seluruh kerajaan adalah terpulung kepada polisi Kerajaan itu, dan ini akan mempengaruhi pembangunan sesuatu negara itu. Pada negara kita ini sepertimana yang saya katakan tadi negara kita ini berkemampuan membayar balik segala pinjaman yang kita pinjam dan debt servicing ratio itu adalah serendah sebanyak 13.5% sahaja. Berkenaan dengan negara-negara lain seperti negara Filipina yang mana Ahli Yang Berhormat katakan bahawa pinjaman negara itu daripada negara-negara lain adalah lebih rendah daripada apa yang negara kita ini

meminjam, saya tidak dapat menyentuh perkara ini, kerana saya faham tentang keadaan ekonomi negara itu sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya antara pinjaman \$39.1 billion yang Kerajaan dapati daripada semua punca, hanya sebanyak \$23.6 billion adalah hutang daripada luar negeri. Itu bermakna Kerajaan selama ini melaksanakan dasar pengurusan pinjaman dengan telitinya supaya tidak akan dikenakan beban yang berat atas rakyat jelata negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Soal Jawab Mulut sudah tamat.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Pertanyaan No. 10 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

(Soatan No. 10 Sila lihatjawapan No. 20 pada 16-10-89).

KEMPEN ANTI KAYU KAYAN TROPIKA

11. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia di dalam menghadapi dan mengatasi kempen tidak membeli kayu balak tropika.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Kempen anti kayu kayan tropika adalah berasaskan kepada tanggapan bahawa hutan tropika adalah satu khazanah yang sangat berharga dari segi perlindungan ekologi dan iklim dunia di samping mengandungi khazanah hidupan biologi yang tidak ternilai. Pendokong kempen ini mendakwa kawasan hutan tropika telah ditebang berlebihan, yang akan menyebabkan ia boleh pupus di dalam masa yang singkat. Mereka telah mempersoalkan yang hutan tropika tidak dapat dikekalkan.

Kerajaan telah menerangkan kepada masyarakat antarabangsa bahawa hutan tropika berfungsi bukan sahaja sebagai sumber biology dan pengimbang ekologi serta perlindungan alam sekitar, tetapi juga adalah satu sumber ekonomi yang boleh diperbaharui dan dapat dikekalkan. Persoalan yang penting ialah bagaimana sumber ini dapat diurus dan dipelihara untuk keperluan pembangunan sosio-ekonomi, di samping mengekalkan fungsinya bagi perlindungan ekologi dan alam sekitar. Sektor hutan tropika tidak sepatutnya memikul seluruh beban ke atas pencemaran alam sekitar dan kekerapan bencana alam yang berlaku di masa kini.

Sebahagian besar punca pencemaran alam adalah dari pembakaran bahanapi fosil oleh kenderaan dan industri yang lebih yang bertumpu di negara perindustrian, disertai pula dengan buangan bahan toksik dan beracun yang berlebihan. Oleh itu negara industri patutlah lebih bertanggungjawab bagi mengatasi masalah ini.

Kerajaan Malaysia telah mengemukakan pendirian ini di dalam forum antarabangsa seperti di Pertubuhan Kayu Kayan Tropika Antarabangsa atau International Tropical Timber Organisation (ITTO) dan menyatakan bahawa sebarang bentuk sekatan ke atas perdagangan kayu kayan tropika akan menjejaskan perlindungan dan pemeliharaan hutan tropika. Pada masa ini Malaysia juga telah menjalin kerjasama dengan negara-negara pengeluar, khususnya dengan Indonesia bagi mengatasi gerakan kempen anti kayu tropika. Berbagai media penerangan juga telah diterbitkan dan disebarkan seperti filem, buku dan risalah bagi menjelaskan sistem pengurusan hutan di Malaysia.

Bagi langkah selanjutnya, Kerajaan telah memperkukuhkan pengurusan sektor perhutanan dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada pembangunan sumber dan perlindungan;

meningkatkan pemerosesan dan pembuatan untuk mendapatkan nilai tokok yang optima; dan memperluaskan pasaran bagi barangan siapguna akhir berasaskan kayu, rotan dan lain-lain keluaran hutan. Rancangan ini adalah bertujuan untuk menambah nilai eksport tanpa menambah jumlah pengeluaran kayu balak.

Pada asasnya Kerajaan menekankan konsep atau pembangunan sumber hutan yang berkekalan menjaga pertumbuhan pokok (silvicultural) dan menanam pokok dari jenis yang cepat membesar, selain daripada menggalakkan perkembangan industri hiran. Pihak negara maju hendaklah memberi tindakbalas yang lebih membina.

GAJI KONSTABLE POLIS— KAJIAN

12. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan melantik suatu Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji semula kadar gaji Konstabel Polis dan lain-lain pegawai yang berpangkat rendah dan membolehkan mereka hidup selesa dan mengatasi masalah kewangan tiap-tiap bulan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji kadar gaji pegawai-pegawai rendah polis. Bagaimanapun pihak Kerajaan dan Kementerian sentiasa memberi perhatian dan memandang berat ke atas kemudahan-kemudahan juga keajikan mereka.

ANCAMAN KESELAMATAN NEGARA

13. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang ancaman-ancaman kepada keselamatan negara sama ada dari dalam ataupun luar negeri. Sejauh

manakah Kerajaan dapat mengatasi ancaman ini dan apakah tindakan yang akan diambil kepada pihak-pihak tertentu yang mengancam keselamatan negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Sebagai sebuah negara yang mempunyai latarbelakang berbilang kaum, agama dan kebudayaan, negara kita mudah terdedah kepada berbagai-bagai bentuk ancaman yang boleh membawa implikasi kepada keselamatan negara. Ini termasuklah ancaman-ancaman daripada pengganas komunis, isu-isu sensitif yang menyentuh agama dan perkauman, penglibatan dadah antarabangsa merbahaya dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan keselamatan negara kita pada masa ini adalah baik dan terkawal, dan adalah di dalam kemampuan Kerajaan menghadapinya. Bagaimanapun, Kerajaan sememangnya sentiasa berwaspada terhadap apa juga bentuk dan keadaan yang dijangka boleh menjejaskan keselamatan negara. Soal keselamatan adalah satu perkara yang Kerajaan mengambil perhatian berat dan tidak boleh berkompromi. Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas mengikut lunas undang-undang ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan menjejaskan keselamatan negara.

**LEBUHRAYA UTARA SELATAN—
KELEWATAN PEMBINAAN**

14. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya menyatakan kenapa kerja-kerja ke atas sebahagian Lebuhraya Utara-Selatan yang menyambung Sungai Petani ke Butterworth dan Butterworth ke Taiping masih belum bermula, sebab-sebab kelewatan ini dan bilakah kerja-kerja ini dijangka akan bermula, tarikh

dijangka siap dan anggaran perbelanjaan,

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Sukacita dimaklumkan bahawa masalah kelewatan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul. Sebenarnya mengikut perjanjian asal di antara pihak PLUS dengan Kerajaan, pihak PLUS dikehendaki memulakan kerja-kerja pembinaan Lebuhraya berkenaan seperti berikut:

- (a) Sungai Petani ke Butterworth pembinaannya dimulakan pada pertengahan tahun 1990 dan dijangka siap pada penghujung tahun 1993.
 - (b) Butterworth ke Taiping pembinaannya dimulakan pada awal 1992 dan dijangka siap pada awal tahun 1995.
2. Walau bagaimanapun pihak PLUS pula bercadang untuk mempercepatkan tarikh memulakan kerja pembinaan Lebuhraya berkenaan iaitu:
- (a) Sungai Petani ke Butterworth dimulakan sebelum akhir tahun ini (1989) dan dijangka siap pada akhir tahun 1992.
 - (b) Butterworth ke Taiping dimulakan menjelang akhir tahun 1990 dan dijangka siap pada akhir tahun 1993.
3. Mengenai anggaran perbelanjaan ianya tidak dapat dinyatakan pada masa sekarang oleh kerana urusan merekabentuk kejuruteraan terperinci secara keseluruhannya belum lagi selesai.

**KEKURANGAN ZAT MAKANAN
DI LUAR BANDAR**

15. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa negara mencatat kejayaan cemerlang dalam bidang sosio-ekonomi dan kesihatan, akan

tetapi masih terdapat kes-kes kekurangan zat makanan terutama di luar-iuar bandar, adakah pihak Kerajaan bercadang menggubal DASAR MAKANAN KEBANGSAAN yang boleh dijadikan asas semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan isu-isu makanandanpemakanan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Kerajaan telah pun menyelidik masalah kekurangan zat makanan khasnya di kalangan penduduk-penduduk luar bandar dan mendapati masalah ini adalah tidak begitu besar dan tidak menyeluruh. Masalah berkenaan telah dapat dikawal dan dikurangkan dengan baiknya melalui Rancangan Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak, Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) dan semenjak Julai 1989 melalui Rancangan Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan. Dari itu tidaklah perlu digubal Dasar Makanan Kebangsaan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

AGENSI PELANCONGAN

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat rasa tidak puas hati di kalangan agen pelancongan dalam negara terhadap Kementerian kerana hanya 20 agen pelaricongan diluluskan untuk menganjurkan perjalanan dan melancong ke China, yang mana mereka masih muda dalam perniagaan ini, manakala agensi-agensi yang sudah berpengalaman, lama ditubuhkan dan mempunyai tradisi pelancongan ke Cina mendapat permohonan mereka ditolak;
- (b) kriteria untuk memilih 20 agensi itu;
- (c) nama-nama 20 agensi tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) dan (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam apa perkara sahaja pun di mana peluangnya adalah terhadap maka sudah tentu wujud rasa tidak puas hati bagi pihak-pihak yang tidak dapat. Begitulah juga dalam hal pendaftaran agensi-agensipelancongan ke Republik Rakyat China ini di mana Kementerian terpaksa menghadkan bilangan agensi kerana sebab-sebab keselamatan dan kawalan. Oleh kerana permohonan adalah banyak, dan peluang adalah terhad, yang dapat tidak pernah berterima kasih dan yang tidak dapat merasa kecil hati dan kecewa. Ahli Yang Berhormat perlu dimaklumkan bahawa sejak 5 tahun kebelakangan ini apabila Kerajaan kita membenarkan rakyat kita melawat Republik Rakyat China semua kategori lawatan seperti lawatan perdagangan individu, lawatan perdagangan rombongan, lawatan sosial seumur hidup, lawatan sosial melawat keluarga terdekat dan lawatan perubatan adalah dikendalikan oleh agensi-agensi pelancongan bukan Bumiputera.

Lawatan untuk tujuan melancong adalah kategori lawatan yang baru, yang juga bermakna peluang perniagaan ke Republik Rakyat China diperbesar. Maka wajarlah Kementerian memberi peluang pula kepada Syarikat-syarikat atau Agensi-agensi yang bercorak usahasama Bumiputera—bukan Bumiputera. Kementerian juga mengambil kira dari segi kawasan atau "regional" dan bandar-bandar besar di seluruh negara. Oleh itu di Kuala Lumpur misalnya sudah tentu ada agensi-agensi yang sudah

berpengalaman tidak dapat, dan ada agensi-agensi yang baru di Ipoh atau di Kuala Terengganu di beri peluang.

Setakat ini Kementerian telah mendaftarkan 16 agensi dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian ini akan menambah bilangan ini apabila timbul keperluannya, nanti, iaitu apabila pernerangan MAS dan CAAC di antara kedua-dua negara bertambah.

- | | | |
|-----|--------------------------------|---------------------|
| (c) | 1. Triways Travel
Tours | Kuala
Lumpur |
| | 2. Mitra Malaysia
Sdn. Bhd. | Kuala
Lumpur |
| | 3. Angkasa Travel .. | Kuala
Lumpur |
| | 4. Sitt Travel | Kuching |
| | 5. Seri Iring Travel .. | Kuala
Terengganu |
| | 6. Pearl of the Orient | Butterworth |
| | 7. Batuta Travel .. | Kota Bahru |
| | 8. Purnama Timor
Travel | Kuala
Lumpur |
| | 9. Faza Tours & Travel | Ipoh |
| | 10. Dolphin Travel &
Tours | Kuala
Lumpur |
| | 11. SMAS Travel .. | Kuala
Lumpur |
| | 12. V.I.P. Travel .. | Alor Setar |
| | 13. Titian Mesra Travel | Kuala
Lumpur |
| | 14. Sabah Travel Service | Kota
Kinabalu |
| | 15. Malaysia—Beijing | Kuala
Lumpur |
| | 16. S.M.C.Travel .. | Pulau Pinang |

**KEBAKARAN ASRAMA
SEKOLAH MENENGAH AGAMA
TAUFIQIAH KHAIRIAH
AL-HALIMAH—BANTUAN**

17. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah jenis bantuan yang dicadangkan oleh Kementerian terhadap Sekolah

Menengah Agama Taufiqiah Khairiah Al-Halimiah, Padang Lumat, Kedah yang mengalami masalah akibat kebakaran asramanya pada 22 September, 1989 dan adakah Kementerian akan mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap asrama-asrama sekolah menengah agama yang lain bagi mengawal risiko berlakunya lagi kebakaran seperti yang terjadi di Padang Lumat.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Menengah Agama Taufiqiah Khairiah Al-Halimiah, Padang Lumat, Kedah adalah sekolah agama rakyat (swasta) di mana pentadbirannya adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Kementerian Pendidikan hanya memberikan bantuan kewangan dalam bentuk gaji iaitu sebanyak \$165,495.00 setahun kepada guru-guru yang dipinjamkan ke sekolah tersebut.

Demi kepentingan pendidikan para pelajar yang terlibat dalam kebakaran asrama sekolah tersebut terutama mereka yang mengambil peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah memberikan bantuan sebanyak 4206 buah buku teks. Selain daripada itu, seramai 240 orang pelajar yang terlibat dalam kebakaran itu telah ditempatkan di asrama sebuah sekolah menengah agama di Alor Setar dan pusat peperiksaan mereka juga dipindahkan ke sekolah yang sama.

Menyentuh mengenai bantuan kerana kebakaran asrama sekolah tersebut Jabatan Kemajuan Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri sedang menjalankan kajian untuk mengenalpasti bentuk bantuan yang akan diberikan.

Akibat peristiwa 22 September 1989 itu, semua Majlis/Jabatan Agama Negeri telah mengarahkan semua sekolah agama di bawah jagaan mereka memperketatkan langkah keselamatan bagi mengelakkan peristiwa tersebut berulang lagi.

Berhubung dengan keselamatan asrama sekolah-sekolah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan, pengawasan aspek-aspek keselamatannya adakah mengikut piawaian keselamatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Bomba Malaysia.

**LESEN TEKSI/KERETA
SEWA YANG DIKELUARKAN**

18. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permit teksi yang telah dikeluarkan mengikut negeri sejak 5 tahun kebelakangan ini;
- (b) berapakah permit-permit itu telah ditarik balik dan apakah sebabnya; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang menambahkan permit-permit teksi pada tahun ini dan 1990, memandangkan tahun 1990 adalah Tahun Melawat Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):

- (a) Jumlah lesen teksi/kereta sewa yang telah dikeluarkan mengikut negeri sejak 5 tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 1984-1988 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan lesen di-keluarkan</i>
Perlis	— (dibekukan)
Kedah	356
Pulau Pinang	166
Perak	475
Selangor ..	376
Wilayah Persekutuan	55

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan lesen di-keluarkan</i>
Pahang ..	232
Kelantan ..	383
Terengganu..	114
Negeri Sembilan	155
Melaka ..	— (dibekukan)
Johor	802
Sabah	282
Sarawak ..	33
JUMLAH ..	3,429

- (b) Bilangan lesen-lesen teksi/kereta sewa yang ditarik balik/dibatalkan sejak tahun 1984-1988 ialah sebanyak 830 lesen. Di antara sebab-sebab mengapa lesen-lesen ini dibatalkan ialah kerana pelesen-pelesen melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 seperti menyewa lesen kepada orang lain, beroperasi di luar pengkalan yang telah ditetapkan di dalam lesen, tidak membaharui lesen dan tidak melesenkan kenderaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- (c) Pihak Kementerian sentiasa mengkaji keperluan lesen-lesen bagi semua jenis kenderaan perdagangan termasuk teksi/kereta sewa dari masa ke semasa untuk memastikan supaya ianya sentiasa mencukupi dan dapat menyediakan perkhidmatan yang selesa kepada orang ramai. Penambahan bilangan pelawat yang akan datang ke negara kita bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia dalam tahun 1990 akan diambilkira.

**PELABURAN ASING DAN
TEMPATAN**

19. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan asing dan tempatan sepanjang tahun 1988 hingga sekarang, dan dalam bidang apa;
- (b) apakah agihan pelaburan tersebut mengikut setiap negeri; dan
- (c) apakah langkah Kerajaan untuk membantu negeri-negeri yang kurang berjaya menarik pelaburan dari luar negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

- (a) Jumlah cadangan modal projek-projek yang diluluskan bagi tempoh 1988 sehingga Ogos, 1989 ialah \$17,318 juta, di mana \$6333.5 juta adalah pelaburan tempatan dan \$10,979.5 juta pelaburan asing. Pelaburan ini adalah dalam bidang-bidang berikut:

<i>Sektor</i>	<i>Pelaburan '000</i>
Pengilangan Makanan	\$1351.0
Minuman/Tembakau	\$ 34.0
Tekstil dan Barang Tekstil	\$ 911.4
Kulit dan Barang Kulit	\$ 17.6
Kayu dan Barang Kayu	\$1376.6
Perabut dan Kelengkapan	\$ 239.3
Kertas, Percetakan dan Penerbitan	\$ 447.7
Kimia dan Barang Kimia	\$1620.5
Petroleum	\$1148.5
Barang Getah ..	\$2024.6
Barang Plastik ..	\$ 706.8
Barang Bukan Logam	\$ 658.4
Barang Logam Asas	\$1661

*Sektor**Pelaburan
10000*

Barang Logam Dibentuk	\$ 815.9
Pengilangan Jentera ..	\$ 177
Barang Elektrik dan Elektronik	\$3399
Kelengkapan dan Pengangkutan	\$ 451.3
Alat-alat Sains dan Pengukuran	\$ 213.8
Pelbagai	\$ 62.8
Jumlah ..	\$17,318 juta

- (b) Agihan pelaburan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

*Negeri**Jumlah
Cadangan
Pelaburan
'000*

Wilayah Persekutuan:	
Kuala Lumpur ..	\$ 120.0
Labuan	\$ 12.1
Selangor Darul Ehsan	\$5163.7
Pulau Pinang	\$1461
Perak Darul Redzuan	\$ 376.7
Johor Darul Ta'zim..	\$3716.2
Negeri Sembilan	\$ 198.1
Darul Khusus	
Melaka	\$1710.7
Kedah Darul Aman..	\$ 796.2
Pahang Darul Makmur	\$ 920.6
Kelantan Darul Naim	\$ 49.9
Terengganu Darul Iman	\$ 273
Perlis Indera Kayangan	\$ 17.7
Sabah	\$ 757.8
Sarawak	\$1743.6

- (c) Kerajaan mengambil berbagai langkah untuk membantu negeri-negeri kurang berjaya menarik pelaburan dari luar negeri, Dalam misi-missi galakan pelaburan ke luar negeri, bakal-bakal pelabur akan dijelaskan tentang potensi

dan tarikan di setiap negeri dari segi sumber/bahan-bahan asli yang terdapat di negeri berkenaan, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ada dan sebagainya.

Di samping itu untuk memastikan ada keseimbangan pembangunan perindustrian, galakan cukai dalam bentuk pengurangan pendapatan larasan atas kadar 5% diberi kepada industri-industri yang terletak di kawasan-kawasan galakan di setiap negeri.

Selain dari insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan-kerajaan Negeri harus menjalankan usaha menarik pelaburan yang lebih agresif dan menyediakan insentif-insentif tambahan.

PENAGIH DADAH—BILANGAN

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejak pindaan kepada Akta Berbahaya, apakah kurangan tahunan dalam bilangan orang menagih dadah dan pengedar dadah (diberi secara berasingan) yang berjaya dikesan oleh Kerajaan, bila dibanding dengan tempoh masa sebelum pengetatan undang-undang tersebut;
- (b) apakah statistik berasingan bagi kedua-dua kumpulan orang ini yang masih merengkok dalam penjara sementara menunggu pembicaraan. Pada puratanya, apakah nilai statistik ini bagi setiap tahun sejak tahun 1980. Berapa ramaikah orang pengedar dadah yang sudahpun dikenakan hukuman;
- (c) bagaimanakah trend pengedaran dadah, sama ada di segi jumlah, jenis, cara-cara atau

kekerapan mengedar, telah berubah akibat pindaan kepada undang-undang berbanding dengan masa-masa sebelum itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak pindaan Akta Dadah Berbahaya, 1952 pada 1983 perangkaan awal menunjukkan terdapat pengurangan dalam bilangan penagih yang dikesan. Pecahan perangkaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Penagih</i>
1983	14,624
1984	11,915
1985	9,591
1986	7,329
1987	7,596
1988	9,710

Walau bagaimanapun bilangan pengedar yang ditangkap telah meningkat. Pecahan bilangan pengedar mengikut tahun adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pengedar</i>
1983	293
1984	472
1985	538
1986	475
1987	529
1988	566

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada penagih ditahan di penjara kerana penagihan mereca. Mereka ini dihantar ke pusat-pusat pemulihan. Bagi kumpulan pengedar, sehingga ini seramai 731 orang masih menunggu untuk dibicarakan. Bilangan

purata pengedar yang dikesan setiap tahun bagi tahun 1980 hingga tahun 1988 ialah seramai 382 pengedar setahun. Sehingga kini seramai 280 pengedar telah dijatuhkan hukuman gantung, 298 pengedar telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan 13 orang dipenjarakan seumur hayat.

- (c) Mengikut laporan pihak-pihak tertentu, pengeluaran candu kawasan Tiga Segi Emas pada musim 1988/89 dianggarkan sebanyak 2000-2400 metrik tan berbanding dengan purata 600-800 metrik tan di masa-masa lampau. Pengeluaran ini telah banyak mempengaruhi trend pengedaran dadah di Malaysia. Perangkaan mengenai rampasan dadah bagi tahun 1988 menunjukkan satu peningkatan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Malahan rampasan dadah heroin bagi tahun 1988 adalah terbesar sekali iaitu 307,955 kilogram. Kuantiti ganja yang telah dirampas juga menunjukkan peningkatan yang besar dan membimbangkan. Ini adalah sangat membimbangkan kerana Malaysia bukanlah sebuah negara pengeluar dadah tetapi telah menjadi mangsa akibat aktiviti-aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah di peringkat antarabangsa. Perangkaan mengenai tangkapan mereka yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah dalam beberapa tahun ini menunjukkan bahawa kegiatan penyeludupan, pengedaran dan penjualan dadah masih berterusan di tahap yang tinggi dan mengancam keselamatan negara. Keadaan ini disebabkan bukan sahaja oleh pengeluaran dadah yang meningkat, tetapi juga kedudukan negara ini yang

berhampiran dengan kawasan-kawasan pengeluaran dadah.

PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN—MEMULIHKAN

21. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) pernahkah Kementeriannya menerima sebarang cadangan dari Parti Gerakan supaya Pilihanraya Kerajaan Tempatan dipulihkan. Jika ya, bilakah cadangan itu dibuat;
- (b) sama ada Kementeriannya akan menerima cadangan supaya Pilihanraya Kerajaan Tempatan dipulihkan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam sekarang;
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan bagi mengatasi kemerosotan mutu perkhidmatan Kerajaan Tempatan sekarang, jika tidak diambil, mengapa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):

- (a) Pihak Kementerian ini tidak mempunyai rekod mengenai cadangan dari Parti Gerakan untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan oleh itu Kementerian ini tidak dapat memberikan butir-butir bila cadangan tersebut dibuat.
- (b) Setakat ini pihak Kementerian tidak bercadang untuk menimbangankan sebarang cadangan supaya Pilihanraya Kerajaan Tempatan diwujudkan semula. Kementerian ini berpendapat bahawa sistem yang berjalan sekarang adatah memuaskan dan tidak menimbulkan apa-apa masalah.

- (c) Oleh yang demikian, soal langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidaklah timbul. Untuk makluman Dewan ini, Kementerian ini berpendapat kemerosotan mutu perkhidmatan Kerajaan Tempatan sekarang bukanlah disebabkan tiadanya Pilihanraya tersebut. Sekiranya terdapat kemerosotan, keadaan ini berlaku disebabkan kekurangan punca kewangan dan ketidakcukupan kakitangan yang berkebolehan di peringkat Pihakberkuasa Tempatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian ini sedang berusaha mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut.

JUALAN BARANG SELUDUP DI TAWAU

22. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat penjualan barang-barang seludup yang bermaharajalela seperti rokok, pemetikapi, mesin kira-kira, jamtangan, pakaian dan barang-barang keperluan di tempat awam di Tawau. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memberhentikan kegiatan tersebut.

Dato' Loke Yuen Yow: Memang disedari bahawa terdapat penjualan barang-barang seludup di tempat awam di Tawau. Barang-barang yang sering diseludup masuk ke Tawau dari negara jiran ialah rokok, minuman keras, pakaian dan tekstil dan barang-barang elektrik. Mengenai barangan jamtangan dan mesin kira-kira, ianya adalah tidak tertakluk kepada apa-apa cukai manakala pemetikapi yang dijual di situ adalah kebanyakannya buatan Malaysia dan tidak bercukai.

Langkah-langkah yang diambil untuk memberhentikan kegiatan tersebut ialah dengan membanteras penyeludupan. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut untuk membanteras penyeludupan:

- (i) Meningkatkan operasi pencegahan dengan menghantar pegawai-pegawai dan kakitangan dari Semenanjung Malaysia untuk menjalankan operasi pencegahan di Sabah;
- (ii) Membentuk jawatankuasa bagi mengkaji dan mengatur strategi membanteras penyeludupan rokok di Sabah;
- (iii) Membuat serbuan dan seranghendap berdasarkan maklumat yang diperolehi mengenai penyeludupan;
- (iv) Mengadakan kerjasama dengan impoma-impoma bagi mendapatkan maklumat mengenai penyeludupan dan memberi hadiah kepada mereka sebagai galakan untuk memberi maklumat;
- (v) Mengadakan sekatan jalanraya di tempat-tempat tertentu dan membuat rondaan di laut.

LABUAN SEBAGAI PELABUHAN BEBAS

23. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha yang telah dibuat dan yang telah dicapai untuk meningkatkan peranan Labuan sebagai pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN. Agensi khas manakah yang dipertanggungjawabkan untuk bertindak aktif untuk membangunkannya, dan apakah Kerajaan berpuas hati terhadap perkembangan yang telah tercapai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin

Mohamed): Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan peranan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN. Antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:

- (a) Menjadikan Labuan sebagai Pusat Perniagaan Tukar Barang;
- (b) Memperbaiki kemudahan-kemudahan di kawasan pelabuhan; dan
- (c) Galakan aktiviti membeli-belah di Labuan.

Agensi khas yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Labuan, pada masa ini ialah:

- (a) Majlis Perbandaran Labuan; dan
- (b) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga setakat ini, Kerajaan berpuas hati terhadap perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai. Ini berasaskan lebih banyak rancangan dan program untuk pembangunan Labuan telah disediakan semenjak Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan.

SUKAN SEA KE 15— PERBELANJAAN

24. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar wang yang telah dibelanjakan ke atas Sukan SEA Ke 15 yang tamat baru-baru ini dan berapakah jumlah hasil yang telah dipungut melalui penganjur-penganjur, iklan-iklan, kutipan-kutipan pintu dan lain-lain; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa media massa negeri Indonesia telah memburukkan negara

Malaysia sebagai tidak bersemangat kesukanan (un-sporting) dan berat sebelah semasa Sukan SEA tersebut dan jika ia, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menyangkal tuduhan-tuduhan tersebut.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Setakat ini Kementerian tidak dapat memastikan jumlah perbelanjaan sebenar yang telah digunakan dalam menjayakan Sukan SEA Ke 15 kerana terdapat pembayaran bil-bil yang belum diselesaikan dan tuntutan-tuntutan yang belum dikemukakan. Walau bagaimanapun mengikut anggaran kasar jumlah perbelanjaan adalah dijangkakan dalam lingkungan \$13-\$14 juta. Perbelanjaan sebenar hanya akan dapat diketahui apabila penyata akhir terimaan dan bayaran disediakan oleh Jawatankuasa Kewangan dan disahkan oleh pihak Jabatan Audit Negara.

Kutipan yang telah dipungut melalui Sukan SEA Ke 15 adalah dianggarkan sebanyak \$16,808,621.00. Pecahan kutipan adalah seperti berikut:

(i) Penaja-penaja	— \$6,341,770.00
(ii) Sumbangan Kerajaan	— \$6,035,000.00
(iii) Sumbangan Larian Obor	— \$1,390,000.00
(iv) Kutipan Jualan Tiket	— \$1,123,300.00
(v) Kutipan Dari Kontingen	— \$1,918,551.00
Jumlah ..	\$16,808,621.00

- (b) Adalah benar terdapat sebahagian media massa di negara Indonesia yang telah

mendakwa Malaysia sebagai tuan rumah tidak bersemangat kesukanan dan berat sebelah. Dalam pada itu terdapat lebih banyak laporan di luar negeri yang memuji cara Malaysia mengelolakan Sukan SEA tersebut. Dalam hal ini, memang telah menjadi amalan biasa terdapat pujian dan juga kritik dari berbagai golongan apabila pertandingan-pertandingan Sukan Antarabangsa yang besar seperti Sukan Sea diadakan.

LESENTEKSI/KERETA SEWA— PERMOHONAN

25. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) berapakah permohonan telah diterima dan berapakah telah dibaharui bagi permit-permit

teksi dan kereta sewa bagi tiap-tiap negeri di Malaysia;

(b) langkah-langkah untuk mempercepatkan pemprosesan permohonan permit tersebut;

(c) mengapa Kementerian tidak berhasrat untuk menambah permit-permit bagi pemandu-pemandu teksi di bandar dan luar bandar.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

(a) Jumlah permohonan yang diterima untuk lesen-lesen teksi dan kereta sewa pada tahun 1989 (sehingga bulan Mei) serta maklumat mengenai lesen-lesen yang telah lulus, membaharui dan mengubah syarat mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Permohonan Baru</i>	<i>Lulus</i>	<i>Permohonan Membaharui Dan Ubah Syarat</i>	<i>Lulus</i>
Perlis	—	—	133	28
Kedah	280	54	456	133
Pulau Pinang	228	31	106	76
Perak	304	37	597	183
Selangor	290	20	936	487
Wilayah Persekutuan ..	337	—	656	610
Pahang..	- 158	12	372	177
Kelantan	242	33	457	203
Terengganu	84	12	104	66
Negeri Sembilan	155	7	133	91
Melaka..	—	—	260	139
Johor	437	57	803	565
Sabah	266	24	322	224
Sarawak	164	21	1217	893
Jumlah ..	2945	308	6552	3875

- (b) Di antara langkah-langkah yang telah dan sudah diambil bagi mempercepatkan pemerosesan lesen-lesen termasuklah memendekkan prosidur prosesan bagi mengurangkan red tape, menggubal borang permohonan lesen yang baru dan menambahkan bilangan kakitangan baru untuk menyelesaikan tunggakan permohonan.
- (c) Sejak Mei 1989, Kementerian ini telah membuka semula lesen teksi dan kereta sewa yang telah dibekukan di kawasan-kawasan Perlis, Melaka, Johor Bahru dan Wilayah Persekutuan. Sejak daripada itu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah dan sedang menambah bilangan lesen-lesen teksi dan kereta sewa di seluruh negara.

BILIKSEMBAHYANG/SURAUDI HOSPITAL BESAR/DAERAH

26. Tuan Haji Mohamad Yusof bin Haji Abd. Latiff minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah semua hospital besar dan daerah di seluruh Malaysia telah dilengkapi dengan kemudahan tempat bersembahyang/surau, jika belum adakah Kementerian bercadang hendak melengkapi keperluan tersebut.
- (b) sila sebut berapa buah hospitalkah yang telah dilengkapi dengan tempat sembahyang/surau di seluruh Malaysia sehingga kini dan berapa buah hospital yang belum.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kebanyakan hospital besar dan daerah dilengkapi dengan kemudahan bilik sembahyang/surau.

Kementerian membenarkan hospital-hospital yang sedia mengubahsuai bilik yang sedia ada supaya digunakan sebagai bilik sembahyang. Juga, hospital-hospital yang memohon untuk membina surau telah diberi kebenaran.

Bagi hospital-hospital baru, tempat bersembahyang dikhususkan semasa hospital dirancang.

- (b) Di Semenanjung Malaysia, semua hospital, kecuali Hospital Daerah Bukit Ibam mempunyai tempat bersembahyang/surau. Di Sabah, 8 dari 15 hospital mempunyai tempat bersembahyang/surau manakala di Sarawak, 12 daripada 15 hospital juga mempunyai tempat bersembahyang/surau. Di hospital-hospital tanpa kemudahan tersebut, Kementerian bercadang melengkapkan hospital-hospital tersebut dengan tempat bersembahyang/surau.

GURUMEROTANMURID-MURID

27. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai langkah-langkah yang diambil terhadap guru kanan SMK Tanjung Lumpur yang telah merotankan 400 murid baru-baru ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru berkenaan telah pun dikenakan tindakan tatatertib oleh Jabatan Pendidikan Pahang dengan hukuman "amaran" dan "celaan" pada 25-9-1989. Guru ini juga telah pun ditukarkan ke Sekolah Menengah Tanjong Gemok, Rompin mulai 1-9-1989.

STRATEGI PENDAKWAH— KAJIAN

28. Puan Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan pernahkah pihak Kerajaan membuat kajian mengenai strategi-strategi "PENDAKWAH-PENDAKWAH" yang terlalu banyak berkeliaran di dalam berbagai corak, bentuk dan platform. Bukankah jelas usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka ini ke arah merobah pandangan sikap dan pemikiran serta kecenderungan masyarakat Islam negara ini kepada ideologi asing seperti SYIAH dan seumpamanya. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini daripada menular dan berleluasa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengawal agar akidah umat Islam tidak tercemar oleh ajaran-ajaran sesat dan yang menyeleweng. Pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri telah dan sedang menjalankan tugas dan kuasa yang diberikan oleh undang-undang tersebut. Peruntukan undang-undang yang sedia ada dapat membendung dan mengawal pengedaran buku-buku dan lain-lain bahan cetak serta kaset dan video daripada mencemar akidah umat Islam.

HUKUMAN MENGEDAR NAJIS DADAH

29. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaiakah rakyat Malaysia yang ditangkap dan dihukum kerana kesalahan mengedar najis dadah di luar negeri tahun ini. Dan berapa ramai pula rakyat asing yang ditangkap dan dihukum di Malaysia atas kesalahan yang sama. Adakah

Kerajaan bercadang untuk meminta supaya rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negeri itu dipulangkan dan dibicarakan di Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan rakyat Malaysia yang ditangkap dan dihukum kerana mengedar najis dadah di luar negeri bagi tahun ini ialah seramai 513 orang.

Rakyat Asing yang ditangkap dan dihukum di Malaysia atas kesalahan yang sama dalam tahun 1989 sehingga bulan Jun ialah seramai 416 orang.

Kerajaan membenarkan rakyat Malaysia ini menjalani hukuman mereka di negara-negara di mana mereka ditangkap kerana mereka adalah tertakluk kepada undang-undang negara itu dan dalam kes-kes yang tertentu mereka akan juga dihadapkan ke mahkamah di Malaysia jika mereka ada melakukan kesalahan di sini.

PERPADUAN KAUM—KAJIAN

30. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan gerak-balas Kerajaan terhadap permintaan oleh Universiti Sains Malaysia pro-chancellor Tan Sri Eusoffe Abdoolcader pada 6 Ogos, 1989 di Pulau Pinang bahawa intelektual negeri mengambil kaji terhadap kesatuan kebangsaan ("racial unity"). Sama ada Kerajaan bercadang untuk memulakan satu Commission untuk melanjutkan pemerhatian berlanjutan dan dalam segi pengajian untuk penyelidikan ilmu pengetahuan atas perkara ini. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Kerajaan sentiasa mengalu-alukan cadangan dari mana-mana pihak supaya golongan intelektual menjalankan kajian mengenai perpaduan antara kaum di

negara ini kerana usaha ini memang boleh membawa faedah kepada negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perpaduan Negara telah menjalankan beberapa kajian mengenai perpaduan antara kaum dan integrasi nasional, sama ada dengan usaha sendiri ataupun usaha bersama dengan badan-badan yang lain. Beberapa kajian telah ditawarkan kepada universiti-universiti tempatan. Di samping itu beberapa kajian yang lain telah dijalankan secara usaha bersama. Justeru itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya (Commission) untuk "melanjutkan pemerhatian berlanjutan dan dalam segi pengajian untuk penyelidikan ilmu pengetahuan atas perkara ini". Sebuah Panel Penasihat Perpaduan Negara yang peranan serta fungsinya, di antara lain untuk menimbang dan membincangkan kajian-kajian mengenai perpaduan antara kaum dan integrasi nasional dan seterusnya menasihati Kerajaan mengenai langkah-langkah positif yang patut diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi keharmonian antara kaum dan proses integrasi nasional telah ditubuhkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (17hb Oktober, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, sila teruskan. Bolehkah Yang Berhormat mengambil

masa lima minit lagi? Lepas itu saya akan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.37 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya menyambung perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta rumah Perjudian Terbuka 1953.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk melanjutkan perbahasan melainkan secara ringkas saya ingin katakan bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan yang realistic, dengan izin, berdasarkan kepada latarbelakang yang ada iaitu dari segi lamanya Akta ibu ini telah dibuat dan dilaksanakan dan seterusnya latarbelakang mengapa ia dikuatkuasakan. Saya fikir Kerajaan adalah cukup peka dengan keadaan yang ada sekarang. Langkah memperketatkan lagi kegiatan perjudian ini membuktikan sensitivity, dengan izin, di pihak Kerajaan terhadap keperluan kawalan dan pencegahan pada perjudian lebih-lebih lagi yang dijalankan secara terbuka kerana implikasinya yang boleh memburukkan keadaan dan juga masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan yang lebih ketat kepada Akta ini iaitu Akta ibu 1953. Saya harap ini akan menjadi pengajaran kepada sesiapa juga yang terlibat dalam perjudian sama ada perjudian secara berlesen ataupun perjudian yang tidak berlesen iaitu haram bahawa Kerajaan sanggup dan akan melakukan apa sahaja tindakan untuk mengawal kegiatan perjudian supaya tidak menjadi satu kegiatan yang lumrah dan berleluasa sehingga terlepas daripada kawalan.

Bagi mengakhiri perbahasan saya, saya ingin membuat cabaran kepada mana-mana pihak sama ada DAP

ataupun PAS yang boleh membuktikan bahawa kegiatan perjudian di negara ini boleh diharamkan dan dihapuskan dengan serta-merta sepenuhnya. Dan sekiranya kegiatan perjudian terus berlaku secara haram, apakah langkah atau tindakan yang paling sesuai dan paling baik untuk diambil.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan bahawa tindakan Kerajaan hari ini adalah baik dari segi mengelakkan kegiatan perjudian haram dan mengawal seberapa minima perjudian yang dibenarkan. Tetapi yang lebih baik sekali ialah sekiranya Kerajaan dapat menghapuskan kegiatan perjudian sepenuhnya, dan saya percaya masanya akan sampai. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan lebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Pasir Mas, Pengkalan Chepa, Rasah, Marang, Arau, Lembah Pantai, Simunjan, Pasir Pinji, Muar, Ipoh dan Pagoh yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989 ini dan juga telah memberikan pandangan serta cadangan-cadangan yang bernas dan membina bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas dan berkesan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram di negara kita. Dengan sokongan yang diberikan itu Kerajaan akan meneruskan usaha mengambil tindakan-tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini agar kegiatan judi dan pertaruhan haram tidak merebak.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini mengesyorkan supaya Kerajaan mengharamkan perjudian sama sekali. Sebagaimana yang pernah dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini di masa-masa yang lepas, adalah sukar untuk menghapuskan perjudian sama sekali. Ini adalah kerana ada di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum agama dan kebudayaan ini yang suka berjudi. Saya tidak mengatakan bahawa ini adalah adat rakyat kita untuk berjudi seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Cuma saya bayangkan satu hakikat adalah salah satu tabiat semula jadi manusia (human nature) ialah suka berjudi, walaupun ada juga manusia yang tidak suka berjudi langsung.

Tuan Yang di-Pertua, andainya lesen perjudian tidak dikeluarkan, perjudian akan terus berjalan dalam bentuk perjudian dan pertaruhan haram. Kegiatan judi dan pertaruhan haram ini melahirkan di kalangan masyarakat kegiatan sampingan yang tidak sihat dan ianya perlu dibendung. Satu caranya ialah mengeluarkan beberapa lesen dan keduanya menjatuhkan hukuman yang cukup berat ke atas aktiviti perjudian yang tak berlesen, yang haram daripada segi undang-undang dan bukan daripada segi agama. Kerajaan bersedia mengenakan hukuman yang lebih berat lagi jikalau keadaan memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang ini dan juga undang-undang lain berkaitan dengan perjudian, sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa pihak penguatkuasa akan sentiasa menjalankan tugas-tugas mereka dengan adil dan saksama. Sesiapa yang salahgunakannya akan terus diambil tindakan keras.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rasah bertanya sama ada Kerajaan boleh memberi jaminan seratus peratus supaya penyalahgunaan Akta ini tidak berlaku, bermakna pada pendapat Ahli Yang Berhormat dari Rasah, Kerajaan cuma boleh mengadakan Akta atau memindanya apabila kita dapat seratus peratus menjamin tidak ada berlaku penyalahgunaan pada masa implementasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kesal kepada mentality, dengan izin, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Ini cukup mencerminkan "general mentality" pihak parti DAP dan Setiausaha Agungnya. Jikalau kita menerima argumen ini, maka ini bermakna tidaklah payah kita dan juga negara-negara lain di seluruh dunia ini mempunyai apa-apa Akta lagi kerana tidak ada mana-mana pihak pun boleh memberi jaminan seperti ini, termasuk DAP sendiri jikalau DAP diberi peluang jadi Kerajaan—may God bless them, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan perjudian di negara kita ini ke arah mengurangkan dan menghapuskan kegiatan judi haram. Pindaan kepada undang-undang ini yang meningkatkan hukuman

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya barigun, Yang Berhormat. Minta penjelasan?

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah beliau sedar bahawa selain daripada perjudian yang biasa yang disebut-sebutkan iaitu sejenis permainan yang berkaitan dengan pertaruhan wang ringgit ataupun harta benda ada juga perjudian itu wujud dalam bentuk yang lain. Misalnya perjudian politik. Sebab saya rasa baru-baru ini ada pihak-pihak tertentu misalnya pihak DAP yang suka

melaung-laungkan reformasi poitik dengan memohon sokongan rakyat untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional tetapi setakat kini tiada siapa yang betul-betul faham bahawa dalam bentuk apakah yang akan diperjuangkan oleh Parti DAP itu. Apakah perancangan induk DAP untuk mentadbir Malaysia dengan lebih sempurna

Tuan Lim Guan Eng: Point of order

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya, ada point or order.

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya belum habis ayat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, kita dengar point of order dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 36(1), "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan". Saya rasa itu terkeluar daripada tajuk. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Dia bercakap berkenaan dengan judi. Sila teruskan.

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal kerana nampaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka ini kurang faham, bila saya sebutkan definasi ataupun takrif untuk perjudian itu tidak terkongkong kepada perjudian wang ringgit sahaja. Jadi, saya minta kebenaran untuk meneruskan. Saya rasa bukan sahaja orang ramai tak faham apa isi kandungannya yang dimaksudkan oleh DAP, malahan pimpinan parti DAP sendiri pun tak faham apa yang hendak diperjuangkan itu. Maka saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian beliau juga akan mengambil kira perjudian politik

seperti ini dalam penggubalan Akta pada masa yang akan datang?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar dan cukup benar bahawa pihak parti DAP seialu bermain perjudian politik, selalu memperjudikan nasib rakyat Jelata Malaysia dan negara kita yang kita sayangi. Atas soalan adakah Kerajaan akan mengambil kira perjudian politik ini, saya tidak tahu sama ada Kerajaan akan haramkan ini tetapi nampaknya parti politik ini suka meneruskannya dan ini terpulang kepada mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban bangun.

Dr Chen Man Hin: Saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri berkenaan. Bukankah MCA sendiri main politik, political gambling di dalam kalangan Cina Malaysia?

Dato' Loke Yuen Yow: Maafkan, Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham apa yang dia kata. Belajar Bahasa Malaysia dahulu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya tak harap pihak parti DAP

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan pula, adakah hendak beri?

Dato' Loke Yuen Yow: Tak beri jalan lagi oleh kerana tidak ada masa. Oleh kerana pada hari Selasa telah diberikan banyak masa

Dr Tan Seng Giaw: Point of order 36 (6).

Tuan Yang di-Pertua: Ada point of order.

Dato' Loke Yuen Yow: Point of order, okay.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, saya nampak dia dahulu bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, 36 (6), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain. Ini termasuklah Ahli dari Ampang Jaya dan bersama-sama dengan Timbalan Menteri tadi yang tidak sahaja hendak menjawab teguran-teguran yang bernas, dia sengaja hendak mempolitikkan perkara ini dan adakah dia boleh menjamin selepas dilaksanakan, dikuatkuasakan undang-undang ini, beliau akan menjamin bahawa judi dalam berbagai bentuk termasuk yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya iaitu Magnum dan sebagainya akan dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikurangkan?

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti sekejap. Yang Berhormat itu bangun atas point of order dan saya kena beri ruling. Yang Berhormat, berkenaan dengan perkara ini, kesemua kita main politik di sini. (*Ketawa*) Kalau tidak, tidak adalah Dewan ini. Saya boleh benarkan setakat yang mana yang boleh dibenarkan di dalam cara-cara susunan pentadbiran demokrasi.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan?

Tuan Zubir bin Embong: Bukan point of order, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian tidak boleh minta priority? (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Saya ingat bangun dulu itu priority? Kalau tidak silap saya dalam masa membahaskan pindaan Rang Undang-undang ini, pihak DAP nampak begitu bersungguh-sungguh menentang pindaan ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun untuk mendedahkan nama seorang daripada ahli DAP yang memohon lesen judi. Jadi apakah pada pandangan Yang Berhormat, pada masa perbahasan itu dibuat nampaknya Ahli-ahli DAP terutama dari Kota Melaka menentang habis-habisan Rang Undang-undang ini seolah-olah Rang Undang-undang ini tidak betul dan tidak kena pada tujuan dan matlamatnya. Tidakkah ini bermakna "cakap tidak serupa bikin"? Dan kalau Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri yang berani bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mendedahkan siapakah di kalangan ahli DAP ini yang telah memohon lesen judi tersebut supaya biar rakyat tahu terutama pelajar-pelajar yang ada pada hari ini, supaya dia mengerti bahawa ini permainan politik DAP, drama yang ditunjukkan oleh DAP. Sebutkan nama orang yang memohon lesen judi tersebut.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya akan sentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bolehkah saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan perjudian di negara kita ini. Ke arah mengurang dan menghapuskan kegiatan judi haram pindaan kepada undang-undang ini yang meningkatkan hukuman dan denda adalah perlu yang bertujuan untuk menyekat penganjur-penganjur meilibatkan diri dengan kegiatan judi haram.

Dengan adanya hukuman penjara mandatori, adalah diharapkan ianya

akan menjadi satu deterrent, dengan izin, kepada bakal-bakal penganjur judi haram.

Dengan tiada atau kurangnya penganjur maka peluang untuk berjudi akan berkurangan. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk memperketatkan syarat-syarat kepada pemegang lesen judi dengan tujuan mengawal aktiviti perjudian. Ini semua akan menyukarkan orang ramai berjudi. Antara langkah-langkah tersebut ialah dengan memasang papan tanda di tempat-tempat perjudian yang dilesenkan yang berbunyi "Judi adalah haram di sisi agama Islam" dan juga melarang sama sekali kanak-kanak sekolah serta mereka yang bemmur kurang daripada 18 tahun masuk ke pusat-pusat perjudian dan mengadakan kawalan yang cukup ketat di pintu masuk ke bilik-bilik slot machine.

Selain daripada itu lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan lagi dan jika perlu satu demi satu lesen-lesen perjudian yang wujud sekarang ini akan ditarik balik oleh kerajaan.

Segala langkah-langkah yang diambil ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan pada keseluruhannya mengawal dan mengurangkan aktiviti perjudian...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Mengikut jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu slogan akan dibuat "judi adalah haram di sisi agama Islam" dan akan menarik balik beberapa lesen judi. Saya ingin mendapat kepastian adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan menarik balik lesen-lesen judi yang telah diberi

kepada individu Islam di dalam negara ini dan seperti yang telah Yang Berhormat jawab tad' akan mengisytiharkan nama pemegang atau pemohon lesen judi. Bolehkah Yang Berhormat mengisytiharkan juga pemegang-pemegang lesen judi individu yang terdiri daripada orang-orang Islam di dalam negara ini? Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bawa cadangan ini balik kepada Menteri Kewangan oleh kerana beliau yang membuat keputusan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bersetuju derigan Ahli Yang Berhormat dari Rasah. . .

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun pula.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya ingin mendapat kepastian adakah Yang Berhormat menjawab bagi pihak Kementerian ataupun Yang Berhormat menjawab bagi pihak Menteri Kewangan yang tidak mendapat mandat yang sepenuhnya untuk menjawab hujah-hujah Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini dan sebarang persoalan akan dirujuk balik kepada Menteri Kewangan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan adalah diketuai oleh Menteri Kewangan dan saya di sini bagi pihak Kementerian Kewangan juga bagi pihak Menteri Kewangan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan lagi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak payahlah. Tidak ada masa lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat dari Bagan Serai.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Rasah tentang adat berjudi masyarakat Cina. Bagi pihak sekalian rakyat kaum Cina dan bagi pihak MCA saya suka menafikan sama sekali tentang adat masyarakat Cina yang mana Yang Berhormat dari Rasah katakan orang Cina mesti berjudi pada malam berkabung kematian di rumah-rumah mendiang. Ahli Yang Berhormat dan Rasah adalah merupakan "Joker of the Year 1989" dalam Parlimen Malaysia ini, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan para Pemberita yang bersama. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: UMNO ini. . . .(Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh juga?

Dato' Loke Yuen Yow: Adil kepada semua. Tuan Yang di-Pertua, kepada Pemberita yang sama dengan kita di dalam Dewan yang mulia ini kemungkinan ini merupakan kelakuan peribadi atau adat peribadi yang berhormat dari Rasah atau adat ahli-ahli parti DAP. Saya dengan kerendahan hati merayu kepada pihak DAP janganlah memalukan segala

orang Cina khasnya memalukan mereka sendiri dalam Dewan yang mulia ini. Untuk maklumat parti DAP. Kerajaan ingin sekeras-kerasnya. . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Loke Yuen Yow: Saya sudah berkata beberapa kali tidak boleh beri jalan. Tuan Yang di-Pertua, pada hari Selasa kita sudah beri cukup masa kepada Yang Berhormat berucap. . .

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, dia tidak beri jalan. Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk!

Dato' Loke Yuen Yow: Pusing sampai bulan balik ke Malaysia macam spaceship. Untuk makluman parti DAP, Kerajaan ingin sekeras-kerasnya mengawal aktiviti perjudian.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, point of order.

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6).

Dato' Loke Yuen Yow: Kacau sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6). Saya minta penjelasan dari segi point-of order sebab mengikut *Hansard* yang berada di hadapan kita ini. . .

Dato' Loke Yuen Yow: Point of order apa?

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6)—Sangkaan jahat.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order berapa?

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6), sangkaan jahat. sebab Yang Berhormat dari Rasah itu tidak sebut pun orang-orang Cina ini ingin berjudi di sesuatu upacara kematian atau perkahwinan. Dia tidak sebut begitu. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memutar belitkan. Kalau mengikut *Hansard* ini tidak sebut sama ada DAP atau Yang Berhormat dari Rasah bercadang untuk. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan, saya ada. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Ini dia buat point of order.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak sebut.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Salah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta point of order dahulu.

Tuan Lau Dak Kee: Dia minta hanya sama ada satu entertainment atau hiburankah, dia tidak sebut perjudian mengikut *Hansard*. Kalau ada, tolong tunjuk.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Saya rasa point of order Yang Berhormat itu tidak boleh disokong, (*Boo!*) Kerana ini ialah fikiran, fikiran yang dibenarkan di dalam perbincangan politik. Sila teruskan.

Dato' Loke Yuen Yow: Ya, terima kasih. Di mana saya berhenti tadi, kacau-kacau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman parti DAP, Kerajaan ingin sekeras-kerasnya mengawal aktiviti perjudian. Kerajaan langsung tidak membenarkan aktiviti judi di tempat-tempat tersebut tadi. Saya berasa kesal terhadap Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji yang telah beberapa kali bangun dan beberapa kali mengganggu orang lain dengan beberapa pertanyaan yang tidak tepat dengan maksudnya dan mengharap orang

lain menjawab soalnya dengan jelas dengan terang dan sebagainya tetapi dia sendiri tidak menjawab dengan jelas dan terang supaya membuat satu pendirian yang jelas dan terang. Walaupun saya bangun beberapa kali, bertanya beberapa kali, nampaknya Yang Berhormat dari Pasir Pinji ini menentang sekeras-kerasnya. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Marang bangun.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan, serupa, fair to all.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak fair itu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tiada gangguan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji menentang sekeras-kerasnya dan sehabis-habisnya segala aktiviti perjudian dan malangnya beliau telah menyentuh mahjung pula. Saya ingin bertanya, adakah beliau mengesyorkan mahjung juga patut diharamkan. Saya pernah meminta beliau menjawab dengan jelas dan terang dengan perkataan yang senang difaham sekali iaitu "ya" atau "tidak". Itu cara yang senang sekali. Tetapi beliau tidak tahu macam mana menjawab soalan saya itu. Daripada ucapan Yang Berhormat dari Pasir Pinji dan daripada cara Yang Berhormat yang berkenaan tidak menjawab soalan saya dengan jawapan "tidak". . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu, saya hendak tanya dia apa dia hendak.

Dato' Loke Yuen Yow: Itu idea DAP, saya belajar. . .

Tuan Lau Dak Kee: Dia tuduh saya, boleh balas atau tidak?

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh Yang Berhormat. Minta duduk!

Tuan Lau Dak Kee: . . .memberi penerangan.

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk, jangan membuang masa.

Tuan Lau Dak Kee: Memberi penerangan pendirian saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Dato' Loke Yuen Yow: Ini masa hak saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Cukup masa sudah diberikan kepada beliau.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak faham bahasa Malaysia, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat, jangan bangkitkan perkara lain. Teruskan dengan jawapan Yang Berhormat.

Dato Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan Yang Berhormat dari Pasir Pinji dan daripada cara Yang Berhormat yang berkeaaan tidak menjawab soalan saya

dengan jawapan "tidak", nampaknya beliau menyokong supaya mahjong diharamkan juga.

Saya kagum atas pengorbanan Yang Berhormat itu kerana saya difahamkan bahawa Yang Berhormat berkenaan memang suka bermain mahjong. Saya berharap Ahli Yang Berhormat. . .

Tuan Lau Dak Kee: Sangkaan jahat. 36 (6), point of order.

Dato' Loke Yuen Yow: dan DAP dapat memberikan penjelasan yang terang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Loke Yuen Yow: Apa ini, penjelasan, saya tidak bagi.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan. Point of order 36 (6).

Dato' Loke Yuen Yow: Point of order? Ah! boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak faham bahasa Malaysia.

Dato' Loke Yuen Yow: Nanti mati heart attack pula.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, dia kata saya suka main mahjong. Di sini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tarik balik ataupun beri bukti di mana saya ada main mahjong. Jikalau tidak, bermakna Timbalan Menteri berbohong di dalam Dewan ini, sebab saya tidak tahu main mahjong dan saya tidak pernah main mahjong, saya tidak tahu main mahjong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pasir Pinji, nanti sekejap. Tadi point of order, teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau saya tidak salah Timbalan Menteri Kewangan itu mengatakan bahawa saya adalah

seorang yang suka main mahjong. Itu salah satu tuduhan jahat. Kalau begitu, saya minta tarik balik atau dia buktikan di Dewan ini, kalau dia tidak buktikan di Dewan ini bermakna dia bohong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk, duduk! Sila Timbalan Menteri. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua,. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti. Satu-satu dahulu. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik perkataan "Yang Berhormat itu suka main mahjong".

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Ahli Yang Berhormat itu suka main mahjong. Apa salahnya. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . .

Dato' Loke Yuen Yow: Mahjong sahaja tidak apa-tarik balik. Tetapi kalau sensitif, saya tarik balik "main mahjong" sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . .

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Tarik balik, itu gentleman.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, lepas ini saya pula.

Dato' Loke Yuen Yow: Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan bahawa mahjung itu haram, fasal dia kata mahjung tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okaylah.

Dato' Loke Yuen Yow: Penjelasan atau apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Yang Berhormat sana.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh minta penjelasan tetapi tidak boleh tanya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Yang Berhormat dari Pasir Pinji bercakap bohong, sebab dia kata Yang Berhormat dari Rasah tidak ada sebut judi. Tetapi dalam *Hansard*. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh sebut pada orang lain.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia sudah bohong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia penipu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Timbalan Menteri Kewangan, sebab ada orang lain bohong sebab dia kata Timbalan

Menteri bohong sedangkan dia bohong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh minta penjelasan apa yang disebut oleh Timbalan Menteri sahaja, tidak boleh sebut apa yang orang lain kata.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya sebut, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya sebut?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia yang bertanya tadi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, yang Timbalan Menteri sebut ini. Dia sudah mengaku, terima kasih. Soalan saya tadi, dia kata bahawa MP dari Rasah tidak menyebut judi dihalalkan di upacara kematian. Tetapi dalam *Hansard* ini yang bertarikh 16hb ada mengatakan, ini adalah cakap Ahli dari Rasah:

"salah satu cara untuk menarik mereka datang ialah memberi peluang mereka bermain sedikit perjudian"

Tadi dia kata Ahli dari Rasah tidak cakap. Bacalah dahulu. Ada mata kena tengok.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, okaylah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Siapa pembohong sekarang, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ahli dari Pasir Pinji bohongkah atau Timbalan Menteri sendiri bohong? Siapa yang bohong? Pasir Pinjilah bohong, jawablah macam itu. (*Ketawa*)

Dato' Loke Yuen Yow: Bukan, Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Siapa yang bohong, Timbalan Menteri?

Dato' Loke Yuen Yow: Dia.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Siapa yang bohong sekarang? Ahli dari Pasir Pinji atau

Dato' Loke Yaen Yow: Itu jelaslah dia bohong.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Cukuplah, dialah yang bohong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan. Masa kita tidak banyak lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak bagi.

Dato' Loke Yuen Yow: Orang yang bohong itu, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan. Masa kita sudah banyak habis untuk ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dan juga Parti DAP dapat memberi penjelasan yang jelas dan terang perkataan yang suka digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji kepada masyarakat Cina di dalam negara kita ini atas pendiriannya ini dalam pilihanraya yang akan datang yang mana mereka habis-habisan mengesyorkan supaya Kerajaan mengharamkan segala aktiviti perjudian termasuk mahjong. Justru itu sekiranya permainan mahjong diharamkan, suka saya menegaskan bahawa ini adalah semata-mata akibat pengeyoran dan desakan DAP.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya tidak faham mengapa DAP patut membawa syor ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah salah satu contoh sekali lagi di mana DAP, dengan izin, elert and

provoke people and the government to take action against things of the Malaysian Chinese and then leave it to the MCA to fight and redress the situation for the Chinese.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, hendak apa?

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6), satu sangkaan jahat terhadap saya.

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk! Tentang cabaran daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, point of order, kena tunggu.

Dato* Loke Yuen Yow: Point of order, okay.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau saya tidak salah

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat jangan cakap macam itu. Cakap terus kepada apa yang dikata. Sebutkan apa perkara yang Yang Berhormat tidak puas hali itu.

Tuan Lau Dak Kee: Dia kata, saya atau DAP suruh Kerajaan haramkan permainan mahjong. Adakah di dalam *Hansard* ini atau di mana-mana? Kalau itu tidak benar, bermakna dia memutarbelitkan perkara itu. Itu, on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: On a point of order, 36 (6). Saya hendak tahu sama ada itu tercatat dalam *Hansard* atau tidak sebab saya sudah baca. Saya teliti juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Dato' Loke Yuen Yow: Ada baca, tidak salah.

Tuan Lau Dak Kee: Muka surat berapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap. Biar saya buat ruling.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, muka surat 97.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, saya rasa perkara ini boleh diteruskan, tidak ada ruling dibuat. Saya over-rule apa yang dibangkitkan oleh Ahli dari Pasir Pinji. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri penjelasan? Boleh beri atau tidak?

Dato' Loke Yuen Yow: Berilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Perkara ini tidak usahlah berpanjangan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia beri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: DAP ini, dia minta judi boleh dimainkan pada muka surat 97 bertarikh 16hb Oktober *Hansard* ini. Bacalah Yang Berhormat dari Pasir Pinji, ini DAP minta, bukan MCA minta. Ini dia minta. Macam mana ini, siapa bohong? Dia kata salah satu cara untuk menarik mereka datang ialah untuk memberi peluang mereka bermain sedikit perjudian—menurut apa yang saya faham kegiatan serupa itu tidak boleh dianggap sebagai

perjudian", ini Hu Sepang kata, Yang Berhormat dari Rasah. Muka surat 97. *Hansard* bertarikh 16hb Oktober.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat minta penjelasan dari Timbalan Menteri?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak minta penjelasan. Macam mana itu, Timbalan Menteri? Adakah ini betul atau saya reka-reka sahaja?

Dato' Loke Yuen Yow: Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk! Tuan Yang di-Pertua, tentang cabaran daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji supaya saya sebutkan—semalam saya fikir dia pergi ke bulan dan balik, lagi mahu cakap, pusing-pusing lagi? Duduk! Nanti saya keluarkan perkataan yang jahat, nanti susah! Duduk bodoh! (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Macam mana ini? Tuan Yang di-Pertua, dia

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dua-dua Yang Berhormat, duduk! Saya rasa kita telah mengambil begitu banyak masa untuk membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya minta tidak ada perkataan macam bodoh dan sebagainya diucapkan lagi oleh kerana kita banyak lagi Rang Undang-undang untuk diluluskan dalam sesi ini.

Nanti dahulu. Jadi, saya minta tidak ada mana-mana Yang Berhormat menggunakan perkataan bodoh dalam Dewan ini. Saya minta teruskan dan pendekkan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih, saya bersetuju.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, macam mana ini? Dia belum tarik balik.

Dato' Loke Yuen Yow: Membariskan masa pengundi-pengundi kawasan Pasir Pinji sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau dia kata bodoh itu, tidak tarik balik, kita pun boleh katakan. Tidak baiklah, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat dari Pasir Pinji. Yang Berhormat Timbalan Menteri minta tarik balik perkataan bodoh itu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Ipoh katakan bodoh, tidak tarik balikpun.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya buat ruling hari ini. Sila tarik balik perkataan bodoh.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya boleh tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, saya minta pendekkan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya harap, jangan bisung lagi. Nanti saya tidak tahan lagi. Bukan saya hendak cakap, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang tidak tahan. Minata maaf. Lagi kacau! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tentang cabaran daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji supaya saya menyebut siapa nama pemimpin-pemimpin DAP yang pernah meminta tolong untuk mendapatkan satu lesen jenis perjudian. Saya ingin di dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi mengesahkan bahawa apa yang saya sebutkan tentang adanya beberapa pemimpin DAP meminta pertolongan

saya untuk mendapatkan lesen jenis perjudian adalah bukan bohong tetapi benar sekali tetapi saya rasa sekarang bukan masanya yang sesuai untuk mendedahkan nama-nama mereka ini. Pemimpin-pemimpin DAP ini meminta tolong secara peribadi dan sebagai kawan oleh kerana mereka tahu jikalau saya mengambil kira mereka sebagai pemimpin-pemimpin DAP tentulah saya tidak akan tolong iangsung. Mereka berharap sebagai kawan saya akan tolong.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk, tidak beri!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Dato' Loke Yuen Yow: Lagi sekali nanti, saya keluarkan perkataan jahat, susah!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti. Dia bangkitkan point of order.

Dato' Loke Yuen Yow: On a point of order apa lagi?

Tuan Lau Dak Kee: On the point of order, 36 (6). Ini sangkaan jahat. Di dalam Dewan ini, apa kita cakap mestilah ada bukti. Kalau tidak ada bukti, dia hanya tuduh orang tidak dapat membela dirinya, tidak adil. Oleh kerana itu saya minta kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri betul-betul mempunyai maklumat ataupun proof (bukti) yang jelas bukankah boleh umum dalam Dewan ini pun boleh umum luar daripada Dewan ini di mana orang-orang yang dituduh itu dapat peluang untuk mempertahankan dirinya. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya over-rule, 36 (6) kerana ini mungkin tidak semestinya pemimpin DAP

dalam Dewan ini—umumnya? Teruskan.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin DAP meminta secara peribadi dan sebagai kawan oleh kerana mereka tahu jikalau mereka meminta pertolongan, jikalau saya mengambil kira mereka sebagai pemimpin-pemimpin DAP tentulah saya tidak akan tolong langsung. Mereka berharap sebagai kawan, saya akan tolong. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mereka gagal kerana saya tidak memberi pertimbangan langsung untuk menolong.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya tidak tolong mereka kerana mereka adalah pemimpin-pemimpin DAP yang selalunya merosakkan imej Kerajaan, saya tidak ingin terus merosakkan kerjaya politik atau political career mereka kerana kami masih lagi kawan yang baik. Kasihan kepada Setiausaha Agung DAP yang tidak langsung tahu bahawa wujudnya ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin beliau yang bercakap dengan suara besar tentang prinsip politik seolah-olah mereka menentang perjudian demi kepentingan rakyat jelata tetapi ingin juga sentiasa cuba mengenalpasti peluang untuk mencari makan yang lebih banyak sedikit seperti mereka cuba mendapat lesen yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk, tidak beri! Ini adat DAP. Tuan Yang di-Pertua, kita telah berbincang dan berbahas dengan panjang lebar mengenai pindaan kepada Rang Undang-undang ini. Kerajaan akan menerima dan menimbangkan segala cadangan, pandangan dan teguran

yang baik dan bernas tetapi Kerajaan tidak akan menerima tomahantomahan dan fitnah yang tidak berasas yang telah dilemparkan kepadanya. Kita semua tahu judi ini adakah satu tabiat yang tidak baik yang seharusnya dihapuskan. Undang-undang seperti pindaan ini adalah hanya satu peraturan yang boleh diadakan oleh pihak pemerintah bagi mencegah seseorang dari melakukan kesalahan sedangkan sama ada seseorang itu akan melakukan kesalahan atau sebaliknya adalah bergantung kepada seseorang individu itu. Berdasarkan kepada hakikat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar semua orang, ibubapa, pemimpin masyarakat dan ahli politik memainkan peranan masing-masing membantu Kerajaan dalam menghapuskan tabiat suka berjudi ini di kalangan masyarakat kita ini. Dengan hapusnya tabiat suka berjudi di kalangan rakyat kita, saya percaya perjudian akan hilang dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan, Kementerian Kewangan telah mengambil maklum dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Dengan ini, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya

kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menentukan bahawa Bahasa Melayu hendaklah menjadi Bahasa Kebangsaan negara ini.

Fasal 4 Perkara 152 pula menentukan bahawa bahasa Inggeris bolehlah digunakan di mahkamah dalam tempoh 10 tahun dari tarikh hari merdeka. Akta Bahasa Kebangsaan telah diluluskan dalam tahun 1967 bagi melaksanakan ketetapan-ketetapan yang telah termaktub

dalam Perlembagaan. Antara lain, Akta tersebut menentukan peruntukan mengenai bahasa di mahkamah.

Menurut seksyen 8 Akta tersebut, sesuatu prosiding di mahkamah boleh menggunakan sama ada Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris atau sebagainya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris. Mahkamah juga boleh demi kepentingan keadilan membenarkan supaya sesuatu prosiding itu dijalankan sama ada keseluruhannya dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris diletakkan setaraf dengan Bahasa Kebangsaan dalam seksyen 8 yang ada sekarang kerana didapati ramai pada masa itu peguam-peguam dan hakim-hakim masih belum dapat menguasai Bahasa Kebangsaan dengan baik dan banyak pula undang-undang masih ditulis dalam bahasa Inggeris. Istilah undang-undang juga masih terhad dan berada dalam peringkat awal perkembangan.

Kini masa telah berlalu lebih daripada 20 tahun sejak Akta Bahasa Kebangsaan ini diluluskan. Dalam tempoh tersebut peguam-peguam sama ada lulusan universiti tempatan atau seberang laut didapati telah boleh menguasai Bahasa Kebangsaan dengan baik, peruntukan dalam Akta Bahasa Kebangsaan tersebut menghendaki segala undang-undang yang dikeluarkan oleh Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri disediakan dalam kedua-dua Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris.

Pada hari ini keseluruhan undang-undang yang digubal selepas mula dikuatkuasakan Akta tersebut dalam tahun 1967, mempunyai teks Bahasa Kebangsaannya yang mana hampir kesemuanya menjadi teks sah. Jabatan Peguam Negara juga telah berusaha untuk menterjemahkan undang-undang yang dibuat sebelum

tahun 1967 ke dalam Bahasa Kebangsaan. Begitu juga kebelakangan ini dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka terdapat kemajuan dan perkembangan yang menggalakkan dalam pembentukan istilah undang-undang.

Beberapa langkah positif juga telah dan sedang diambil oleh pihak-pihak tertentu termasuk mahkamah-mahkamah sendiri untuk menggalak dan mempercepatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam prosiding di semua peringkat mahkamah. Sungguhpun banyak usaha telah dibuat ke arah peningkatan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini, tetapi hingga hari ini penggunaannya di mahkamah masih belum sampai ke tahap yang memuaskan. Oleh itu untuk memperluas dan mempercepatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam prosiding-prosiding di mahkamah, maka seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan ini perlu dipinda seperti Fasal 2 Rang Undang-undang, seksyen 8 baru ini memperuntukkan sebagai kaedah am bahawa segala prosiding di mahkamah hendaklah diadakan dalam Bahasa Kebangsaan. Dengan pindaan ini, status bahasa Inggeris yang selama ini setaraf dengan Bahasa Kebangsaan akan luput. Walau bagaimanapun, ada masanya prosiding di mahkamah melibatkan kes-kes yang kompleks dan rumit dan terdapat kemungkinan yang prosiding itu sukar hendak dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Kebangsaan. Menyedari hakikat ini maka satu proviso telah dimasukkan ke dalam seksyen 8 baru ini bagi memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan selepas menimbangkan kepentingan keadilan sesuatu prosiding, membolehkan prosiding itu dijalankan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris. Proviso ini adalah perlu untuk menjamin kelancaran dan keadilan di dalam kes-kes tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan pindaan dalam peringkat Jawatankuasa iaitu dengan memansuhkan perkataan-perkataan "atau kesemua dalam bahasa Inggeris" dalam seksyen 8 yang baru itu. Adalah diharapkan dengan pindaan ini hasrat Kerajaan untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya dalam prosiding di semua peringkat mahkamah akan tercapai. Walaupun Kerajaan menggalakkan rakyat mempelajari bahasa-bahasa asing, tetapi Bahasa Malaysia iaitu Bahasa Melayu hendaklah dihormati oleh semua pihak. Hanya satu cara sahaja yang boleh membuktikan seseorang itu benar-benar menghormati Bahasa Kebangsaan iaitu dengan menggunakan bahasa itu dengan sepenuh-penuhnya. Pengakuan-pengakuan di bibir sahaja oleh setengah-setengah pihak kononnya menyokong Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan tidak mencukupi. Seseorang yang benar-benar jujur hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita itu hendaklah menggunakan bahasa tersebut tanpa gesaan apa lagi paksaan.

Kita patut megah kerana mempunyai bahasa kita sendiri yang boleh dijadikan bahasa rasmi dan bahasa perantaraan di negara ini, sedangkan di negara-negara lain ada di antaranya terpaksa menggunakan bahasa asing, kebanyakannya bahasa imperialist yang menjajah mereka dahulu, seperti bahasa Perancis, Inggeris, Sepanyol dan Portugis untuk dijadikan bahasa rasmi negara mereka. Bahasa Malaysia boleh berkembang dan boleh menjadi bahasa yang lengkap dalam semua aspek penghidupan kita sama ada dalam bidang perundangan, pentadbiran, perniagaan dan juga agama. Dengan adanya penggunaan bahasa Indonesia yang hampir sama dengan Bahasa Malaysia oleh lebih 160 juta rakyat negara tersebut maka tidak syak lagi Bahasa Malaysia

berserta dengan bahasa Indonesia akan menjadi salah satu bahasa yang terkemuka di dunia.

Kemajuan pesat di bidang ekonomi dan politik bagi kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia akan memperkukuhkan lagi keyakinan kita bahawa Bahasa Malaysia boleh dan mampu menjadi salah satu bahasa yang terkemuka. Pendapat setengah-setengah orang yang berkata sesuatu bahasa itu hendaklah dilengkapkan terlebih dahulu sebelum digunakan dengan sepenuhnya adalah satu pendapat yang salah. Sebenarnya, sesuatu bahasa itu akan berkembang secara perlahan-lahan hanya apabila ianya digunakan. Apabila ada kesungguhan menggunakan Bahasa Kebangsaan, maka berbagai istilah-istilah baru akan muncul kerana kekurangan-kekurangan itu dengan sendirinya akan memaksa kita berfikir dan berusaha lebih banyak untuk memperkembangkannya. Kerajaan Parti Perikatan dan sekarang Barisan Nasional sentiasa bersikap liberal dalam pentadbiran, ekonomi hingga kepada penggunaan Bahasa Malaysia.

Bersabit dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini sahaja, Kerajaan telah banyak mengalah dan kompromi sehingga timbul tuduhan kononnya para pemimpin Kerajaan tidak bermaruah dan tidak tegas. Parti Perikatan sanggup, misalnya, menerima pegawai-pegawai dagang bekerja sementara di Malaysia selepas Kemerdekaan supaya pentadbiran tidak terganggu. Dalam bidang ekonomi, Kerajaan tidak mahu mencontohi negara-negara lain yang baru muncul dengan memilik-negarakan harta kepunyaan penjajah mereka yang lalu. Di Malaysia, pengambilalihan harta orang-orang Inggeris adalah mengikut peraturan biasa iaitu dengan cara rundingan dan membayar pampasan yang secukupnya mengikut harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah

pihak. Dengan berbuat demikian, perkembangan ekonomi negara kita tidak terjejas.

Begitu juga dalam penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Kerajaan bersikap liberal kerana tidak mahu proses keadilan terjejas, tetapi setelah 32 tahun lamanya kelonggaran penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah diberikan, maka kini sudah sampai masanya satu peraturan baru diwujudkan untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Pindaan kepada undang-undang ini telah diteliti dengan sehalus-halusnya supaya penggunaan Bahasa Malaysia yang lebih luas di mahkamah tidak akan menjejaskan proses keadilan. Tidak ada siapa yang akan kerugian dengan adanya pindaan ini, sebaliknya ini merupakan satu kejayaan kita bersama dalam menunaikan tanggungjawab mendaulatkan Bahasa Malaysia kita itu.

Kerajaan berharap setiap orang yang terlibat dalam penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah iaitu hakim-hakim, peguam-peguam dan pegawai-pegawainya menerima pindaan ini dengan perasaan gembira dan melaksanakannya dengan jujur dan bersungguh-sungguh. Jika penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah berjalan dengan baik seperti yang diharapkan, maka tidaklah perlu pindaan dibuat lagi kepada undang-undang ini pada masa yang akan datang. Penggunaan Bahasa Kebangsaan yang berkesan di mahkamah ditentukan oleh para peiaksana undang-undang itu sendiri iaitu hakim-hakim dan peguam-peguam. Jika para hakim tegas dan bersungguh-sungguh dengan pelaksanaannya di mahkamah, ia akan diikuti oleh para peguam dengan sendirinya dan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang berjaya di mahkamah akan menggalakkan penggunaannya yang lebih luas di bidang-bidang lain. Ini tidak dapat

tidak akan diikuti oleh keyakinan terhadap penggunaannya yang lebih menyeluruh di segenap lapisan rakyat. "Bahasa adalah maruah bangsa", jika kita sendiri tidak menghormati bahasa kita, maka janganlah kita kecewa kalau satu-satunya pusaka bangsa kita itu akan terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Marang.

4.35 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah membentangkan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Pembentangan itu menjelaskan kepada kita bahawa sudah sampai masa dan ketikanya pihak Kerajaan berhasrat benar ingin melaksanakan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dengan sepenuhnya terutamanya di Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah yang seharusnya menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap tentang penggunaan bahasa ini, pertamanya perlulah kita menyedari bahawa terdapat beberapa faktor bagi memastikan sesuatu bahasa itu berkembang ataupun berjalan dengan lancar. Bagi saya, faktor-faktor yang perlu diteliti ialah:

- (1) kekayaan perbendaharaan kata itu sendiri;
- (2) penggunaan ataupun pemakaian bahasa itu;
- (3) penyiaran ataupun usaha—pertama oleh pihak pemerintah ataupun pihak yang berkuasa/politik; dan
- (4) pelaksanaan.

Bercakap tentang Bahasa Malaysia, kalau dilihat daripada sudut yang pertama—kekayaan perbendaharaan kata Bahasa Malaysia adalah tidak perlu dipertikaikan. Kalau kita bercakap sama ada tentang istilah nahu, takrif mahupun konsep, maka kita merasa kagum kerana sehingga hari ini kita mempunyai lebih daripada 50,000 patah perkataan dalam Bahasa Malaysia. Dan mengikut seorang sarjana bahasa yang bernama Dr Awang Sudjai Hairul, Sarjana Linguistics yang menulis Kamus Lengkap ini, Tuan Yang di-Pertua, (kamus ini saya tunjuk sedikit)—iaitu dia ada 55,000 patah perkataan. Mengikut hukum penggunaan bahasa dalam dunia ini, mana-mana bahasa yang telah mampu lebih daripada 30,000 memang dia layak, standardlah jadi bahasa kebangsaan bagi satu-satu negara. Tetapi pemakaian yang kita pakai pada hari ini adalah sebanyak 55,000 patah perkataan, maka kalau kita hendak gunakan ataupun kita hendak pakai dalam mahkamah sama ada Agung ataupun tak Agung, Tinggi ataupun Rendah, maka saya kira sudah mampu untuk menggunakan istilah-istilah yang ada. Lagipun, Bahasa Malaysia ini adalah bahasa yang kaya dari segi kekayaan perbendaharaan kata kerana kita

terdiri daripada pelbagai kaum, kita bukan sahaja bangsa Melayu, tetapi juga kita ada India, kita ada Cina, kita ada Kadazan, kita ada Iban, kita ada Jakun, kita ada Semelai, kita ada Negritos, kita ada Senoi Praaq dan sebagainya. Dan semua ini kalau dicampur-campurkan, maka ternyata bahawa kekayaan perbendaharaan kata kita akan dapat dijalankan dengan lancar, sedangkan di peringkat permulaan dahulu Bahasa Melayu bukan banyak sangat—tidak silap saya ada 3 patah perkataan Melayu sahaja, iaitu "babi, besi, padi". Yang lain-lainnya dipinjam daripada bahasa-bahasa yang lain. Begitulah juga hidupnya bahasa-bahasa lain dalam dunia ini.

Begitu juga kalau kita hendak katakan bahawa bahasa kita tidak mampu digunakan di mahkamah pun tidak betul kerana bahasa Urdu pun bukanlah satu bahasa yang kaya pada peringkat awalnya, bahasa Urdu ini adalah bahasa campuran daripada bahasa Parsi dan juga bahasa Sanskrit. Satu pertiga pembentukan bahasa Urdu adalah daripada bahasa Sanskrit dan juga bahasa Parsi. Maka ada orang merasa bimbang, hakim bimbang, orang ini bimbang, takut kita ini tidak kaya. Ini saya kira kalau adalah lagi, ini merupakan pandangan-pandangan yang meleset.

Faktor yang kedua untuk membolehkan bahasa itu berkembang iaitu pemakaian ataupun penggunaannya. Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia kita tidak usah khuatir-lah kerana pemakaiannya diakui sebagai bahasa rasmi nusantara, bukan bahasa rasmi Kuala Lumpur ataupun Semenanjung sahaja, tetapi nusantara yang diistilahkan sebagai bahasa *lingua franca* yang telah pun dipakai semenjak 1,400 tahun dahulu dan tidak kurang daripada 30 bangsa-bangsa dalam dunia sejak zaman Kesultanan Melaka dahulu bertutur dalam Bahasa Malaysia ini. Pendek kata kalau kita hendak gunakan di

mahkamah tidak menjadi masalah. Kalau telah terbukti zaman dahulu bahawa orang boleh memakai Bahasa Malaysia itu dengan baiknya di dalam perdagangan, perusahaan dibentuk dijadikan bahasa *Lingua franca*, maka tidak ada sebab kita tidak boleh pakai.

Begitu juga kalau kita lihat dalam perjanjian-perjanjian besar di negara ini seperti Perjanjian Pangkor, misalnya, menggunakan Bahasa Malaysia. Perjanjian Inggeris—Belanda yang membelahkan Tanah Nusantara ini sebahagiannya untuk Inggeris dan sebahagiannya untuk orang-orang Belanda, pun bukan pakai bahasa Inggeris, bukan pakai bahasa Belanda tetapi ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu. Wakil dari Batu Berendam pun mengakui hakikat ini. Begitu juga kalau kita lihat tentang pemecahan perjanjian Negeri-negeri Selat "Federated Malay States ataupun Unfederated Malay States" pun menggunakan Bahasa Malaysia. Pendek kata kalau saya hendak ambil, saya hendak kutip dari sejarah-sejarah perjanjian ikatan antara negara-negara besar, perjanjian-perjanjian membelah bagi negara dan kawasan ini, ternyata bahawa ianya menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya. Maka tidak ada sebab di mahkamah yang kecil itu tidak mahu kita menggunakan Bahasa Malaysia.

Hujah saya yang ketiga, kalau kita lihat di Universiti-universiti di Malaysia hari ini menggunakan Bahasa Malaysia. Hatta Unwersiti Singapura yang hari ini tidak mengiktirafkan Bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi negaranya yang memakai bahasa Inggeris pun di Singapura menggunakan Bahasa Malaysia. Contohnya, pada tahun 1949 Universiti Singapura telah pun menggunakan Bahasa Malaysia sebagai salah satu cabang Fakulti pengajian ilmu di negara tersebut. Begitu juga kita telah menggunakan Bahasa Malaysia semenjak tahun 1971 lagi di semua universiti. Ini tidak ada

masalah. Begitu juga kalau kita lihat di Indonesia yang telah dijajah oleh Belanda ratusan tahun dahulu, saya ingat lebih daripada 200 tahun seluruh kepulauan Indonesia menggunakan bahasa Belanda tetapi hari ini telah menolak bahasa Belanda. Kenapa dia tidak pakai bahasa Belanda, sedangkan boleh dikatakan rata-rata orang sudah pandai bercakap bahasa Belanda, tetapi menolak dan menggunakan bahasa Indonesia. Jikalauah Indonesia boleh menolak bahasa Belanda sebagai bahasa rasminya, maka kenapa kita yang hanya dijajah dalam kadar 171 tahun oleh orang putih itu tidak boleh kita gunakan bahasa kita sendiri?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong, minta penjaslankah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ya, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa tahunkah yang diambil oleh negara Indonesia untuk mengubah bahasa pengantar di dalam mahkamah-mahkamah mereka? Silalah menjelaskan berapa tahun.

Tuan Haji Ahul Rahman bin Bakar: Dia gunakan bahasa Indonesia di Indonesia pada bulan Ogos, 1946, betul?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan Yang Berhormat dari Marang tidak begitu faham mengenai penggunaan bahasa Indonesia di Indonesia sendiri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa pula tak faham—1946. Bacalah sejarah. Itulah suruh baca sejarah tetapi tidak mahu, suruh mengaji, tidak dalam ilmu hendak berbahas—Ogos 1946, penggunaan bahasa Indonesia, termasuk di mahkamah.

Dr Tan Seng Giaw: Bahasa Indonesia digunakan di mahkamah-mahkamah Indonesia selepas 44 tahun, baru mereka berjaya untuk menggantikan bahasa Belanda itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu kata dia, kadang-kadang DAP ini putarkan fakta, bukan boleh percaya sangat DAP ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak penjelasan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang, sama ada beliau bersetuju dengan pendapat yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mengatakan bahawa Indonesia mengambil masa 44 tahun baru mereka boleh menggunakan bahasa Indonesia di Mahkamah. Indonesia merdeka pada tahun 1945, dicampurkan 44 tahun, bermakna tahun 1989 baru Indonesia menggunakan bahasa Indonesia di Mahkamah, adakah ini tepat?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak tepat, tetapi saya hendak kata dia tak ada akal, takut segan sangat. Maknanya kalau selepas 44 tahun dari 1945, penggunaan bahasa Indonesia di Mahkamah ialah pada tahun 1989—betulkah ini?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dia minta penjelasan lagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak payahlah, fasal dia tidak faham.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini mengikut Ketua Badan

Pembinaan Hukum Nasional Indonesia, Dr Siniarti Hartono.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya buku mana yang dia tulis—merdeka pada 1945, penggunaan. 44 tahun kemudian, lojikkah itu? Takkanlah hendak gunakan selepas 44 tahun. Kalau merdeka pada 1945 + 44 tahun, jadi tahun 1989. Katak pun ketawa. Carilah buku yang ada kelas sedikit, baharulah ilmu itu meningkat dan bertambah, janganlah baca buku kartun. (*Ketawa*) Sorrylah, Tuan Yang di-Pertua. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan, Ketua Badan Pembinaan Hukum Nasional Indonesia bukan orang yang tidak berilmu, ia lebih berilmu daripada Yang Berhormat daripada Marang mengenai bahasa Indonesia.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, kalau dia kata penggunaannya selepas 44 tahun, selepas kita. Indonesia merdeka tahun berapa? Tahun 1945, faham tak? Ala bodoh—tarik baliklah, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh marah sebab saya sudah tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang ketiga bagi memastikan sesuatu bahasa itu berkembang maju ialah faktor penyebaran serta usaha. Saya melihat dari segi penyebaran serta usaha, perkara ini telah berkembang dengan baik. Pendek kata hari ini pemerintah telah melakukannya di semua bidang, sama ada di bidang pelajaran (1971), sama ada di bidang ekonomi, sama ada di bidang budaya, sama ada juga turut memperkembangkannya di luar negeri. Kita mempunyai jurusan bahasa, penggunaan bahasa ini di luar negeri, di Amerika pun ada, di Jepun pun ada, di Perancis pun ada, di kepulauan-kepulauan lain pun ada, di Madagascar pun ada, di Sri Lanka pun ada, pendek kata semua ada. Cuma yang saya nampak tidak boleh disebar

dan diusahakan hari ini iaitu di mahkamah-mahkamah. Inilah tanda soal ataupun pertanyaan yang sering menghantui rakyat negara ini. Kenapakah, kalau penyebaran serta usaha itu dapat dilakukan di semua negara dan juga di dalam keadaan di semua bidang, keadaan itu tidak boleh kita lakukan dan laksanakan di mahkamah? Tolong jawab ini.

Faktor yang keempat bahasa itu boleh berkembang adalah daripada hasrat ataupun usaha pemerintah. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang kita kasihi Encik Ghafar telah menyatakan bahawa Akta Bahasa Kebangsaan telah pun diimplemenkan, dilaksanakan pada tahun 1967. Pendek kata bila bunyinya begitu, dinyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan akan digunakan dalam semua bidang, patutnya tidak payahlah kita paksa, tidak payahlah kita hendak tekankan kerana kita bukan kuku besi, macam DAP. Kita ini adalah suatu pemerintah demokrasi yang mahunya sesuatu itu diikuti, difahami tanpa dipaksa. Inilah satu hakikat yang perlu difahami, yang perlu dinyatakan, yang perlu dibuat. Bila Akta Bahasa Kebangsaan digubal pada tahun 1967, bukan untuk ditayang, bukan untuk dilakukan, tetapi dilaksanakan. Seharusnya pihak-pihak yang berkenaan sensitif. Sensitif sahaja tanpa ambil tindakan tidak ada makna sensitif itu. Begitu juga hasrat pemerintah jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ini dia Perlembagaan (Federal Constitution) dan Artikel 152 menyatakan bahawa antara lain Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen. Maknanya kalau dia katakan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan, termasuklah di mahkamah. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, Encik Ghafar juga membentangkan serta

memberitahu selepas 10 tahun boleh dibuat, digubal yang baru selepas 10 tahun merdeka. Kita merdeka sudah berapa tahun? 32 tahun. Kita merdeka pada tahun 1957, sekarang.1989, tolak 1957, jadi 32 tahun. Betul atau tidak, Yang Berhormat dari Kepong? Jadi, kalaulah sudah Perlembagaan itu menyatakan untuk menggunakan Bahasa Malaysia, saya rasa tidak ada masalah. Begitu juga dalam Artikel 152, ceraihan (4), berbunyi "Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen, segala pembicaraan dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris". Maknanya selepas 10 tahun itu boleh gunakan bahasa Inggeris. Tetapi "selainnya diperuntukkan oleh Parlimen", maknanya kita hari ini, Wakil-wakil Rakyat yang ada seramai 177 orang, termasuk yang ponteng, hari ini boleh menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, kalau Parlimen mahu. Hari ini kuasa di tangan kita, kita rasa ini satu perkara, hasrat ataupun usaha oleh pemerintah yang patut kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kalau kita lihat perkara lain yang perlu kita tekankan iaitu perlaksanaan. Dari segi perlaksanaan saya rasa tidak ada masalah, kalau betul-betul kita hendak buat, kita ada kekayaan istilah, saya telah bincang tadi, kita ada penggunaan dan pemakaiannya, kita ada penyebarannya, yang kita tidak ada, yang kita tidak sungguh-sungguh dari segi pelaksanaan. Pelaksanaan ini saya tengok banyak pihak yang berdolak-dalik, ia pakai acuh tidak acuh ataupun tidak bersemangat. Pertamanya saya hendak hujah di sini, saya tengok pihak peguam, majistret, hakim ini sebahagiannya hendak jaga periuk nasi, tulislah, hakim marah dengan saya, biar dia marah. Kononnya malu sebab mahkamah

tidak ambil berat, malu kononnya kalau bercakap dalam Bahasa Malaysia ini tidak standardlah, kononnya orang kampunglah, kononnya bahasa Inggeris itu lebih berstandard, lebih bagus.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Marang memandangkan Yang Berhormat datang daripada Negeri Terengganu. Di Terengganu itu Yang Berhormat pernahkah pergi ke mahkamah. Kalau pernah pergi ke mahkamah adakah Yang Berhormat sedar tanpa hujah-hujah yang begitu manis di sini, begitu lantang itu, di mahkamah-mahkamah di Terengganu itu banyak orang menggunakan bahasa Terengganu tanpa desakan, tanpa paksaan, tanpa laungan yang begitu lantang daripada Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Begini Kepong, kita bercakap bukan Terengganu, kita bercakap negara, kita bercakap Bahasa Malaysia ini bukan untuk Terengganu, negara, n-e-g-a-r-a, negara bukan Terengganu bukan Kepong, bukan Marang, negara (*Tepuk*). Biar agak kita "kelas" sedikit bercakap ini, sebab itu awak tidak boleh bertanding di Terengganu. Oh! berat sungguh.

Jadi, saya mengesyorkan supaya sikap peguam, majistret, hakim yang malu menggunakan Bahasa Malaysia perlulah dikikis.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Larut bangun pula.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta beritahu kepada kita peguam mana yang segan bercakap Bahasa Kebangsaan. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Peguam DAP banyak. Ahli dari Larut, dia cakap Melayu banyak, dia cakap orang putih masa saya dengan dia di Amerika sahaja, masa di luar negeri. Ini yang DAP dalam negeri, luar negeri sama sahaja.

Yang kedua, saya lihat pendewaan kepada bahasa Inggeris terlalu sangatlah, termasuk orang Melayu, Hakim-hakim Melayu, Majistret Melayu, lawyer Melayu. Jadi, kalau kita sendiri orang Melayu ataupun anak Melayu.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Oh! Karpal Singh, sorry—Ahli dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: On a point of order 36 (8). Tuan Speaker, kelakuan atau sifat Hakim-hakim dan lain-lain yang menjalankan keadilan mahkamah tidak boleh disebut melainkan dengan satu usul bersendirian bagi maksud-maksud itu. Apa yang dikatakan oleh Ahli dari Marang ada bertentangan dengan 36 (8).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentuh Hakim.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti saya hendak buat ruling dahulu. Saya belum buat ruling, sila duduk Yang Berhormat dari Marang.

Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi. Saya minta Ahli

Yang Berhormat dari Marang tarik balik perkataan tadi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak bersetuju, saya setuju tetapi saya hendak jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ruling tidak boleh jelas-jelas lagi, Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tariklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pendewaan kepada bahasa Inggeris, kalaulah terlalu sangat ataupun mengatasi kepada di mana diri dia berada, daripada mana asal usul dia, inilah yang menyebabkan tenggelamnya keberanian kita kepada bahasa ibunda tercinta sendiri.

Yang ketiga, saya lihat ada jugalah setengah orang itu hendak tutup kelemahan dia, dia bercakap bahasa Inggeris tidak pandai mana, pelanggan pun tidak faham maka senanglah pelanggan tidak faham, dia pun bercakap dalam bahasa Inggeris, hendak cakap Bahasa Melayu takut pelanggan faham tetapi cakaplah bahasa Inggeris, "gedebang gedebung" konon-kononnya dia itu terror sangatlah. Jadi, sebab itu saya melihat kebolehan-kebolehan setengah-setengah itu tidak bolehlah kita ukur dengan jelas, dengan gaya, kot, tali leher ataupun style.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Tanjong minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehlah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat dari Marang bercakap berkenaan pendewaan bahasa Inggeris. Adakah ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di CHOGM semalam itu dalam bahasa Inggeris 99.9% dalam bahasa Inggeris, satu pendewaan bahasa Inggeris.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini seorang lagi tidak faham, yang mana ini Ahli dari Tanjong, dua kali lima juga. Itu CHOGM antarabangsa, Ketua-ketua Negara Komanwel bukan ketua-ketua Tanjong. Ini cerita Benazir Bhutto daripada Pakistan, daripada India, daripada Afrika, daripada Kanada takkanlah hendak bercakap Bahasa Malaysia. Itu antarabangsa, yang kita cerita ini mahkamah di Malaysia bukan soal Tanjong. Itu yang tidak faham itu, tidak boleh perintah itu.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Ahli Yang Berhormat dari Marang sedar di India, satu negara, negara yang besar sekali dalam Asia barangkali sekarang, ada 833 juta orang di sana, sampai sekarang di mahkamah guna bahasa Inggeris, dan juga dalam satu negara Islam—Pakistan serupa juga sampai sekarang hari ini dalam negara itu pun guna bahasa Inggeris dalam mahkamah. Adakah dia sedar orang ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sedar, kalau Yang Berhormat suka sangat India balik Indialah. Ini negeri kita, kita punya style, kita punya corak, kita punya hak, bukan India beri makan kepada Yang Berhormat, Malaysia yang beri makan kepada Yang Berhormat. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bangun lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ini sangkaan jahat, Tuan Speaker. Bukan penjelasan tetapi saya tidak mahu, ini orang bodoh, tidak payah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah, orang bodoh juga.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order, tarik balik. Tidak boleh sangkaan jahat. Point of order 36.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 36 berapa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 36. (*Ketawa*) (6).

Tuan R. Karpal Singh: Tidak tahu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tahu sekarang 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Ahli Yang Berhormat dari Marang!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order 36 (6) sangkaan jahat, dia kata saya bodoh dua kali, tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan tarik balik, oleh kerana Tuan Speaker, orang bodoh ini cakap apa yang orang bodoh juga boleh cakap, tidak ada jalan lain,

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bloody fool.

Tuan R. Karpal Singh: Ini orang bodoh, ini bukan satu isu perkauman, bukan saya asal dari India, Tuan Speaker.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak Tuan Speaker, saya tidak kata dia asal daripada India.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Jangan buat isu ini satu isu perkauman. Saya beri satu contoh. Pakistan pun satu negara Islam.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan main-main, barangkali beri amaran kepada Ahli dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa beri amaran, sit down.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Marang, sila duduk! Yang Berhormat dari Jelutong boleh tarik balik perkataan bodoh?

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana dia bodoh, saya beri amaran itu kepada dia tetapi jikalau Tuan Speaker ingat saya kena tarik balik, saya tarik balik, tetapi apa yang dia ada ucap tadi, ini bukan satu isu perkauman, bukan itu. Saya beri contoh, Tuan Speaker, bukan oleh kerana saya orang India, saya orang Malaysia, bukan orang India atau orang Pakistan, orang di sini, lahir di sini dan mati di sini, barangkali dia tidak faham.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Buat habis masa saya sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Marang, teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak kata dia orang India, kalau dia cinta

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, sila duduk, point of order.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order 36 (6). Sangkaan jahat. Yang Berhormat dari Marang ada kata bahawa kalau Yang Berhormat dari Jelutong tidak suka boleh balik India. Ini menyoalkan taat setia Yang Berhormat dari Jelutong, dan bukan sahaja ini kelakuan ucapan yang sangat rendah, sangat tidak ada standard, tidak patut dibenarkan dalam Dewan yang mulia ini. Tidak boleh kata siapa tidak suka balik India atau balik ke mana. Di sini negara Malaysia, tanah air kita. Saya harap beliau boleh tarik balik, kalau tidak, dihantar kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan, tengok Hansard, "kalau dia suka India", kalau dia tak suka, duduklah di Malaysia, tak ada apa-apa masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, saya minta tarik balik perkataan "balik India".

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tak mahu tarik, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tak kata dia orang India.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, itu ruling saya, tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kerana ruling, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik baliklah. Kalau dia, saya tak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Marang, saya minta penjelasan sedikit kerana saya dengar di luar tadi ucapan yang berapi-rapi, kemudian saya dengar pula Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan satu persoalan mengenai penggunaan bahasa oleh orang-orang India walaupun ada lebih kurang berpuluh-puluh bahasa di India, tetapi mereka menggunakan bahasa Inggeris di dalam mahkamah. Begitu juga di Pakistan, walaupun sebuah negara Islam tetapi masih juga menggunakan bahasa Inggeris di negara mereka dalam mahkamah.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Marang, kita sebuah negara yang telah mencapai kemerdekaan lebih kurang 32 tahun, apakah dengan menggunakan bahasa Inggeris itu menggambarkan bahawa kita ini tidak mempunyai satu identiti. Kalau di negara India yang menggunakan bahasa Inggeris di mahkamah mereka, kepada saya dan apakah pendapat Yang Berhormat, ia tidak menggambarkan identiti India, ia masih lagi menggambarkan satu sistem perundangan yang terjajah. Begitu juga dengan Pakistan walaupun sebuah negara Islam, ia masih juga menggambarkan satu sistem perundangan yang masih dijajah, iaitu yang masih tunduk kepada sistem perundangan Inggeris di mana hakim-hakimnya terpaksa merujuk dalam apa-apa keputusan rayuan terpaksa merujuk kepada keputusan Privy Council atau keputusan Mahkamah Rayuan di England sebagai "persuasive authority", dengan izin. Apakah dengan menjadikan Bahasa Malaysia dalam mahkamah kita menunjukkan bahawa kita walaupun bilangan yang kecil 17 juta orang penduduk tetapi kita mempunyai satu

identiti di dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Apa pendapat Yang Berhormat? Dan orang yang tidak suka . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan panjang sangat, Yang Berhormat. Minta penjelasan tak boleh panjang sangat.

Tuan Zubir bin Embong: Sedikit lagi. Orang yang tidak setuju dengan cara ini menunjukkan orang itu tidak ada perasaan cinta kepada negara dan amat layak kalau dikatakan orang ini perasaannya kepada negara ini mulutnya sahaja kata, tetapi hatinya sebenar tidak ada apa-apa. Bagaimana Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Oh, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju seratus peratus. (*Ketawa*) Memanglah orang-orang seperti ini bukan mulut sahaja, bukan hati sahaja, tetapi seluruh jiwa dan raganya tidak cinta dan tidak kasih dengan sepenuhnya, kalau adapun sedikit-sedikit macam itu.

Saya setuju bahawa sebenarnya negara kita ini masih lagi tidak mempunyai satu identiti. Negara ini kita tidak boleh saling cetak rompak dengan negara-negara lain; India—India, Pakistan—Pakistan, Switzerland—Switzerland. Ini negara kita, apa pula hendak buat yang lain-lain

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat dari Kepong bangun lagi. Tak usah, duduk dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia hendak apa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri beri Yang Berhormat dari Marang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Berilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu mengapa Yang Berhormat dari Marang hendak sebutkan Indonesia tadi? Tidak payahlah, hendak sebut-sebutkan Malaysia kalau mengikut kenyataan dia. Mengapa dia sebutkan Indonesia nusantara, lebih 30 negara yang menggunakan Bahasa Malaysia dan sebagainya. Sebutkan bahasa di Malaysia sahajalah, terutamanya di Terengganu. Dia tidak pernah jawab saya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan tidak pernah jawab. Ada telinga mahu mendengar, ada mata tidak mahu melihat, itulah Yang berhormat dari Kepong. Di Indonesia, Yang Berhormat dari Kepong, pun menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi di mahkamah hari ini, Bukan sahaja di Indonesia, malahan di Thailand pun menggunakan bahasa Thai, malahan di Filipina pun menggunakan bahasa Filipina. Apa lagi Yang Berhormat? Jawablah, tak berani pula.

Jadi, soalnya sekarang bila kita mahu mencacak serta melahirkan satu identiti kita hendaklah menggerakkan bahasa itu sebagai bahasa rasmi, kita tidak mahu berdolak dalih. Begitu juga faktor lain yang menyebabkan kita payah menggunakan Bahasa Malaysia kerana ada orang yang berpendidikan Inggeris, berpendidikan Barat. Bila balik menjadi hakim, peguam (lawyer) dan sebagainya ke negara ini masih lagi tidak mahu menerima hakikat kemahuan rakyat

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tarik balik perkataan "hakim".

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Saya hendak sebut apa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ini ada peraturan, tak dibenarkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Ini tentang mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, ada sebut Mahkamah Tinggi. Kalau saya tak boleh sebut perkataan "hakim", saya hendak sebut apa? Saya bukan hanya memburuk-burukkan hakim, saya menceritakan secara general.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Konteks ucapan Yang Berhormat itu ada berkaitan dengan perkara yang saya sebut tadi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Saya tak jelas, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak bertegang dengan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya menyebut benda itu ada, Tuan Yang di-Pertua, hakim-hakim yang berpendidikan Barat, berpendidikan Inggeris tidak mahu bercakap dalam Bahasa Malaysia pada hari ini. Ini yang saya tegaskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Saya rasa itu paling sederhana, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Ruling, Yang Berhormat. Ini Peraturan Mesyuarat kita, patut kita patuhi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya bercakap

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta duduk. Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, saya

tidak benarkan bercakap lagi. Kena tarik balik perkataan tadi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okay, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dalam hati lain. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta tarik balik tadi perkataan "hakim", apakah perkataan lain yang boleh digunakan untuk hakim? Saya ingat Yang Berhormat terpaksa menggunakan juga perkataan itu, kalau tidak, gunalah perkataan lain, pengadilkah ataupun sebagainya. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya pun takut hendak bercakap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sekiranya pihak mahkamah masih lagi berdolak dalih dalam semua pihak ini, maka kita merasa sukar untuk menjalankan kerja-kerja melaksanakan serta mendaftarkan Akta Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklumi dan kita ketahui bahawa dalam banyak aspek pentadbiran dan juga pemerintahan negara ini Bahasa Malaysia telah dilaksanakan dengan baik dan jayanya. Contoh di Dewan Negara sebelah itu, semua orang guna Bahasa Malaysia, dahulu semua bahasa Orang Putih. Di Dewan Rakyat inipun dahulu menggunakan bahasa Inggeris, hari ini ternyata bahawa Bahasa Malaysia mempunyai kekuatan yang tersendiri sehinggakan dahulu DAP, terutama macam Yang Berhormat dari Puchong

tak boleh berbahasa Malaysia, hari ini lancar, saya beri kredit. Yang Berhormat dari Kepong dahulu tak lancar, hari ini lancar. Yang Berhormat dari Rasah dahulu tak lancar, hari ini lancar. Yang Berhormat dari Tanjong dahulu tak lancar, hari ini lancar. Satu persatu daripada 24 orang itu lancar disebabkan adanya pelaksanaan yang sungguh-sungguh . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat dari Marang, semasa saya ada di sini pada tahun 1982, saudara pun tak tahulah di mana lagi dan kalau tidak tahu, tidak berasas, janganlah kita sebutkan perkara seperti ini. Di dalam Bahasa Malaysia, bahasa saya indah, yang cukup sopan, tetapi saya nampak hujah saudara ini kurang sopan. Jadi, bagaimanakah saudara akan mencontohi, menteladani untuk negara? Sebagai satu badan perundangan yang tertinggi, teragung di negara ini kita patut contoh kepada rakyat jelata bagaimana kita hendak menggalakkan penggunaan bahasa yang baku, bukan bahasa yang kasar, yang karut.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya kenal Yang Berhormat dari Kepong bukan hari ini, bukan ketika saya masuk Dewan ini. Saya kenal beliau semasa saya menjadi pemimpin pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Saudara Yang Berhormat dari Keponglah yang saya ajak menjadi ahli panel yang bercakap atas nama forum mahasiswa ajakan daripada Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, saya menjadi pemimpin pelajar, masa itu Bahasa Malaysia lintang-pukang dan ketika itu dia telah pun menjadi Ahli Dewan Rakyat. Apa benda lagi hendak?

Hujah saya yang kedua, saya melihat di semua sekolah, kolej dan juga universiti pada hari ini menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik, dahulu kekok. Dahulu orang tidak percaya dan tidak yakin bahawa dalam fakulti-fakulti yang berbentuk profesional serta ala profesional, seperti Fakulti Kejuruteraan, seperti Fakulti Undang-undang, seperti Fakulti Perubatan, bahasa ini tidak diyakinkan bahawa akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Tetapi setelah dilaksanakan, setelah dibuat peraturan, setelah diadakan usaha-usaha ternyata bahawa hari ini Bahasa Kebangsaan boleh menjayakan hukum-hukum fakulti-fakulti, bidang-bidang pengajian tersebut dengan jaya dan cemerlang. Hal ini mungkin kalau pihak mahkamah ambil perkara-perkara ini untuk dijadikan contoh dan teladan, maka saya kira tidak ada masalah, tidak ada apa-apa perkara yang kita takut . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, panjang lagikah sebab ramai lagi hendak bercakap.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri 5 minit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Begitu juga kalau kita lihat di Malaysia orang tidak pernah anggap Bahasa Latin, dahulu Bahasa Latin bukan Bahasa Inggeris. Bahasa Latinlah merupakan Bahasa Kebangsaan negara ini tetapi kita nyahkan, orang Putih nyahkan Bahasa Latin dijadikan Bahasa Kebangsaan, digantikan dengan Bahasa Inggeris. Tidak tidak ada apa-apa pun, tidak ada masalah apa-apa pun. Begitulah juga kalau kita nyahkan Bahasa Inggeris dalam mahkamah hari ini kita gantikan dengan Bahasa Malaysia, saya ingat tidak ada masalah apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai hujah-hujah saya untuk menyatakan bahawa Bahasa Malaysia boleh menjadi Bahasa Undang-undang.

Syarat yang pertama, kita berikan konsep kepada istilah-istilah Melayu ada. Kita ada 55,000 istilah.

Kedua, pinjam-meminjam antara bahasa kaum-kaum. Kita ada lebih 20 kaum di negara ini.

Ketiga, hubungkan dua atau tiga perkataan Melayu untuk kita jadikan satu istilah.

Keempat, kita pinjamkan istilah-istilah asing.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mempunyai rancangan serta cadangan yang tertentu:

Pertama, kita lantik Ahli-ahli Jawatankuasa Bahasa Istilah di peringkat universiti, mahkamah untuk menjalankan urusetia soal pelaksanaannya.

Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka perlu menjadi urusetia yang cekap dan juga berdisiplin dan beramanah.

Ketiga, orang ramai boleh beri pandangan.

Keempat, peranan Jabatan Peguam Negara yang telah melahirkan Biro Terjemahannya pada 1967 perlu dikembangkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pemerintahan hari ini mempunyai strategi perancangan yang tertentu. Saya mempunyai cadangan-cadangan yang sebegini. Iaitu pada tahun 1990 merupakan tahun perancangan. Tahun 1991, semua kes di Mahkamah Magistret perlu dibicarakan dalam Bahasa Malaysia. Tahun 1982 semua Mahkamah Session hendaklah guna Bahasa Malaysia. Tahun 1993 semua kes Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung guna Bahasa Malaysia. Tahun 1994 semua

keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sebagai kesimpulannya bolehlah saya petik begini. Kesimpulannya sistem pentadbiran kita dalam soal mahkamah ini kita tidak boleh statik. Kalaulah Perlembagaan UMNO boleh diubah selama 10 kali, begitu juga Perlembagaan Persekutuan, kenapa penggunaan Bahasa Malaysia tidak boleh diubah-ubah dan dibaiki pinda? Cuma kalau tidak boleh baiki pinda kerana kita degil ataupun kita tidak mahu menerima keadaan sebenar.

Yang kedua, ubah bukan untuk bermaksud mengorbankan keberkesanan ataupun sistem institusi kehakiman yang ada, tetapi kita ubah untuk melahirkan semangat rasa cinta serta semangat sayangkan negara, semangat rakyat nasionalisme kepada penggunaan bahasa ini. Pengubahan ini juga untuk menjayakan harga diri, keadilan dan menyelesaikan perbalahan dengan saksama.

Ketiga, perubahan tidak boleh mendadak, tetapi juga tidak boleh terlalu lama. Kita telah merdeka selama lebih 30 tahun, jadi kita tidaklah boleh sangat bertolak ansur resolusi demi resolusi tidak guna, macam DAP.

Keempat, Eksekutif, Legislatif dan juga Badan Kehakiman perlulah bersatu hati dan tenaga. Dan hakim-hakim ini jangan duduk untuk berkelahi dengan Perdana Menteri sahaja ataupun hakim-hakim selama ini mengusulkan supaya hendak ubah pemerintahan yang ada tidak bersetuju dengan pemerintahan politik. Hakim-hakim perlu lebih peka kepada apa yang harus dibuat, bukan untuk berkelahi dengan Perdana Menteri macam dia kelahi dahulu.

Kelima, Peguam, aspirasi dan cita-cita rakyat perlu difahami. Cita-cita rakyat ialah untuk menyahut perlembagaan yang ada. Perlembagaan

yang ada, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hakim buat, bukan mahkamah buat . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tetapi perlembagaan rakyat buat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Atnin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Marang, masa sudah lebih.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali keunggulan sistem kehakiman dan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah boleh dilihat dari sudut pembangunan negara dan rakyat. Ingatlah kebanggaan dengan bahasa sendiri di mahkamah melambangkan keberanian dan rasa cinta kita terhadap hak dan sekaligus akan menarik serta menghimpun penghormatan dan keyakinan mereka yang mencari keadilan. Pendek kata apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbaian Perdana Menteri kalau kita sendiri tidak dapat bermegah dengan bahasa kita, siapa lagi? Kalau kita sendiri tidak mengatakan rasa cinta dan bangganya kepada identiti rupa bangsa kita serta bahasa kita, siapa lagi? Hendak harapkan kepada DAP, sorry. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.15 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan pindaan kepada Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan lebih tepat lagi Seksyen 8 (32) yang memperuntukkan sebagai satu kaedah

am segala proceeding mahkamah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan. Namun mahkamah boleh memerintah supaya proceeding mahkamah dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah kami dengar hujah daripada Yang Berhormat dari Marang yang tidak menumpukan perbincangan ke atas masalah sekarang, cuma itu menyimpang, cuma hendak memperkecilkan orang-orang lain

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia bukan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan, apakah yang dimaksudkan "tidak menumpu, tidak memberi penjelasan"? Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua Komen—yang bagusnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat dari Kepong, dia hendak ambil alih tempat Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, itu bukan minta penjelasan. Yang Berhormat hendak

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan minta, beri penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, penerangan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh, cuba lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat boleh mengubah sikap yang tidak begitu manis.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Adakah maksudnya sikap yang nakal seperti Yang Berhormat dari Kepong?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, saya berharap dia boleh mencontohi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sikap nakal, sorrylah saya tidak boleh contohi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat jangan beralih, biar begitu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau macam Rasah ini saya contohilah, dia baik hari ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam Bahasa Malaysia ini bahasa yang saya sebutkan tadi begitu cantik, indah, yang mempunyai perkataan dan perbendaharaan kata yang cukup. Walau bagaimanapun, sememangnya dasar memperluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah adalah melangkah ke arah yang betul. Akan tetapi sebaik-baiknya proses ini harus dilaksana secara memberi pertimbangan kepada segala aspek perkembangan bidang guaman dan kehakiman bagi menentukan kesesuaian serta kewarasan mengutamakan penggunaan Bahasa Kebangsaan lebih daripada bahasa Inggeris. Ketua Hakim Negara sendiri sedar akan kesukaran menggunakan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung. Pandangan beliau ini dikemukakan ketika mengumumkan penerbitan versi Journal Undang-undang Malaysia dalam Bahasa Malaysia tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, maka tengkingan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa Majlis Peguam Negara telah gagal menunaikan tanggungjawabnya memperluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah pada awal bulan Mei lalu dan juga kenyataan Yang Berhormat dari Marang dan rakan-rakannya tadi . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Kepong, statementnya, kenyataannya tidak

bertanggungjawab, sebab journal itu belum keluar lagi dia sudah sebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa ini?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasanlah, Tuan Yang di-Pertua. Journal itu belum keluar lagi dia sudah sebut. Ini bukan apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini bukan minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Journal belum keluar lagi, bolehkah kita buat satu kenyataan? Minta penjelasan. Journal belum dikeluarkan lagi, mana ada hakikat dan kenyataan yang benar. Journal belum keluar sudah sebut. Saya boleh buat buku macam itu, yang belum keluar lagi, saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat, minta duduk!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat dari Marang mempunyai mata dan mempunyai telinga, tetapi tidak dapat lihat, tidak dapat dengar. (*Ketawa*) Ketua Hakim Negara mengeluarkan kenyataan sendiri . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara juga menyatakan bahawa Bahasa Malaysia boleh digunakan sepenuhnya di Mahkamah dan Ketua Hakim Negara juga yang membentuk Jawatankuasa Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah dengan sepenuhnya. Dia sendiri Ketua Hakim menjadi pengerusi, macam mana Ahli Yang Berhormat boleh kata demikian. Artikel mana, journal mana, dari mana, bila akan dikeluarkan? Itu mesti dipertanggungjawabkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara sendiri telah keluarkan kenyataan di dalam akhbar yang mengatakan dia sedar akan kesukaran

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, akhbar mana, cetakan mana keluaran mana? Kalau ada, saya boleh setuju, saya boleh sokong, jangan pakai hentam rambang sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Marang itu tak membaca akhbar.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, yalah kalau saya tak baca, tunjukkanlah akhbar mana, keluaran bila?

Tuan Lim Kit Siang: Point of order. Saya rasa tidak ada tertib dalam Dewan ini. Apa yang kita lihat tadi melanggar Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia kata tak tertib, nombor berapa, saya buat apa, saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua beri . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Marang duduk dulu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apabila Yang Berhormat berucap, kalau Ahli Yang Berhormat yang lain berdiri, beri tahulah sama ada beri jalan atau tidak sebelum duduk.

Dr Tan Seng Giaw: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengulangi apa yang saya sebutkan tadi. Ketua Hakim Negara sendiri sedar akan kesukaran menggunakan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung, maka tengkingan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa Majlis Peguam telah gagal menunaikan tanggungjawabnya memperluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah pada awal

bulan Mei lalu dengan rujukan dibuat kepada mahkamah-mahkamah di Jepun, Thailand dan Indonesia di mana bahasa kebangsaan masing-masing digunakan adalah tidak wajar. Sebutan mengenai Indonesia pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat . . .

Tuan Zubir bin Embong: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh!

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Tengkingan itu tidak betul, tidak tepat ayatnya, teguran itu mungkin lebih lembut dan lebih manis. Saya ingin mendapat fahaman daripada Yang Berhormat dari Kepong, kalau tidak silap saya, teguran itu bukannya kerana kesusahan dan kesulitan untuk menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah tetapi teguran itu berikutan daripada kedegilan Majlis Peguam untuk berikhtiar dan berusaha mempergunakan Bahasa Malaysia di mahkamah, tidak ada usaha langsung, mungkin teguran itu dibuat, bukan tengkingan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Apa yang saya faham antara tengkingan dan teguran dan teguran itu dibuat kerana sikap yang ditunjuk oleh Majlis Peguam, sikap yang degil, sikap yang tidak mahu berusaha, sikap yang tidak menunjukkan satu daya usaha untuk memajukan dan melaksanakan Bahasa Malaysia di mahkamah. Ada beza. Jadi, saya harap mungkin seorang doktor seperti Yang Berhormat dari Kepong pun faham apa yang saya maksudkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau itu bercakap berpihak Menteri Pendidikan, kerana

beliau berlagak seperti Menteri Pendidikan sekarang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw: Nantilah dulu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak setuju perkataan tengking, mana boleh tengking, tak sesuai, tak pandai pilih perkataan, kata sudah master Bahasa Malaysia. Menteri Pendidikan tengking, tengking ini kita lihat, kita tengok tak betul. Minta tarik balik perkataan tengking.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang itu, walaupun dia mengakui dia seorang pakar—tetapi nampaknya dia kurang sedikit garamnya—saya tidak akan tarik balik, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus memahami bahawa sejarah negeri-negeri Jepun dan Thailand tidak pernah mengalami penjajahan oleh mana-mana pihak kekuasaan Barat. Walaupun Jepun pernah menundukkan diri kerana kalah di dalam peperangan tetapi tidak pernah dijajah. Oleh itu, sistem kehakiman mahupun guaman mereka kurang, malahan boleh dikatakan langsung tidak menerima pengaruh Barat dari segi bahasa yang digunakan dalam mahkamah. Sama ada bangsa asing langsung sekali tidak diguna dalam mahkamah negara-negara tersebut, hanyalah pemerhati, pengkaji serta pengamal undang-undang sendiri yang tahu menahu keadaan sebenarnya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya dapat bersetuju atas asas Thailand dan juga Jepun. Tetapi saya minta penjelasan bagaimana atas asas Kerajaan Indonesia yang pernah dijajah oleh Belanda masih juga mahu dan telah menggunakan bahasa

Indonesia di mahkamahannya. Jangan ambil sebahagian, sebahagian ditinggalkan. Jangan buat macam itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Marang boleh sabar sedikit kerana saya akan melanjutkan hujah saya dan akan menunjukkan bagaimana Indonesia melaksanakan dasarnya. Perihal negara Indonesia, memang tidak dapat dinafikan bahawa negara tersebut juga pernah dijajah oleh Belanda. Mengikut Ketua Badan Pembinaan Hukum Nasional Indonesia, Dr Soenaryati Hartono, bahawa negaranya—saya hendak menekankan di sini Dr Soenaryati Hartono itu, dia lebih fasih, lebih pakar daripada Yang Berhormat dari Marang—Dr Soenaryati Hartono telah menyatakan negaranya telah berjaya melaksanakan penggunaan bahasa Indonesia di semua peringkat sistem kehakiman. Proses ini menjangkau tempoh masa lebih 44 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pernah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. 44 tahun itu dia bermula bila?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apabila sudah minta, duduklah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang itu, kalau kita hendak memperbincangkan secara musyarah, secara manis kita boleh, tetapi jangan kita hendak mengacau dan mengganggu sahaja. Sebab ini satu perkara yang serius.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau Yang Berhormat tak hendak jawab, jangan beri jalan.

Tuan Haji Abdui Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya dengan ikhlas, 44 tahun bermula bila. Bukan saya hendak kacau, daripada tadi lagi saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah menerangkan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak payah macam mana saya hendak hujah? Dia pakai berambang sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pernah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat, perkembangan sejarah selanjutnya antara Indonesia dan Malaysia berbeza sekali. Di Indonesia hanya bahasa Indonesia sahaja yang boleh digunakan dan ini termasuk cara ejaan nama-nama keluarga. Begitu juga dengan Thailand di mana semua rakyat mesti bertukar dalam bahasa Thai, termasuk nama setiap orang sehingga lenyapnya identiti etnik kumpulan masing-masing dengan hanya berasaskan nama. Mujurlah Perlembagaan Malaysia mempunyai peruntukan membenarkan penggunaan bahasa-bahasa ibunda masing-masing. Di Malaysia, Perlembagaan Malaysia yang berkuatkuasa semenjak tahun 1957 memperuntukkan penggunaan bahasa Inggeris di mahkamah-mahkamah dan di bawah Perkara 152 Fasal (4) dan (5).

Perkara 152 Fasal (4) memperuntukkan bahawa selama tempoh 10 tahun selepas hari merdeka dan selepas daripada itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Parlimen segala perbicaraan di dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dijalankan di dalam bahasa Inggeris dan dengan persetujuan kedua-dua pihak mahkamah dan peguam keterangan yang diambil di dalam

bahasa yang diguna oleh saksi tidak perlu diterjemah dalam bahasa Inggeris.

Fasal (5) pula memperuntukkan segala perbicaraan dalam Mahkamah Rendah selain daripada mengambil keterangan saksi hendaklah dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Namun begitu Ketua Hakim Negara sendiri menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan sedang digunakan dengan kerap sekali di Mahkamah-Mahkamah Rendah terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur, di negeri Terengganu, di negeri Kelantan dan juga di negeri Kedah. Bertambah-tambahnya penggunaan Bahasa Kebangsaan di peringkat Mahkamah Rendah membuktikan wujudnya proses evolusi semula jadi di badan perundangan walaupun pada kadar yang agak perlahan.

Lambat laun Bahasa Kebangsaan yang digunakan dengan meluas sekali di mahkamah-mahkamah termasuk di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung terutama apabila bahasa pengantar kursus-kursus perundangan institusi pelajaran tinggi kian bertukar menggunakan bahasa tersebut dan lebih penterjemahan buku-buku rujukan dibuat. Sehingga itu proses ini harus dipupuk dengan penuh berwaspada dan bukan secara tergesa-gesa dan melulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga memberi pertimbangan kepada kesan melaksanakan dasar menggunakan Bahasa Kebangsaan ke atas perkembangan bidang guaman khususnya di bidang undang-undang antarabangsa (international law).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri apabila pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu menggunakan bahasa Inggeris dan di dalam bidang-bidang yang lain termasuk bercampur gaul dengan orang-orang asing pun menggunakan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan beliau sendiri sedar bahawa walaupun. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya kalau hendak pakai a point of order pun boleh, tetapi saya hendak minta penjelasan. Sekarang kita bercakap dalam konteks negara. Kalau bercakap tentang konteks antara-bangsa memang benar hujah itu. Jadi, saya hendak minta penjelasan apa kaitan, pengesyoran Akta Bahasa Kebangsaan yang hendak digunakan di Malaysia, menggunakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah dengan ucapan di Bangsa-bangsa Bersatu. Apa kaitannya? Adakah saudara hendak lirikan topik atau tajuk ini hendak selewengkan kerana tidak berani hendak menghadapi kenyataan, Itu penjelasan pertama.

Yang kedua, saya hendak tanya, tadi saudara baca Perlembagaan Perkara 152, kemudian cabut Fasal (4) dan Fasal (5) kononnya masih dibolehkan menggunakan bahasa Inggeris walaupun selepas hari merdeka. Tetapi saudara kena ingat bahawa selepas tempoh 10 tahun dan selepas daripada itu selain daripada diperuntukkan oleh Parlimen mengapa tidak dihuraikan. Maknanya selepas 10 tahun sebagaimana yang diperuntukkan oleh Parlimen, katalah pada hari ini dinyatakan oleh Perlembagaan sudah sampai masa dan ketikanya. Sampai bila lagi hendak diubah kalau tidak selepas 10 tahun. Hari ini bukan selepas 10 tahun, selepas 30 tahun! Itu dua penjelasan. Jangan hendak pusing-pusing dan jangan hendak putar alam. Ini dua penjelasan saya minta.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak menggalakkan sifat-sifat demokrasi sebab itulah saya membenarkan

dia memberi pendapat. Walau bagaimanapun setengah-setengahnya tidak wajar kerana dia itu petik satu dua perkataan kemudian menjelaskan. Bukan secara menyeluruh. Itu mengenai undang-undang antarabangsa . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, negara kita menumpukan dan bergantung kepada perdagangan dengan negara-negara asing dan 70% eksport ekonomi kita bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Sebab itulah ada kaitan dengan pindaan hari ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau bangun.?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, negara Jepun dan Thailand menggunakan bahasa masing-masing. Adakah dengan tidak menggunakan bahasa Inggeris menyebabkan negara mereka lemah dari segi ekonomi dalam hubungan antarabangsa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sistem yang wujud di Jepun dan di Thailand ada berlainan dan juga di peringkat antarabangsa mereka menggunakan bahasa Inggeris dan tidak menekan dan melaungkan seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Mereka tidak. Mereka benar-benar faham, cuma dia hendak jadi jaguh bahasa di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sidikit lagi. Nampaknya Yang Berhormat sudah bersetuju sekarang iaitu Jepun dan Thailand di bidang antarabangsa menggunakan bahasa Inggeris tetapi di negara sendiri menggunakan bahasa mereka. Jadi kita pun di negara kita,

kita gunakan Bahasa Malaysia dan luar negeri kita pakailah bahasa Inggeris.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, negara kita ada bidang-bidang khusus kerana sejarah. Kita tidak boleh hendak mengeneipkan sejarah dengan begitu sahaja. Yang Amat Berhormat sendiri, ada mengikuti tindak-tanduk dia apabila dia berucap, bertutur dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris di dalam masa-masa yang tertentu saya lihat sendiri, dia menyesuaikan diri untuk menghadapi cabaran semasa. Jadi, di dalam pindaan undang-undang sekarang pun kita hendak menyesuaikan diri mengikut perkembangan antarabangsa dan juga perkembangan di dalam negeri.

Pertambahan dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan usaha sama dengan negara-negara asing akan turut memperlihatkan perkembangan serta permintaan bagi kepakaran undang-undang di bidang undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Majlis Peguam salah satu masalah kekurangan perkembangan sektor guaman Malaysia dalam bidang ini ialah kerana setengah-setengah peguam tidak mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang baik maka mereka kurang dipilih untuk mewakili sektor swasta dalam hal undang-undang antarabangsa. Kebanyakan daripada kes-kes ini diberi sama ada kepada peguam asing atau firma guaman tempatan yang besar yang lebih tertubuh.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya peguam-peguam tempatan bukan sahaja tidak diberi peluang mendapat pengalaman mengendalikan kes-kes yang melibatkan undang-undang antarabangsa dan seterusnya membataskan perkembangan kepakaran di bidang guaman negara. Malahan defisit akaun semasa negara juga

bertambah buruk melalui peringkatan dalam jumlah akaun perkhidmatan lain.

Mengikut Laporan Ekonomi 1988/1989 defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 22% kepada \$11,108 juta. Aliran keluar bersih butiran perkhidmatan-perkhidmatan lain. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat dari Kepong sabotaje tajuk perbincangan kita pada penting ini. Kita bercakap mengenai dengan penggunaan Akta Bahasa Kebangsaan di mahkamah, dia duduk cerita tentang defisit akaun. Kalau hendak cakap perkara itu kita tunggu masa yang lain kita boleh berbahas. Jangan sabotaje tajuk ini kepada tajuk yang lain. Point of order, 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang dia tidak munasabah. Tidak begitu mengerti mengenai apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar bersih butiran perkhidmatan-perkhidmatan lain. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat dari Kepong sabotaj tajuk perbincangan kita pada petang ini. Kita bercakap mengenai dengan penggunaan Akta Bahasa Malaysia di mahkamah, dia asyik bercerita tentang defisit akaun. Kalau hendak bincang yang itu, tunggu masa lain kita boleh berbahas. Jangan hendak sabotaj tajuk ini kepada tajuk yang lain. Point of Order 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang ini tidak munasabah dan tidak begitu mengerti mengenai apa yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar bersih, butiran perkhidmatan-perkhidmatan lanjut. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati, 36 (1). . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat ruling, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ruling? Sepatutnya dia tidak boleh bercakap tentang defisit akaun. Ini adalah berhubung dengan Akta Bahasa Malaysia di mahkamah, 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada berkaitan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Patutnya kena pakai saya punya point of order, peraturan-peraturan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat ruling, dia boleh teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya harap Yang Berhormat dari Marang akan balik untuk meneliti ucapan dan sikapnya kerana itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah Yang Berhormat. Yang Berhormat teruskan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar bersih butiran perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka meningkat 28.8% kepada \$1,453 juta dan ini terutamanya disebabkan oleh tambahan dalam aliran keluar kasar atas perkhidmatan kontrak, runding cara dan profesional.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order 36 (1), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, Yang Berhormat dia akan datang kepada itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tetapi tidak betul, Tuan Yang di-Pertua, tajuknya. Saya bukan mengada-ada. Saya bercakap pada yang benar. Berani kerana benar, takut kerana salah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Datuk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak mahu duduk, Tuan Yang di-Pertua, katau tidak mahu dijelaskan keadaan yang sebenarnya. 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak mahu duduk, fasal itu keluar daripada tajuk perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat tidak mahu duduk bila saya minta, saya tidak ada pilihan yang lain.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hormati lagilah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih. Silakan Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar bersih, butiran perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka meningkat 28.8% kepada \$1,453 juta. Saya ulangi kerana ini penting, kerana negara ini semakin hari semakin menjadi lebih berindustri dengan bertambahnya pelaburan asing, kita akan. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat,

saya sudah buat ruling. Dia ada satu point tadi, Yang Berhormat tidak dengar, saya ingat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak baca, Tuan Yang di-Pertua. Saya baca boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, saya sudah buat ruling.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh baca, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tahu order itu, Yang Berhormat. Sila duduk? Sekejap sahaja. Sila Yang Berhormat dari Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, aliran keluar bersih, butiran perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka meningkat 28.8% kepada \$1,453 juta dan ini terutamanya disebabkan oleh tambahan dalam aliran keluar kasar atas perkhidmatan kontrak, runding cara. . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, 36 (1)—seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Saya kurang faham dan saya tidak nampak apakah kaitan di antara defisit dengan Akta Bahasa yang kita bincangkan hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi teah terangkan. Tetapi saya mintalah Yang Berhormat terangkan sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Saya terangkanlah sedikit. Kerana kita ada banyak pelabur asing dan bila kita ada pelaburan asing, kita dapat kontrak dan kontrak ini dibuat oleh peguam-peguam asing, misalnya, ataupun firma-firma yang terbesar di negara ini dan kontrak ini membelanjakan wang yang banyak dan kita tidak mahu wang di negara ini hilang kepada orang lain. Kita hendak galakan peguam-peguam Malaysia untuk. . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Ahli dari Kepong, apakah dengan kita menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah menyebabkan peguam-peguam kita semua tidak boleh bercakap bahasa Inggeris? Itu satu soalan.

Kedua, point of order 36(1). Semua sekali akan bangkit di bawah 36 (1). Kena buat ruling betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah buat ruling. Yang Berhormat. Maksud Yang Berhormat tadi ialah bahawa dalam pelaburan asing itu kita perlu menggunakan bahasa Inggeris. Dia menegaskan point itu. Itu sahaja. Kalau kita tidak bersetuju, itu lain. Tetapi ada berkaitan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalnya, penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Bukan kita hendak menidakkan orang menggunakan bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, ini persoalannya sekarang. Kita tidak menidakkan orang menggunakan bahasa Inggeris; kita kata hendak menggunakan Bahasa Malaysia dalam mahkamah. Apa salahnya? Jadi dia mengeluarkan ucapan fasal defisit dan sebagainya, ini tidak betul. Ruling 36 (1) ...

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat sendiri menyebut ekonomi kerana beliau sedar begitu penting. (*Tepuk*).

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Ahli Yang Berhormat dari Marang membuat ucapan, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada bangun minta penjelasan. Pada masa itu saya sendiri tidak dapat meminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Kepong. Kalau dibenarkan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Kepong.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada mengatakan bahawa mahkamah-mahkamah di Terengganu menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam perjalanan mahkamah. Betul atau tidak? Kalau jawabannya betul, saya hendak sambung lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak dengan sepenuhnya, dalam beberapa tahun ini di Terengganu, di Kelantan dan negeri-negeri di pantai timur, banyak orang menggunakan Bahasa Malaysia dan Tuan Yang di-Pertua sendiri pun, dia ada pengalaman di Kelantan, dia pernah dengar Bahasa Malaysia digunakan dengan lebih kerap di negeri-negeri tersebut. Ini menunjukkan bahawa tanpa paksa, tanpa jaguh-jaguh seperti hari ini, kita dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan lebih meluas. Itu bukan masalah bagi saya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bersetuju dengan soalan saya tadi, saya ada dua persoalan yang ingin saya bangkitkan. Yang Pertama, kalau kita boleh menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah di Terengganu dan di Kelantan. Kenapa kita tidak boleh menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah lain di negara kita ini?

Soalan saya yang kedua, berkenaan dengan ekonomi. Hari ini negara yang

paling kukuh ekonominya di dunia ini ialah Jepun. Kalau Jepun boleh menggunakan bahasa Jepun di mahkamah mereka, dalam perjanjian-perjanjian mereka, agreement-agreement mereka, kenapa kita tidak boleh menggunakan Bahasa Malaysia dalam agreement-agreement kita dan kita boleh terjemahkan agreement kita ke bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain untuk disesuaikan dengan mereka yang datang melabur dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pelabur yang datang ke negara kita bukan semuanya pandai menggunakan bahasa Inggeris. Apakah orang Jepun, orang Taiwan pandai menggunakan bahasa Inggeris ataupun orang German sendiri? (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu tidak begitu faham mengenai cara-cara kontrak dibuat di dalam bidang perdagangan antarabangsa. Itu salah faham Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta satu sahaja penjelasan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Kepong dan saya minta jawapan secara terus terang, adakah Yang Berhormat dari Kepong bermaksud dengan penggunaan Bahasa Malaysia, dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia kita di mahkamah dan juga perundangan lain, maka ianya akan merugikan negara kita dari segi ekonomi. Saya minta Yang Berhormat bercakap terus terang, jangan berdalih-dalih, kerana Yang Berhormat bercakap tadi tentang detisit dan sebagainya menggambarkan dengan secara tidak terus terang iaitu dengan penggunaan Bahasa Malaysia ini maka rugilah negara kita dari segi ekonomi. Saya hendak tahu secara terang nyatakan di dalam Dewan ini sama ada Yang Berhormat bersetuju penggunaan Bahasa Malaysia ini merugikan negara kita

dari segi ekonomi atau pelaburannya. Terus terang cakap, jangan berdalih-dalih lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Berendam ini sangat beremosi dan bersentimen . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beremosi, tetapi saya cukup . . .

Dr Tan Seng Giaw: Saya sudah jelaskan dalam ucapan saya iaitu perkara ini sudah dijawab. Bukan kita tidak mahu menggunakan Bahasa Malaysia cuma di dalam bidang-bidang yang tertentu kita hendak menggalakkan peguam-peguam kita fasih di dalam bahasa Inggeris. Ada peguam-peguam iaitu yang baru lulus daripada universiti tidak begitu fasih di dalam bahasa Inggeris. Itu hakikatnya . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Jadi, saya hendak tahu sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Hari ini kita berbincang tentang meminda Akta bahasa ini terutama sekali untuk digunakan di mahkamah. Kita sudah merdeka 32 tahun. Akta bahasa telah diluluskan tahun 1967. Sudah 20 tahun lebih. Kita menggalakkan orang menggunakan Bahasa Malaysia. Hari ini, Yang Berhormat dari Kepong mengatakan pula kita hendak menggalakkan peguam-peguam kita bertutur dalam bahasa Inggeris. So, which is which? Yang mana satu kita hendak pakai? Terangkan betul-betul sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak memutarbelitkan sahaja. Dia memang sahaja menyukarkan atau merumitkan perdebatan sekarang. Saya tidak sekali-kali . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tolong jelaskan sedikit. Terangkan dalam Dewan ini.

Jangan putar belit. Saya hendak tahu, pertanyaan saya simple, senang sahaja, sama ada Yang Berhormat mengatakan penggunaan Bahasa Malaysia dari segi undang-undang merugikan negara kita dari segi ekonomi iaitu pelaburan dan sebagainya. Saya hendak tahu itu. Adakah itu maksud yang sebenarnya?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan maksud saya. Maksud saya, walaupun kita hendak menggalakkan orang menggunakan Bahasa Malaysia sambil kita tidak akan mengabaikan penggunaan bahasa Inggeris di dalam bidang guaman terutamanya di dalam undang-undang antarabangsa.

Tuan Haji Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak tahu sama ada Yang Berhormat dari Marang hendak menggunakan bahasa baku atau tidak. Kalau tidak mahu menggunakan bahasa baku, saya tidak hendak beri jalan.

Tuan Haji Rahman bin Bakar: Berilah. Hendak berikah tak hendak beri.

Rang Undang-undang ini bacalah betul-betul dahulu sebelum bercajakap. Fasal, katanya, "memerintahkan supaya prosiding itu (selain daripada pemberian keterangan, seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris." ini sudah tidak ada masalah. Saudara hendak putar alam, bila tersepit, mahu mengaku. Kalau saudara kata suka Bahasa Malaysia, nyatakan tidak suka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup menghormati ikut cara demokratik tetapi tidak boleh disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi di dalam Perkhidmatan Kontrak, Runding Cara dan Professional sebanyak \$2,673 juta yang berkaitan dengan peningkatan dalam jumlah pelaburan dan kita berharap walaupun kita hendak menggunakan dan kita menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia, kita tidak boleh mengabaikan penggunaan bahasa Inggris.

Merujuk kembali kepada negara Indonesia, negara tersebut juga menghadapi masalah peguam-peguamnya ketinggalan dalam kedua-dua segi pengalaman dan kepakaran semasa mengendalikan kes-kes di peringkat antarabangsa, ini adalah kerana penguasaan bahasa Inggeris mereka lemah. Memandangkan . . .

Tuan Haji Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mohon jalan, boleh?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita telah menyaksikan bahawa beliau tidak menggunakan cara demokratik dengan betul, saya tidak akan membenarkan lagilah.

Tuan Haji Rahman bin Bakar: Apa? Takut, pengecut!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Kerajaan telah memberi berbagai-bagai insentif untuk menarik pelaburan asing, maka pertimbangan sewajarnya patut diberi kepada penguasaan bahasa Inggeris di kalangan peguam-peguam dan mahkamah-mahkamah negara untuk menghadkan jumlah aliran keluar bersih yang berhasil daripada pengimportan perkhidmatan kontrak, runding cara, dan professional.

Apakah gunanya negara kita memperoleh berbillion-billion ringgit pelaburan tetapi sebahagian besar daripada keuntungan mengalir keluar melalui pelbagai kebocoran lain termasuk melalui perkhidmatan guaman dan insurans. Lagi pun baru-baru ini Kerajaan telah mengatakan

bahawa sektor swasta, lebih-lebih lagi bank-bank perdagangan tidak akan dipaksa untuk menggunakan Bahasa Malaysia. Pengumuman ini dibuat pada 4hb Oktober tahun ini oleh Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed. Ini bermakna bahawa bidang guaman hanya semata-mata perlu menggunakan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah tetapi di lain-lain perkara bahasa Inggeris tetap akan digunakan. Faktor lain ialah pindaan undang-undang ini mungkin menghasilkan lebih banyak kes ditangguh di mahkamah. Buat masa ini, kira-kira 300,000 kes masih ditangguh di mahkamah kita. Jika terdapat perselisihan di antara peguam dengan hakim mengenai bahasa manakah yang harus digunakan semasa pendengaran kes maka kes tersebut akan terpaksa ditangguh sehingga masalah dapat diselesaikan. Peristiwa seperti ini pernah berlaku pada 14hb September tahun ini di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur apabila pihak peguam tidak bersedia untuk menjalankan perbincangan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Hakim tidak mempunyai apa-apa pilihan melainkan menangguhkan pendengaran kes yang melibatkan 66 orang dihalau daripada Kampong Pandan Dalam kepada tarikh yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kami menyeru kepada Kerajaan supaya memberi pertimbangan sewajarnya kepada semua pihak, semua aspek perkembangan bidang guaman kami sebelum melaksanakan dasar menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah secara melulu. Sekian, terima kasih.

Timbtan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Pagoh.

5.56 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Kerajaan kerana pembentangan Rang Undang-undang ini di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sejak perlembagaan negara digubal dan seterusnya kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 kira-kira 32 tahun, sebulan yang lalu, bahasa Melayu telah didaulatkan dengan menjadikannya Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi negara. Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa utama yang digunakan di semua bidang dan tidak kecuali di dalam bidang perundangan Usaha mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sudah berjalan begitu lama. Segala usaha yang diperlukan telah dilakukan dengan gigih. Hari ini kita boleh berasa bangga dengan pencapaian kita dalam mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Walaupun kejayaan yang pesat telah dicapai dalam mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara, namun usaha menjadikan Bahasa Kebangsaan, sebagai bahasa perundangan belum lagi dapat disempurnakan. Kalau Rang Undang-undang bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 tidak dapat dibuat sekarang, saya percaya proses penggunaan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya dalam perundangan ini akan mengambil masa yang lebih lama lagi, satu jangka masa yang kita tidak akan dapat tentukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semoga tarikh 19hb Oktober, 1989 ini akan menjadi tarikh keramat yang tercatat sebagai tarikh "Hari ini dalam sejarah", yang menyaksikan sumpah kita untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya di Malaysia. Kita menerima hakikat bahawa

memang ada kesulitan dalam usaha kita melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan negara. Namun apa pun rintangan jika ada kemahuan mesti ada jalan. Kalau ada golongan yang menentang atau enggan melaksanakan dasar ini, saya ingin mengingatkan eloklah balik ke pangkal jalan, demi maruah negara sebelum dicap sebagai pengkhianat ke arah usaha mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perundangan yang berkemampuan dan dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat Malaysia yang menaruh taat setia kepada negaranya mestilah sanggup memulakan langkah ini, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan halangan terutama dari segi perkara yang membabitkan sistem nilai dan kebiasaan.

Selepas 32 tahun kita merdeka, tindakan pindaan Akta ini tidak patut dimengertikan sebagai tindakan yang tidak rasional, penuh beremosi ataupun suatu langkah mendadak yang bersifat revolusi dan bukan evolusi. Langkah yang kita buat ini bukanlah yang melulu. Memahami tentang aspirasi negara dan kehendak rakyat, 32 tahun sudah cukup untuk kita mengukur, meninjau dan mengkaji serla mengadakan langkah yang pasti dan wajar bagi:

- (i) mewujud dan mencerminkan keperibadian kita yang tersendiri;
- (ii) mendemokrasikan undang-undang dengan penggunaan bahasa perundangan yang difahami oleh semua rakyat;
- (iii) menjadikan rakyat pengguna undang-undang yang memahami undang-undang;
- (iv) menjadikan ilmu undang-undang sebagai ilmu yang bukan menjadi milik segolongan kecil yang dipanggil milik

eksekutif ataupun milik eksklusif, golongan yang berbahasa Inggeris dan berlagak kelnggerisan;

- (v) menjadikan rakyat menggunakannya dengan lebih yakin dan berkesan;
- (vi) menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa perundangan yang mampu menggambarkan perasaan rakyat di dalam negara ini; dan
- (vii) menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa yang penggunaannya akan membawa kepada pertumbuhan sistem undang-undang yang bersifat kebangsaan.

Apa yang menjadi pendorong kuat kita untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dalam sistem kehakiman negara ialah semangat dan semangat itu ialah semangat yang harus wujud di dalam diri kita, jiwa kebangsaan yang tinggi.

Saya memuji langkah tegas Yang Arif Ketua Hakim Negara yang menunjukkan ketegasannya dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Siapakah yang akan menghormati kita kalau kita sendiri tidak tahu menilai dan meletakkan penghormatan kita di tempat yang sewajarnya. Siapakah yang akan memandang tinggi kepada kita jika kita sendiri malu dan jika kita sendiri rasa aib untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan jika kita rasa rendah diri untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan. Tidak akan ada orang yang akan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan melainkan kita sendiri. Adakah hilang dan tercemar martabat kita kerana kita orang Malaysia dan kita menggunakan Bahasa Kebangsaan? Adakah jatuh nama dan kedudukan kita kerana kita fasih menguasai dan bertutur dalam Bahasa Kebangsaan? Kalau ada mereka yang mempunyai perasaan dan sifat-sifat itu maka sebenarnya mereka ini

golongan yang tidak sebenarnya mempunyai jiwa dan keperibadian Malaysia yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kita kembali kepada tradisi. Tradisi perundangan kita ialah dalam Bahasa Melayu, lihatlah perundangan dalam Kesultanan Melayu, lihatlah perundangan dalam Hukum-hukum Kanun di Melaka, Undang-undang Laut, Undang-undang Kedah dan juga Undang-undang 99 di Perak. Jika kita dapat tegakkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan negara, maka status Bahasa Malaysia adalah sama dengan status bahasa-bahasa lain yang diiktiraf sebagai bahasa utama antarabangsa sepertilah juga kedudukannya dengan bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Arab, bahasa Russia, bahasa Cina, bahasa Jepun dan bahasa-bahasa yang lain. Bagi menentukan pindaan Akta ini secara lebih berkesan, saya mengesyorkan supaya langkah-langkah berikut dilaksanakan segera:

- (a) Usaha tegas mestilah dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat termasuk peranan Majlis Peguam.
- (b) Peningkatan kemampuan mesti ditambah terutama dari segi penggunaan bahasa.
- (c) Usaha Bahagian Penggubalan Jabatan Peguam Negara dan juga Jawatankuasa Kecil Bahasa Majlis Peguam mestilah membanyakkan lagi usaha menerjemahkan terminologi undang-undang dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia untuk tujuan meningkatkan lagi pengetahuan dan kecakapan peguam-peguam dalam Bahasa Malaysia.
- (d) Penterjemahan yang rapi mesti dilakukan oleh kakitangan yang dedikasi.
- (e) Mengadakan lebih banyak kelas-kelas Bahasa Malaysia bagi

peguam-peguam bagi meningkatkan prestasi peguam-peguam di negara ini.

- (f) Golongan cendikawan perlu memainkan peranan penting dengan memberi pengorbanan dan usaha gigih untuk mewujudkan satu ilmu hukum "legal theory", dengan izin, yang bercorak nasional.
- (g) Penerbitan buku dan journal undang-undang dalam Bahasa Malaysia mestilah diperbanyakkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika pelaksanaan peningkatan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah dijalankan dengan program yang teratur dan mendapat kerjasama semua pihak, saya yakin usaha ini bukanlah menjadi sebab mengapa kes-kes tertangguh akan menjadi lebih rumit dan ketidakadilan di mahkamah. Langkah Hakim-hakim Melayu yang berbahasa Melayu sendiri patutlah mengambil inisiatif untuk membanyakkan lagi penghakiman mereka dalam Bahasa Malaysia bagi memberi contoh dan mempercepatkan lagi proses penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan Akta ini mestilah dilengkapi dengan memasukkan satu peruntukan menetapkan jangka masa penggunaan sepenuhnya-bahasa itu di mahkamah. Jangka masa 3-5 tahun adalah satu jangkaan yang sesuai untuk tempoh peralihan dan saya bangga kerana sekarang ini perbicaraan atau prosiding di Mahkamah Rendah telah pun menggunakan Bahasa Malaysia. Semoga penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung akan menjadi kenyataan, sementara itu semua keputusan mahkamah hendaklah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat adalah wajar

dan tidak syak-wasangka untuk memberi sokongan saya kepada suatu pindaan atau gubalan iaitu pada Fasal 2 untuk membuang atau tidak memasukkan potongan terakhir ayat yang berbunyi:

". . . or wholly in the English language".

Saya berpendapat bahawa bagi tujuan untuk menjadikan lebih berkesan pindaan ini, andainya di dalam sesuatu prosiding itu terlalu sukar dan menyulitkan perjalanan prosiding dengan sebab ada pihak yang terlibat terlalu sukar untuk menggunakan Bahasa Malaysia khasnya kalau yang terlibat itu dari luar negara, maka memadai kalu sepatah atau dua patah perkataan dapat digunakan di dalam Bahasa Malaysia, umpamanya, memberi kenyataan dan menyoal dalam bahasa Inggeris hendaklah dengan meminta kebenaran dengan menyebut: "Dengan izin" di dalam Bahasa Malaysia terlebih dahulu dan ini memenuhi takrif sebahagian yang disebut dalam bahasa Inggeris dan sebahagian lagi dalam Bahasa Malaysia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu saya menyokong pindaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.11 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 terutamanya pindaan kepada Seksyen 8 sebagaimana dibentang oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Pertama sekali suka saya mengemukakan pandangan iaitu proses keadilan bukan terletak dalam bahasa. Proses keadilan terletak kepada kejujuran. Tetapi dalam soal penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah di semua peringkat, adalah suatu proses untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia yang sudah menjadi Bahasa Kebangsaan yang sememangnya perkara ini sudah lama dilakukan. Walaupun kita dapati ada negara-negara mengambil masa yang begitu panjang dan kita sesudah 32 tahun barulah mencuba dengan sedaya upaya termasuk meminda Akta seperti yang ada pada hari ini dalam usaha hendak menggunakan Bahasa Malaysia dalam semua peringkat di mahkamah. Tetapi soal lama ataupun cepat bukan menjadi soal pokok, tetapi walau macam manapun kita dapati halangan ke arah menggunakan Bahasa Malaysia dalam mahkamah selama ini mungkin kerana kecuaiannya kita juga iaitu kesungguhan kita selama ini untuk menjadikan Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa yang digunakan di dalam mahkamah.

Kita lihat selama ini dalam proses pendidikan undang-undang di negara kita, sesudah kita mencapai kemerdekaan, bidang pendidikan undang-undang hanyalah semua tertumpu kepada United Kingdom, manakala dalam negara kita sendiri hanya baru bermula, malah Universiti Malaya baru mengadakan kursus undang-undang beberapa tahun yang lalu. Begitu juga lain-lain pusat pengajian tinggi, tetapi itupun terpaksa menggunakan kuliah dalam bahasa Inggeris sebab rujukan istilah-istilah undang-undang tidak banyak dalam bidang Bahasa Malaysia.

Kita boleh persoalkan peranan Dewan Bahasa selama ini. Kita ingin tahu sejauh manakah kejayaan Dewan Bahasa selama ini menghasilkan istilah-istilah perundangan bagi digunakan oleh para peguam ataupun di mahkamah itu sendiri. Apakah

rancangan Dewan Bahasa untuk melahirkan istilah-istilah demikian, ataupun Dewan Bahasa lebih menumpukan kepada penterjemahan buku-buku lain yang bukan menjadi keutamaan.

Saya percaya dalam soal hendak menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah tidak akan menjadi masalah besar sesudah segala infrastruktur ke arah pelaksanaan tersebut disediakan dengan selengkap-lengkapnya. Sememangnya kita mengalu-alukan, kita menyokong langkah yang baik ini malah perhatian secara peribadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang turut membentangkan sendiri Akta ini, mencerminkan kesungguhan ke arah pelaksanaan Bahasa Kebangsaan ini. Kita terima dengan baik, tetapi soalnya dari segi persediaan untuk melaksanakan ke arah hasrat ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan membentuk Jawatankuasa Pemandu ataupun Steering Committee di peringkat "high-powered", dengan izin, yang mengandungi pegawai-pegawai ataupun yang mewakili Kementerian Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam ataupun wakil dari Universiti untuk memikirkan dari segi pelaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah, sama ada menggalakkan seminar-seminar ataupun mewujudkan satu peperiksaan yang harus diduduki oleh setiap pelajar-pelajar undang-undang terutamanya yang balik daripada luar negeri yang lulus daripada United Kingdom ataupun di Australia atau New Zealand yang balik ke negara kita sesudah mereka lulus membuat persediaan untuk diterima ke Bar, mereka juga harus menduduki satu peperiksaan yang diadakan iaitu peperiksaan istilah-istilah undang-undang dalam Bahasa Malaysia yang boleh dikendalikan oleh pihak Kerajaan, bagi memastikan segala perancangan ini dapat dilaksanakan

dengan baik, dengan teratur supaya ianya benar-benar berkesan. Jika tidak, walaupun kita meminda undang-undang ini nanti, walaupun telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di waktu peringkat Jawatankuasa ini nanti, atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris akan digugurkan, tetapi tinggal lagi pelaksanaan dalam mahkamah itu setiap hari sudah barang tentu akan berjalan seperti biasa kalaulah infrastruktur tadi tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang terperinci.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sememangnya hendak menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah ini adalah proses untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Saya ingin menarik perhatian mengenai masalah "Kepimpinan Melalui Teladan" yang mana terdapat juga setengah-setengah di kalangan pemimpin, Menteri-menteri—seorang dua kalaupun tidak semua, tetapi ada beberapa orang—kalau dalam peringkat seminar-seminar antarabangsa bolehlah kita terima, seminar-seminar besar, tetapi ada di kalangan pemimpin dalam majlis-majlis di negara kita sendiri ada 3-4 orang sahaja orang luar, orang Inggeris, sudah bercakap bahasa Inggeris, mendewakan bahasa-bahasa luar.

Ini telah kita lihat berlaku di pusat pengajian tinggi di waktu merasmikan seminar—saya tidak mahu sebut nama, sebab orang yang bercakap dalam bahasa Inggeris inipun, yang mendewakan bahasa Inggeris inipun, saya terkejut melihat orang itu, orang itu yang bercakap dalam bahasa tersebut. Bukan salah, memang kita hendak menggalakkan juga bahasa Inggeris dalam bidang perdagangan, dalam lain-lain bidang, memang bahasa Inggeris itu penting, tidak ada siapa persoalkan tetapi soal prinsip dalam mendaulatkan Bahasa Kebangsaan memang terletak dalam proses terutamanya di mahkamah

kerana itu salah satu daripada tempat yang boleh menggambarkan bahawa Bahasa Malaysia didaulatkan dalam negara kita ini. Ini perkara penting, sebab bukan sahaja soal perbicaraan dalam mahkamah harus digunakan dalam Bahasa Malaysia, tetapi juga kita harap affidavit yang disediakan dalam mahkamah, keputusan pihak hakim dan juga Perintah Mahkamah mestilah digunakan dalam Bahasa Malaysia.

Kita bercakap soal keadilan maka terpaksalah kita tumpu kononnya kepada bahasa Inggeris, tidak hendak menjejaskan proses keadilan, tetapi Perintah Mahkamah, affidavit yang dibuat dalam bahasa Inggeris yang terkena orang-orang kampung yang pergi ke mahkamah untuk mendapatkan keadilan, adakah orang kampung faham bahasa Inggeris tersebut? Orang kampung yang hendak mendapat keadilan, penoreh getah, pengayuh beca, petani yang pergi ke mahkamah dengan bermacam-macam masalah, peruntukan yang dibuat, affidavit yang dikemukakan memang dalam bahasa Inggeris. Sudah barang tentu mereka ini bukan sahaja tidak faham malah tidak tahu apakah kandungannya selain daripada diberitahu oleh pihak peguam ataupun pihak-pihak yang berkenaan.

Sememangnya langkah ini kita alu-alukan, langkah ini memang kita sokong tetapi tinggal lagi kita berpendapat memang seharusnya sudah lama perkara ini dijalankan, mungkin 10 tahun dahulu, mungkin 15 tahun dahulu. Sebab itu kita menekankan bermula daripada pendidikan undang-undang daripada universiti, pengajian tinggi kita dalam negeri haruslah malah wajib diadakan dalam Bahasa Malaysia, mera-perbanyakkan istilah-istilah bagi mengatasi masalah tersebut. Saya percaya perkara ini boleh diatasi, tidak banyak istilah-istilah yang complicated dari segi istilah undang-undang sebab

dalam bidang perubatan sekalipun yang lebih sukar daripada undang-undang, sudahpun boleh ataupun sudah wujud istilah-istilah Bahasa Kebangsaan.

Dalam bidang pengurusan, dalam bidang perakaunan, sudah ada istilah-istilah tersebut, tidak menjadi masalah. Kita tengok negara-negara lain sudah lama menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam menggunakan Bahasa Kebangsaan masing-masing, tidak seperti di negara kita. Malah saya lihat apa yang sedang berlaku, kita sudah boleh dikatakan hanyut, kita ada dasar, tetapi kita hanyut dengan dasar yang telah dibuat selama ini. Pokoknya ialah ketegasan dalam melaksanakan hasrat ini. Saya percaya jika struktur yang saya cadangkan pada awal tadi dapat disusun, dapat diadakan, dapat dilaksanakan, saya penuh yakin tidak timbul soal penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah nanti, tidak timbul masalah lagi dan saya tidak percaya soal proses keadilan itu mestilah di dalam bahasa Inggeris. Proses keadilan ada di dalam mana-mana bahasa, yang penting ialah kejujuran. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tawau.

6.21 ptg.

Tuan Samson Chin Chee Tsu (Tawau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini yang meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 2* Rang Undang-undang ini meminda seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan bagi meraperuntukkan sebagai satu keadaan bahawa segala prosiding mahkamah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua,

sungguhpun terdapat syarat bahawa prosiding mahkamah boleh dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris, saya ingin menegaskan bahawa pertimbangan khas mesti diberi kepada negeri Sabah kerana sejak negeri tersebut berhubung dengan Persekutuan Malaysia, hampir kesemua hakim dan peguam tempatan yang sedia ada yang berusia 30 tahun ke atas menerima pendidikan dalam bahasa Inggeris. Bahasa Kebangsaan hanya diperkenalkan kepada kurikulum sekolah-sekolah di Sabah pada tahun 1976, maka kebanyakan daripada peguam-peguam di negeri Sabah kurang fasih dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah. Jika Rang Undang-undang ini dilaksanakan hanya akan mewujudkan masalah yang serius bagi kedua-dua pihak hakim dan peguam tempatan di Sabah. Jika mereka ini tidak fasih dalam penggunaan Bahasa Malaysia maka bagaimanakah mereka boleh mengusulkan keadilan dipertahankan dengan sebaik-baiknya. Keadilan tidak boleh diperlihatkan sahaja sebagai telah terlaksana semata-mata.

Kedua, memandangkan kesemua buku rujukan perundangan masih dicipta di dalam bahasa Inggeris, termasuk Journal Undang-undang Malaya, dengan izin, Malayan Law Journal, masa yang mencukupi diperlukan bagi menterjemahkan bahan-bahan tersebut kepada Bahasa Malaysia. Ini bermakna satu rangka masa yang tertentu atau tempoh masa peralihan amat perlu sebelum pelaksanaan sepenuhnya penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Ketiga, memandangkan sebuah jawatankuasa sudah ditubuh untuk mengumpul dan memperbaharui perbendaharaan kata mengenai istilah-istilah teknikal perundangan yang amat diperlu dan lazim digunakan oleh Hakim-hakim dan Peguam-peguam

semua, saya memahami bahawa jawatankuasa tersebut juga memerlukan jangka masa yang tertentu untuk menyempurnakan tugas mereka dengan sebaik-baiknya agar dapat pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah berjalan dengan licin dan cemerlang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selagi prasyarat tersebut di atas tidak didapati, pada pendapat saya matlamat Rang Undang-undang ini bukan sahaja tidak tercapai malah akan membawa banyak kekeliruan dan mengganggu perjalanan mahkamah. Keadaan sedemikian memang tidak adil kepada semua pihak dan akan membawa kepada kekurangan kepercayaan dalam kebolehan dan kewibawaan seluruh badan kehakiman, lebih-lebih lagi dalam tempoh masa ini di mana imej badan tersebut telah sediakala terjejas oleh berbagai pencerobohan dalam kegiatannya, Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.28 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, penggalakan dan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak pun patut dan harus disokong oleh kerana setiap negara mempunyai Bahasa Kebangsaannya sendiri dan sebagai seorang warganegara kita harus mencintai Bahasa Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini yang dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1989, adalah untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa mahkamah di mana segala prosiding mahkamah selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi hendaklah di dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah merupakan sebuah badan yang tertinggi di dalam pemeliharaan dan penjaminan keadilan dan dalam Rang Undang-undang ini mereka yang berpengaruh adalah Pegawai-pegawai Kehakiman dan Peguam-peguam, oleh yang demikian, pendapat-pendapat mereka patutlah dihormati oleh Kerajaan. Sekiranya mereka berpendapat bahawa pelaksanaan Akta ini pada masa sekarang akan menjejaskan perkembangan dan keputusan keadilan maka saya bercadang Akta ini dilaksanakan lambat sedikit oleh kerana keadilan lebih penting daripada Bahasa Kebangsaan, tidak kira bahasa

kebangsaan negara apa pun. Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang bahasa. Demi. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditempokkan pada pukul 6.30 petang.